



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 655

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

Tarikh Persetujuan Diraja 10 Julai 2006

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 20 Julai 2006

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 655

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Kerajaan Persekutuan hendaklah mempunyai kuasa eksekutif

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN PELESENAN

Bab 1

Lesen individu

4. Kehendak bagi lesen individu
5. Kuasa untuk mengecualikan daripada kehendak bagi lesen individu
6. Permohonan untuk lesen individu
7. Maklumat atau dokumen lanjut
8. Syor oleh Suruhanjaya
9. Pemberian atau keengganan memberikan lesen individu
10. Pematuhan syarat lesen individu
11. Kuasa untuk mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat
12. Pemindahmilikan lesen individu
13. Pembatalan lesen individu
14. Tarikh berkuat kuasanya pembatalan lesen individu
15. Penyiaran pembatalan lesen individu

Seksyen

16. Penyerahan balik lesen individu
17. Pembaharuan lesen individu
18. Kesan pembatalan, penyerahan balik atau tidak membaharui lesen individu
19. Daftar lesen individu

Bab 2

Lesen kelas

20. Kehendak bagi lesen kelas
21. Sekatan yang dikenakan ke atas pemegang lesen kelas
22. Kuasa untuk mengecualikan daripada kehendak bagi lesen kelas
23. Pengecualian daripada kewajipan atau obligasi
24. Kelulusan bagi lesen kelas
25. Permohonan untuk lesen kelas dan pendaftaran
26. Pematuhan syarat lesen kelas
27. Pembatalan pendaftaran pemegang lesen kelas
28. Daftar lesen kelas

BAHAGIAN III

KEWAJIPAN DAN OBLIGASI PEMEGANG LESEN

Bab 1

Kewajipan dan obligasi yang terpakai bagi semua pemegang lesen

29. Pemberian maklumat
30. Pengemukaan rancangan perniagaan
31. Arahan oleh Suruhanjaya kepada pemegang lesen kemudahan untuk membina, mengendalikan dan menyenggarakan sistem bekalan air awam atau sistem pembedungan awam yang baru
32. Akses kepada sistem bekalan air awam dan sistem pembedungan awam
33. Berurusan dengan pengguna
34. Keselamatan, keutuhan dan keadaan selamat sistem bekalan air dan sistem pembedungan
35. Kewajipan pemegang lesen kemudahan berkenaan dengan sistem bekalan air dan sistem pembedungan

Bab 2

Kewajipan dan obligasi yang terpakai bagi pemegang lesen yang menyediakan perkhidmatan bekalan air

Seksyen

36. Membangunkan dan menyenggarakan sistem bekalan air
37. Pembekalan air
38. Menyambungkan sesalur utama awam dengan premis yang hendak dibekalkan air
39. Pembekalan air melalui paip awam
40. Pengekalan tekanan air
41. Kualiti air
42. Pembekalan air bagi pepadaman kebakaran

Bab 3

Kewajipan dan obligasi yang terpakai bagi pemegang lesen yang menyediakan perkhidmatan pemetungan

43. Mengendalikan dan menyenggarakan sistem pemetungan awam
44. Tangki septik hendaklah dinyahenap cemar

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN SISTEM BEKALAN AIR, PERKHIDMATAN BEKALAN AIR, SISTEM PEMETUNGAN DAN PERKHIDMATAN PEMETUNGAN

Bab 1

Sistem bekalan air dan sistem pemetungan

45. Pembinaan sistem bekalan air, sistem pemetungan dan tangki septik
46. Kehendak bagi pemaju untuk membina sistem bekalan air dan sistem pemetungan
47. Pemaju hendaklah menyerahkan sistem bekalan air atau sistem pemetungan pembangunan baru kepada pemegang lesen perkhidmatan
48. Kerosakan kepada sistem bekalan air awam dan sistem pemetungan awam hendaklah dibaiki
49. Kelayakan untuk mengendalikan, dsb., sistem bekalan air dan sistem pemetungan
50. Permit untuk kontraktor
51. Kerja pemasangan dan penyambungan paip

Bab 2

Perkhidmatan bekalan air

Seksyen

52. Perjanjian pembekalan dengan pengguna
53. Pembekalan secara pukal antara pemegang-pemegang lesen perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan bekalan air
54. Pengurangan atau pemberhentian bekalan
55. Sekatan bekalan air
56. Kuasa khas semasa kecemasan

Bab 3

Sistem dan perkhidmatan pemetungan

57. Kuasa untuk menghendaki premis disambungkan ke sistem pemetungan awam
58. Kuasa untuk menghendaki pemaju untuk menyambungkan pembangunan ke sistem pemetungan awam
59. Kehendak supaya saliran yang sepatutnya bagi kumbahan dibuat
60. Sambungan yang tidak dibenarkan ke pemetung awam, dsb.
61. Efluen terlarang atau benda berbahaya tidak boleh dilepaskan ke dalam pemetung awam, dsb.
62. Tanggungjawab bagi tangki septik komunal
63. Kuasa untuk memasang atau membina sistem pemetungan persendirian atau tangki septik
64. Kuasa untuk menghendaki sistem pemetungan persendirian, dsb., dijadikan berkeadaan teratur seperti yang sepatutnya
65. Kewajipan untuk mengendalikan dan menyenggarakan sistem pemetungan persendirian, dsb.
66. Penalti berkenaan dengan kacau ganggu, dsb., yang disebabkan oleh sistem pemetungan persendirian atau tangki septik
67. Kontrak bagi penyediaan perkhidmatan pemetungan

BAHAGIAN V

PERLINDUNGAN PENGGUNA, PENYELESAIAN PERTIKAIAN
DAN SIASATAN

Bab 1

Perlindungan pengguna

68. Standard pengguna
69. Forum Air
70. Fungsi Forum Air

Bab 2

Penyelesaian pertikaian

Seksyen

71. Pertikaian
72. Tatacara pertikaian
73. Jawatankuasa untuk memutuskan tentang pertikaian yang diberitahu
74. Keputusan hendaklah secara bertulis
75. Pendaftaran keputusan
76. Penguatkuasaan keputusan

Bab 3

Siasatan

77. Siasatan oleh Suruhanjaya
78. Perjalanan siasatan
79. Penyiaran notis siasatan
80. Siasatan tertutup dan bahan rahsia
81. Laporan mengenai siasatan awam
82. Perlindungan daripada tindakan sivil
83. Daftar laporan

BAHAGIAN VI

KADAR, CAJ DAN DEPOSIT

84. Peraturan-peraturan mengenai kadar, caj dan deposit
85. Kuasa untuk mengecualikan daripada kadar, caj atau deposit
86. Kadar dan caj ditetapkan boleh dikutip dan dipegang simpan oleh pemegang lesen
87. Kuasa untuk menghendaki deposit
88. Mendapatkan wang yang kena dibayar
89. Pemotongan bekalan air
90. Hak pemegang lesen pengagihan air yang dilesenkan untuk menyediakan perkhidmatan pembedaan

BAHAGIAN VII

TRIBUNAL RAYUAN

Seksyen

91. Penubuhan Tribunal Rayuan
92. Keanggotaan Tribunal Rayuan
93. Elaun
94. Peletakan jawatan dan pembatalan pelantikan
95. Pengosongan jawatan dan pelantikan baru atau sementara
96. Penzahiran kepentingan
97. Setiausaha Tribunal Rayuan dan pegawai lain
98. Rayuan kepada Tribunal Rayuan
99. Rekod keputusan atau arahan Suruhanjaya atau jawatankuasa
100. Penggantungan keputusan atau arahan sementara menunggu rayuan
101. Komposisi Tribunal Rayuan
102. Persidangan Tribunal Rayuan
103. Tatacara Tribunal Rayuan
104. Kuasa Tribunal Rayuan
105. Keputusan Tribunal Rayuan
106. Penguatkuasaan keputusan Tribunal Rayuan
107. Kekebalan tindakan kerana tindakan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati

BAHAGIAN VIII

PEMINDAHMILIKAN PERNIAGAAN

108. Tafsiran
109. Sanksi dikehendaki bagi penyusunan semula, dsb., pemegang lesen
110. Permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk memudahkan perjanjian atau perkiraan untuk pemindahmilikan keseluruhan atau sebahagian daripada perniagaan pemegang lesen yang hendak dikuatkuasakan

BAHAGIAN IX

PENGAMBILALIHAN KAWALAN

111. Tafsiran
112. Pemegang lesen hendaklah memaklumkan Suruhanjaya

Seksyen

113. Tindakan Suruhanjaya berkenaan dengan pemegang lesen dalam hal keadaan tertentu
114. Tindakan Menteri berkenaan dengan pemegang lesen demi kepentingan negara
115. Peruntukan berhubung dengan pelantikan di bawah seksyen 113
116. Peruntukan berhubung dengan penyingkiran daripada jawatan di bawah seksyen 113
117. Peruntukan berhubung dengan pengambilalihan kawalan di bawah seksyen 113 atau 114
118. Kesan menghalang atau menggalang Suruhanjaya atau orang yang dilantik
119. Moratorium
120. Perintah adalah muktamad

BAHAGIAN X

KESALAHAN AM DAN PENALTI

121. Kesalahan mengenai pencemaran air
122. Perbuatan salah
123. Sambungan bekalan air yang menyalahi undang-undang
124. Mengganggu meter atau submeter
125. Mengganggu sistem bekalan air atau sistem pembedung atau sebahagian daripada sistem itu
126. Mengambil air daripada pili bomba
127. Penalti kerana menghalang
128. Prosiding jika penghuni membantah pelaksanaan kerja
129. Penggunaan atau pembekalan yang menyalahi undang-undang kelengkapan, peranti, bahan, sistem atau kemudahan yang tidak standard
130. Kesalahan kerana memberikan maklumat palsu atau mengelirukan
131. Kuasa untuk mengambil tindakan

BAHAGIAN XI

KUASA MENGUMPULKAN MAKLUMAT DAN PERUNTUKAN
PENGUATKUASAAN

Bab 1

Kuasa mengumpulkan maklumat

132. Pemberian maklumat
133. Bukti pematuhan

Seksyen

134. Suruhanjaya boleh memegang simpan dokumen
135. Akses kepada rekod
136. Rekod yang tidak betul
137. Rekod maklumat
138. Penyiaran maklumat
139. Kesalahan kerana tidak patuh

Bab 2

Kuasa untuk masuk

140. Kuasa untuk masuk dan memeriksa tanah
141. Kuasa untuk masuk ke atas tanah bagi maksud pembinaan
142. Rayuan terhadap perintah Pentadbir Tanah
143. Memasang paip, dsb., atas tanah Kerajaan
144. Penyenggaraan, pembaikan dan peningkatan pemasangan
145. Kecualian bagi perjanjian izin lalu
146. Pampasan

Bab 3

Penguatkuasaan

147. Pegawai diberi kuasa
148. Kuasa penyiasatan
149. Memasuki premis dengan waran geledah
150. Kuasa untuk masuk dan menggeledah serta menyita tanpa waran
151. Capaian kepada data berkomputer
152. Waran boleh diterima walaupun cacat
153. Senarai benda yang disita
154. Pelepasan benda yang disita
155. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
156. Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
157. Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan
158. Pegawai diberi kuasa hendaklah menyiapkan penyiasatan dan menyerahkannya kepada polis
159. Kos bagi memegang kelengkapan, dsb., yang disita

Seksyen

- 160. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
- 161. Halangan
- 162. Kuasa tambahan

Bab 4

Pelbagai

- 163. Pengkompaunan kesalahan
- 164. Pendakwaan
- 165. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
- 166. Maklumat atau pemberi maklumat tidak boleh dizahirkan
- 167. Cara penyampaian dokumen
- 168. Ketidaktepatan dalam dokumen
- 169. Kebertanggungjawaban pemindah hakmilik
- 170. Pengecualian kelengkapan daripada distres dan penahanan

BAHAGIAN XII

AM

- 171. Kumpulan Wang Industri Air
- 172. Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan
- 173. Pendaftaran perjanjian
- 174. Agensi perakuan
- 175. Pelaporan kepada Menteri mengenai prestasi industri
- 176. Daftar
- 177. Arahan oleh Suruhanjaya
- 178. Penentuan oleh Suruhanjaya
- 179. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan
- 180. Kuasa Suruhanjaya untuk membuat kaedah-kaedah
- 181. Penalti bagi perundangan subsidiari
- 182. Kuasa Menteri untuk meminda Jadual
- 183. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
- 184. Perlindungan pegawai dan orang lain

BAHAGIAN XIII

PERUNTUKAN PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

Bab 1

Pemansuhan dan kecualian

Seksyen

185. Pemansuhan
186. Kecualian
187. Penerusan hak, tanggungan, dsb., yang lain di bawah perundangan yang dimansuhkan

Bab 2

Peruntukan peralihan bagi pengendali yang sedia ada

188. Perkhidmatan bekalan air yang sedia ada
189. Perkhidmatan pemetungan yang sedia ada
190. Lesen atau permit yang sedia ada
191. Perjanjian yang ditentukan dalam Jadual
192. Pernyataan hasrat untuk berpindah kepada lesen
193. Taraf lesen dan pemberikuasaan sedia ada berdaftar

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 655

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai dan mengawal selia perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedungan dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

[]

BAHAWASANYA adalah suai manfaat bagi maksud memastikan keseragaman undang-undang dan dasar untuk membuat undang-undang bagi pengawalan dan pengawalseliaan sepatutnya perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedungan di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan:

DAN BAHAWASANYA adalah juga suai manfaat bahawa peruntukan dibuat untuk memberikan kuasa eksekutif kepada Persekutuan bagi perkara yang berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan bekalan air dan untuk menjelaskan bahawa kuasa eksekutif yang telah diberikan kepada Persekutuan bagi perkara yang berhubungan dengan sistem pembedungan dan perkhidmatan pembedungan diteruskan di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, mengikut Fasal (1) Perkara 74 dan Fasal (2) Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan, **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

(2) Akta ini terpakai bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

(3) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan—

- (a) bagi mula berkuat kuasanya Akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan;
- (b) bagi mula berkuat kuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan Akta ini; atau
- (c) bagi mula berkuat kuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan Akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“air”, berhubung dengan pengagihan atau pembekalan air, ertinya air yang telah dirawat;

“alur air” termasuklah sungai, anak sungai dan suak termasuk mana-mana cawang sungai, cabang sungai atau lencongan buatan mengenainya, laut, tasik, air bawah tanah, empangan, takungan, longkang, parit dan laluan, selain paip, yang air mengalir melaluinya bagi pembekalan air ke mana-mana premis;

“daftar” ertinya daftar yang disenggarakan oleh Suruhanjaya bagi maksud Akta ini;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh Menteri di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 84 atau 179, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“efluen industri” ertinya sisa cecair atau air sisa yang terhasil oleh sebab atau semasa proses pengeluaran yang berlaku di mana-mana premis perindustrian;

“efluen terlarang” ertinya efluen industri atau apa-apa efluen lain yang ditetapkan oleh Menteri;

“enap cemar kumbahan” ertinya campuran baki pepejal dan cecair yang terhasil semasa rawatan kumbahan secara separa atau sepenuhnya tetapi tidak termasuk efluen kumbahan terawat yang dilepaskan melalui paip pelupusan;

“Forum Air” ertinya Forum Air yang ditentukan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 69;

“kawasan pengagihan bekalan air” ertinya kawasan yang di dalamnya pemegang lesen pengagihan air diberi kuasa untuk mengagihkan dan membekalkan air;

“kawasan perkhidmatan pembedungan” ertinya kawasan yang di dalamnya pemegang lesen perkhidmatan diberi kuasa untuk menyediakan perkhidmatan pembedungan;

“kumbahan” ertinya apa-apa lepasan cecair yang mengandungi kumuhan manusia, haiwan atau bahan nabati dalam bentuk terampai atau larutan yang diperolehi daripada aktiviti domestik dan terhasil dari premis rumah, komersial, institusi dan industri termasuk lepasan cecair dari tandas, besen, singki, bilik air dan apa-apa perkakas kebersihan lain tetapi tidak termasuk air hujan dan efluen terlarang;

“lengkapan air” termasuklah paip (selain sesalur utama awam) spesial, kepala paip, pili penutup, injap, simpai logam, meter, submeter, tangki, tempat mandi, tandas, radas air panas, takungan kotoran dan radas atau perkakas serupa yang lain yang digunakan berkaitan dengan pembekalan dan penggunaan air;

“mahkamah” ertinya mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa;

“meter” ertinya apa-apa perkakas, kelengkapan atau peranti yang digunakan bagi maksud menyukat jumlah air yang dibekalkan;

“paip air perkhidmatan” ertinya sekian banyak daripada mana-mana paip yang digunakan untuk membekalkan air dari sesalur utama awam ke mana-mana premis yang tertakluk kepada tekanan air dari sesalur utama itu atau akan tertakluk sedemikian jika tidak kerana tertutupnya beberapa kepala paip atau injap;

“paip pelupusan” ertinya paip, saluran, pembuluh atau struktur yang serupa yang digunakan bagi pelepasan efluen kumbahan terawat dari sistem pembedungan atau tangki septik bagi pelepasan akhirnya ke alur air atau bahantara penerima yang lain;

“paip penghubung”, berhubung dengan perkhidmatan bekalan air, ertinya suatu bahagian paip air perkhidmatan di antara sesalur utama awam dan meter, atau jika tiada meter, suatu bahagian paip air perkhidmatan yang terletak di antara sesalur utama awam dan tempat di mana meter itu sepatutnya diletakkan mengikut Akta ini atau perundangan subsidiarinya;

“paip sambungan persendirian”, berhubung dengan perkhidmatan pembedungan, ertinya apa-apa paip, saluran, pembuluh atau struktur serupa yang merupakan sebahagian daripada perpaipan pembedungan dalaman individu atau perpaipan pembedungan dalaman bersama untuk premis yang digunakan, atau yang boleh digunakan, bagi membawa kumbahan dari premis itu hingga ke tempat sambungan dengan suatu sistem pembedungan awam, tempat rawatan kumbahan atau tangki septik atau hingga ke mana-mana tempat sambungan lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai awam, pegawai pihak berkuasa tempatan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] atau pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri bagi maksud Akta ini;

“pembedung” ertinya apa-apa paip, dengan perlengkapannya, yang direka bentuk untuk membawa kumbahan dari dua premis atau lebih ke tempat rawatan kumbahan, selain suatu perpaipan pembedungan dalaman individu atau perpaipan pembedungan dalaman bersama;

“pemegang lesen” ertinya pemegang lesen individu atau pemegang lesen kelas;

“pemegang lesen individu” ertinya orang yang diberikan lesen individu di bawah Akta ini;

“pemegang lesen kelas” ertinya orang yang didaftarkan untuk lesen kelas di bawah Akta ini;

“pemegang lesen kemudahan” ertinya orang yang dilesenkan di bawah Akta ini untuk memiliki suatu sistem bekalan air atau sistem pembedungan atau mana-mana bahagian daripada sistem bekalan air atau sistem pembedungan itu;

“pemegang lesen pengagihan air” ertinya pemegang lesen perkhidmatan yang memegang suatu lesen individu untuk mengagihkan dan membekalkan air kepada pengguna melalui suatu sistem bekalan air awam;

“pemegang lesen perkhidmatan” ertinya orang yang dilesenkan di bawah Akta ini untuk menyediakan perkhidmatan bekalan air atau perkhidmatan pembedahan atau mana-mana bahagian daripada perkhidmatan bekalan air atau perkhidmatan pembedahan itu;

“Pendaftar”—

- (a) berkenaan dengan Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya, mempunyai erti yang diberikan kepada “Pendaftar” oleh seksyen 5 Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965]; dan
- (b) berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Labuan, mempunyai erti yang diberikan kepada “Pendaftar” oleh seksyen 4 Ordinan Tanah Sabah [*Sabah Bab 68*] sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Tanah) 1984 [*P.U. (A) 291/1984*];

“pengguna” ertinya—

- (a) orang yang dibekalkan dengan air oleh pemegang lesen pengagihan air atau yang disediakan dengan perkhidmatan pembedahan oleh pemegang lesen yang menyediakan perkhidmatan pembedahan; atau
- (b) orang yang telah membuat suatu permintaan kepada pemegang lesen pengagihan air untuk bekalan air atau kepada pemegang lesen yang menyediakan perkhidmatan pembedahan untuk penyediaan perkhidmatan pembedahan;

“penghuni” ertinya—

- (a) orang yang menghuni atau mengawal premis; dan
- (b) berhubung dengan premis yang bahagian-bahagian berlainan premis itu dihuni oleh orang yang berlainan, orang yang masing-masing menghuni atau mengawal setiap bahagian premis itu;

“Pentadbir Tanah”—

- (a) berkenaan dengan Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya, mempunyai erti yang diberikan kepada “Pentadbir Tanah” oleh seksyen 5 Kanun Tanah Negara; dan
- (b) berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Labuan, mempunyai erti yang diberikan kepada “Pendaftar” oleh seksyen 4 Ordinan Tanah Sabah sebagaimana yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Tanah) 1984;

“perbadanan pengurusan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 4 Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*];

“perkhidmatan bekalan air” ertinya perawatan air yang diambil daripada alur air dan pengagihan dan pembekalan air yang telah dirawat kepada pengguna dan termasuklah pengendalian dan penyenggaraan sistem bekalan air;

“perkhidmatan pemetungan” ertinya pengumpulan, pembawaan, perawatan dan pelupusan kumbahan atau enap cemar kumbahan, dan termasuklah pengendalian dan penyenggaraan sistem pemetungan dan penyahenap cemar tangki septik;

“perpaipan pemetungan dalaman bersama” ertinya paip, paip sambungan persendirian, saluran, pembuluh atau struktur, lekapan dan radas lain yang serupa untuk membawa kumbahan di dalam atau dari lebih daripada satu premis tetapi di bawah pengurusan dan penyenggaraan bersama pemunya atau penghuni atau perbadanan pengurusan premis itu yang diservis oleh perpaipan pemetungan dalaman itu hingga ke tempat sambungan dengan pemetung, tempat rawatan kumbahan atau tangki septik atau hingga ke mana-mana tempat sambungan lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya, tetapi tidak termasuk sistem kebersihan dalam sesuatu bangunan;

“perpaipan pemetungan dalaman individu” ertinya paip, paip sambungan persendirian, saluran, pembuluh atau struktur, lekapan dan radas lain yang serupa untuk membawa kumbahan di dalam atau dari premis hingga ke tempat sambungan dengan perpaipan pemetungan dalaman bersama, pemetung, tempat rawatan kumbahan atau tangki septik atau hingga ke mana-mana tempat sambungan lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya, tetapi tidak termasuk sistem kebersihan dalam sesuatu bangunan;

“sistem bekalan air” ertinya keseluruhan sistem yang mengandungi sesalur utama awam, paip, kebuk, loji rawatan, stesen pengepam, takungan perkhidmatan atauimbangan atau apa-apa kombinasinya dan segala struktur, pemasangan, bangunan, kelengkapan dan perlengkapan lain yang digunakan dan tanah di mana kesemua yang tersebut itu ditempatkan untuk penyimpanan, pengambilan, pengumpulan, pembawaan, perawatan, pengagihan dan pembekalan air;

“sistem bekalan air awam” ertinya sistem bekalan air selain sistem bekalan air persendirian;

“sistem bekalan air persendirian” ertinya—

- (a) sistem bekalan air yang digunakan semata-mata untuk maksud membekalkan air kepada pemilik atau penghuni sesuatu premis atau tetamu atau jemputan pemilik atau penghuni itu untuk penggunaan persendirian; atau
- (b) apa-apa sistem bekalan air lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya;

“sistem pembedungan” ertinya sistem yang mengandungi pembedung, paip pelupusan, stesen pengepam atau tempat rawatan kumbahan atau apa-apa kombinasinya dan segala struktur, kelengkapan dan perlengkapan lain (selain perpaipan pembedungan dalaman individu, perpaipan pembedungan dalaman bersama atau tangki septik) yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi pengumpulan, pembawaan, pengepaman atau perawatan kumbahan dan enap cemar kumbahan atau pelupusan efluen kumbahan terawat atau enap cemar kumbahan terawat;

“sistem pembedungan awam” ertinya—

- (a) sistem pembedungan yang disambungkan dengan, atau yang membawa kumbahan ke, pembedung awam;
- (b) sistem pembedungan yang tidak disambungkan dengan atau tidak membawa kumbahan ke pembedung awam tetapi ditentukan oleh Suruhanjaya sebagai atau menjadi sebahagian daripada sistem pembedungan awam;
- (c) sistem pembedungan dalam suatu pembangunan yang telah diserahkan kepada pemegang lesen individu yang menyediakan perkhidmatan pembedungan mengikut seksyen 47; atau

(d) mana-mana sistem pemetungan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;

“sistem pemetungan persendirian” ertinya sistem pemetungan selain sistem pemetungan awam;

“submeter” ertinya apa-apa meter yang menyukat air yang telah disukat selepas air itu melepasi sesalur utama awam;

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 [*Akta 654*];

“tangki septik” ertinya suatu bentuk kemudahan rawatan asas atas tapak yang terdiri daripada satu petak atau lebih yang menyediakan rawatan kumbahan melalui proses pemendapan dan anaerobik;

“tangki septik komunal” ertinya tangki septik yang merawat kumbahan daripada dua premis atau lebih melalui perpaipan pemetungan dalaman bersama;

“tarikh ditetapkan” ertinya tarikh Akta ini atau bahagian-bahagian Akta ini mula berkuat kuasa;

“tempat rawatan kumbahan” ertinya kemudahan yang direka bentuk untuk menerima dan memproses kumbahan atau enap cemar kumbahan sebelum dilupuskan ke suatu bahantara penerima tetapi tidak termasuk tangki septik;

“Tribunal Rayuan” ertinya Tribunal Rayuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 91.

Kerajaan Persekutuan hendaklah mempunyai kuasa eksekutif

3. (1) Kerajaan Persekutuan hendaklah mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara yang berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan bekalan air di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

(2) Kerajaan Persekutuan hendaklah terus mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara yang berhubungan dengan sistem pemetungan dan perkhidmatan pemetungan di seluruh Malaysia.

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN PELESENAN

Bab 1

Lesen individu

Kehendak bagi lesen individu

4. (1) Tertakluk kepada seksyen 5, tiada seorang pun boleh—
- (a) memiliki suatu sistem bekalan air awam atau sistem pembedungan awam atau mana-mana bahagian sistem itu; atau
 - (b) mengusahakan, menyediakan atau mengadakan apa-apa perkhidmatan bekalan air atau perkhidmatan pembedungan atau sebahagian daripada perkhidmatan itu dengan cara mengendalikan suatu sistem bekalan air awam atau sistem pembedungan awam,

melainkan jika dia memegang suatu lesen individu yang diberikan di bawah Akta ini.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), pemaju sistem pembedungan atau sistem bekalan air yang dikehendaki di bawah seksyen 47 untuk menyerahkan sistem pembedungan atau sistem bekalan air itu kepada pemegang lesen tidak dikehendaki untuk memegang suatu lesen individu bagi pemilikan sistem pembedungan atau sistem bekalan air itu sehinggalah sistem pembedungan atau sistem bekalan air itu disiapkan atau digunakan, mengikut mana-mana yang lebih awal.

(3) Pemegang lesen individu tidak boleh menyediakan apa-apa aktiviti berlesen yang disebut dalam subseksyen (1) kecuali mengikut syarat lesen individu yang diberikan kepada pemegang lesen itu.

(4) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk mengecualikan daripada kehendak bagi lesen individu

5. (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan seseorang daripada

kehendak pelesenan di bawah seksyen 4 tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Menteri.

(2) Seseorang yang dikecualikan daripada kehendak pelesenan di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi kewajipan dan obligasi pemegang lesen individu seolah-olah orang itu ialah pemegang lesen individu di bawah Akta ini melainkan jika dinyatakan selainnya dalam perintah pengecualian itu.

Permohonan untuk lesen individu

6. (1) Mana-mana orang boleh memohon kepada Menteri supaya suatu lesen individu diberikan kepadanya di bawah seksyen 9 dengan mengemukakan suatu permohonan bertulis kepada Suruhanjaya.

(2) Suatu permohonan di bawah seksyen ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum permohonan itu dibenarkan atau ditolak.

Maklumat atau dokumen lanjut

7. (1) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa selepas menerima permohonan untuk suatu lesen individu di bawah seksyen 6, meminta pemohon untuk memberi kepada Suruhanjaya dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu maklumat atau dokumen lanjut mengenai permohonan itu.

(2) Jika apa-apa maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) tidak diberikan oleh pemohon dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Suruhanjaya, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak lagi diteruskan, tetapi tanpa menjejaskan hak pemohon untuk membuat permohonan yang baru.

Syor oleh Suruhanjaya

8. (1) Suruhanjaya hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari—

- (a) penerimaan suatu permohonan di bawah seksyen 6; atau
- (b) jika Suruhanjaya telah meminta maklumat atau dokumen lanjut di bawah seksyen 7, pemberian maklumat atau dokumen itu,

mengemukakan suatu syor bertulis kepada Menteri tentang sama ada atau tidak lesen individu patut diberikan kepada pemohon.

(2) Syor bertulis Suruhanjaya hendaklah menyatakan—

(a) sebab bagi syornya; dan

(b) apa-apa syarat khas yang patut dikenakan ke atas pemohon jika Suruhanjaya mengesyorkan kepada Menteri supaya memberikan lesen individu.

Pemberian atau keengganan memberikan lesen individu

9. (1) Menteri boleh, selepas menimbangkan permohonan untuk lesen individu di bawah seksyen 6 dan maklumat atau dokumen lanjut yang diberikan di bawah seksyen 7 dan dengan mengambil kira dengan sewajarnya syor Suruhanjaya di bawah seksyen 8, memberikan lesen individu atau enggan untuk memberikan lesen individu.

(2) Jika Menteri memutuskan untuk memberikan lesen individu di bawah subseksyen (1), dia hendaklah—

(a) menghendaki pemegang lesen individu itu membayar fi yang ditetapkan dalam tempoh yang ditetapkan;

(b) mengenakan semua syarat lesen yang standard bagi suatu lesen individu sebagaimana yang ditetapkan; dan

(c) mengenakan apa-apa syarat khas yang difikirkannya patut.

(3) Keputusan Menteri untuk memberikan atau tidak memberikan lesen individu hendaklah disampaikan kepada pemohon oleh Suruhanjaya melalui notis bertulis dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(4) Notis bertulis oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (3) hendaklah menyatakan—

(a) dalam hal jika lesen individu diberikan, hakikat mengenai pemberian itu dan kehendak dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (2); dan

(b) dalam hal suatu keengganan untuk memberikan lesen individu, hakikat mengenai keengganan itu dan sebab bagi keengganan itu.

Pematuhan syarat lesen individu

- 10.** (1) Pemegang lesen individu hendaklah mematuhi—
- (a) syarat standard yang ditetapkan bagi lesen individu itu; dan
 - (b) apa-apa syarat khas yang dikenakan oleh Menteri ke atas lesen individu itu.
- (2) Pemegang lesen individu yang tidak mematuhi apa-apa syarat lesen individu di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat

- 11.** (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, pada bila-bila masa—
- (a) mengenakan apa-apa syarat tambahan ke atas lesen individu; atau
 - (b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen individu.
- (2) Sebelum Menteri membuat keputusan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah memberikan kepada pemegang lesen individu itu—
- (a) suatu notis bertulis mengenai niat Menteri berserta dengan suatu salinan draf mengenai pengenaan, perubahan atau pembatalan itu; dan
 - (b) suatu peluang untuk membuat penghujahan bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang tidak kurang daripada tiga puluh hari.
- (3) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Menteri hendaklah, selepas menimbangkan apa-apa penghujahan bertulis yang dibuat oleh pemegang lesen individu itu dan dengan mengambil kira dengan sewajarnya apa-apa syor Suruhanjaya, memutuskan sama ada untuk mengenakan syarat tambahan atau untuk mengubah atau membatalkan mana-mana syarat yang sedia ada atau untuk tidak mengambil tindakan lanjut.

(4) Suruhanjaya hendaklah memberikan pemegang lesen individu itu suatu notis bertulis mengenai keputusan Menteri di bawah subseksyen (3) dengan secepat yang dapat dilaksanakan dan keputusan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

Pemindahmilikan lesen individu

12. (1) Pemberian suatu lesen individu di bawah seksyen 9 hendaklah bersifat peribadi bagi pemegang lesen individu dan lesen individu itu tidak boleh diserahkan, disublesenkan atau dipindahmilikkan kepada mana-mana orang lain kecuali dengan kelulusan bertulis terdahulu daripada Menteri.

(2) Pemegang lesen individu yang menyerahhakan, mensublesenkan atau memindahmilikkan lesen individunya kepada mana-mana orang lain tanpa kelulusan bertulis terdahulu daripada Menteri melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pembatalan lesen individu

13. (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, membatalkan suatu lesen individu di bawah mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) pemegang lesen individu itu tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau perundangan subsidiarinya;
- (b) pemegang lesen individu itu tidak mematuhi mana-mana syarat lesen individu itu;
- (c) pemegang lesen individu itu telah mendapatkan lesen individu itu secara tidak wajar atau dengan menyalahi undang-undang;
- (d) pemegang lesen individu itu telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya;
- (e) seorang penerima, penerima dan pengurus, penyelesaian sementara atau pegawai yang sepatutnya telah dilantik ke atas keseluruhan atau sebahagian besar daripada aset pemegang lesen individu itu dan pelantikan sedemikian tidak dibatalkan atau diumumkan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pelantikan itu; atau

- (f) telah berlaku apa-apa perbuatan atau keingkaran di pihak pemegang lesen individu itu atau telah wujud suatu perubahan dalam hal keadaan sehingga menyebabkan pemegang lesen individu itu tidak lagi berhak untuk diberikan lesen individu di bawah Akta ini.
- (2) Sebelum Menteri membuat keputusan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah memberikan pemegang lesen individu itu—
- (a) suatu notis bertulis mengenai niat Menteri untuk membatalkan lesen individu itu; dan
- (b) suatu peluang untuk membuat penghujahan bertulis dalam suatu tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang tidak kurang daripada tiga puluh hari.
- (3) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Menteri hendaklah, selepas menimbangkan apa-apa penghujahan bertulis yang dibuat oleh pemegang lesen individu itu dan dengan mengambil kira dengan sewajarnya apa-apa syor Suruhanjaya, memutuskan sama ada untuk membatalkan lesen individu itu atau tidak.
- (4) Suruhanjaya hendaklah memberikan pemegang lesen individu itu suatu notis bertulis mengenai keputusan Menteri di bawah subseksyen (3) dengan secepat yang dapat dilaksanakan.
- (5) Pemegang lesen individu itu tidak berhak kepada apa-apa bentuk pampasan daripada Menteri atau Suruhanjaya jika lesen individu itu dibatalkan mengikut subseksyen (1).

Tarikh berkuat kuasanya pembatalan lesen individu

14. Pembatalan suatu lesen individu di bawah seksyen 13 hendaklah berkuat kuasa pada—

- (a) suatu tarikh yang dinyatakan oleh Menteri dalam notis bertulis yang diberikan di bawah subseksyen 13(4); atau
- (b) jika tiada tarikh dinyatakan dalam notis bertulis yang diberikan di bawah subseksyen 13(4), apabila tamatnya tiga puluh hari dari tarikh notis itu disampaikan kepada pemegang lesen individu itu.

Penyiaran pembatalan lesen individu

15. (1) Jika pembatalan suatu lesen individu telah berkuat kuasa, Suruhanjaya hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, menyebabkan supaya pembatalan itu disiarkan dalam sekurang-kurangnya satu surat khabar harian nasional bahasa kebangsaan dan satu surat khabar harian nasional bahasa Inggeris untuk sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut.

(2) Apa-apa kelengahan atau kegagalan dalam menyiarkan notis pembatalan itu tidak boleh dalam apa-apa cara pun menjejaskan kesahan pembatalan itu.

(3) Menteri dan Suruhanjaya tidaklah bertanggungjawab bagi apa-apa tindakan, kerugian atau kerosakan yang berbangkit daripada atau yang disebabkan oleh penyiaran notis yang disebut dalam subseksyen (1).

Penyerahan balik lesen individu

16. (1) Pemegang lesen individu boleh menyerahkan balik lesen individunya dengan menghantar lesen itu kepada Suruhanjaya dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik lesen itu.

(2) Penyerahan balik lesen individu itu hendaklah berkuat kuasa enam bulan dari tarikh Suruhanjaya menerima lesen itu dan notis bertulis di bawah subseksyen (1) atau pada apa-apa tarikh lain yang dinyatakan oleh Menteri.

(3) Penyerahan balik lesen individu di bawah subseksyen (1) adalah tidak boleh batal melainkan jika Menteri melalui notis bertulis kepada pemegang lesen individu itu membenarkan penyerahan balik itu ditarik balik sebelum tarikh kuat kuasa penyerahan balik lesen individu itu.

Pembaharuan lesen individu

17. (1) Pemegang lesen individu boleh memohon untuk membaharui lesen individunya tidak lewat daripada satu tahun sebelum tarikh tamat lesen individu yang sedia ada itu.

(2) Menteri hendaklah, atas syor Suruhanjaya, apabila dibayar fi yang ditetapkan, membaharui suatu lesen individu yang sedia ada kecuali dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) pemegang lesen individu itu tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau perundangan subsidiarinya;
- (b) pemegang lesen individu itu tidak mematuhi mana-mana syarat lesen individu itu;
- (c) pemegang lesen individu itu telah mendapatkan lesen individu itu secara tidak wajar atau dengan menyalahi undang-undang;
- (d) pemegang lesen individu itu telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya;
- (e) seorang penerima, penerima dan pengurus, penyelesaian sementara atau pegawai yang sepertinya telah dilantik ke atas keseluruhan atau sebahagian besar daripada aset pemegang lesen individu itu dan pelantikan sedemikian tidak dibatalkan atau diumumkan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pelantikan itu; atau
- (f) telah berlaku apa-apa perbuatan atau keingkaran di pihak pemegang lesen individu itu atau telah wujud suatu perubahan dalam hal keadaan sehingga menyebabkan pemegang lesen individu itu tidak lagi berhak untuk diberikan lesen individu di bawah Akta ini.

(3) Suruhanjaya boleh meminta pemegang lesen individu itu untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang dikehendaki bagi permohonan pembaharuan itu dalam suatu tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (2), jika maklumat atau dokumen yang diminta di bawah subseksyen (3) tidak diberikan oleh pemegang lesen individu itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Suruhanjaya, Menteri boleh tidak membaharui lesen individu itu.

(5) Jika Menteri enggan membaharui lesen individu itu, Suruhanjaya hendaklah memaklumkan pemegang lesen individu itu melalui notis bertulis dengan secepat yang dapat dilaksanakan mengenai keengganan Menteri untuk membaharui lesen individu itu.

(6) Pemegang lesen individu itu hendaklah diberi peluang untuk membuat penghujahan bertulis kepada Menteri dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis yang disebut dalam subseksyen (5) yang hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari.

(7) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis di bawah subseksyen (6), Menteri hendaklah, selepas menimbangkan apa-apa penghujahan bertulis yang dibuat oleh pemegang lesen individu itu dan dengan mengambil kira dengan sewajarnya apa-apa syor Suruhanjaya, memutuskan sama ada untuk membaharui lesen individu itu atau tidak.

(8) Jika Menteri memutuskan untuk tidak membaharui lesen individu itu, Suruhanjaya hendaklah memberitahu pemegang lesen individu itu dengan secepat yang dapat dilaksanakan mengenai keputusan Menteri dan hendaklah menyiarkan keputusan itu dalam sekurang-kurangnya satu surat khabar harian nasional bahasa kebangsaan dan satu surat khabar harian nasional bahasa Inggeris untuk sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut.

(9) Apa-apa kelengahan atau kegagalan untuk menyiarkan notis yang disebut dalam subseksyen (8) tidak boleh dalam apa-apa cara pun menjejaskan kesahan keputusan Menteri untuk tidak membaharui lesen individu itu.

(10) Menteri dan Suruhanjaya tidaklah bertanggungjawab bagi apa-apa tindakan, kerugian atau kerosakan yang berbangkit daripada atau yang disebabkan oleh penyiaran notis yang disebut dalam subseksyen (8).

Kesan pembatalan, penyerahan balik atau tidak membaharui lesen individu

18. (1) Jika pembatalan suatu lesen individu di bawah seksyen 13 atau penyerahan balik suatu lesen individu di bawah seksyen 16 telah berkuat kuasa atau jika lesen individu itu tidak dibaharui di bawah seksyen 17, pemegang lesen individu itu hendaklah dengan segera berhenti untuk menyediakan apa-apa kemudahan atau perkhidmatan yang berkenaan dengannya lesen individu itu telah diberikan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh secara bertulis membenarkan pemegang lesen individu itu untuk meneruskan penyediaan apa-apa kemudahan atau perkhidmatan bagi apa-apa

jangka masa dan atas apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan oleh Menteri dalam kebenaran itu bagi maksud menggulungkan hal ehwal pemegang lesen itu.

Daftar lesen individu

19. Suruhanjaya hendaklah menyenggarakan suatu daftar, mengikut seksyen 176, yang hendaklah dijadikan tersedia untuk awam, mengenai—

- (a) apa-apa lesen individu yang diberikan oleh Menteri;
- (b) apa-apa perintah pengecualian bagi kehendak pelesenan lesen individu yang diberikan oleh Menteri;
- (c) apa-apa syarat khas yang dinyatakan dalam lesen individu;
- (d) apa-apa pengenaan syarat tambahan atau perubahan atau pembatalan syarat;
- (e) apa-apa notis bertulis oleh pemegang lesen individu yang menyerahkan balik lesen individunya;
- (f) apa-apa pembatalan lesen individu;
- (g) apa-apa lesen individu yang tidak dibaharui; dan
- (h) apa-apa kelulusan bertulis daripada Menteri bagi penyerahhakkan, pensublesenan atau pemindahmilikan lesen individu.

Bab 2

Lesen kelas

Kehendak bagi lesen kelas

20. (1) Tertakluk kepada seksyen 22, tiada seorang pun boleh—

- (a) memiliki suatu sistem bekalan air persendirian atau sistem pembedungan persendirian atau mana-mana bahagian sistem itu; atau
- (b) mengusahakan, menyediakan atau mengadakan apa-apa perkhidmatan bekalan air atau perkhidmatan pembedungan atau sebahagian daripada perkhidmatan itu dengan cara mengendalikan suatu sistem bekalan air persendirian atau sistem pembedungan persendirian,

melainkan jika dia memegang suatu lesen kelas di bawah Akta ini.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), pemegang lesen individu tidak dikehendaki untuk memohon untuk suatu lesen kelas bagi aktiviti yang dinyatakan dalam subseksyen (1) yang berada dalam kawasan pengagihan bekalan air atau kawasan perkhidmatan pembedungannya jika terma lesen individu itu membenarkan pemegang lesen individu itu menjalankan apa-apa aktiviti sedemikian.

(3) Pemegang lesen kelas tidak boleh menyediakan apa-apa aktiviti berlesen yang disebut dalam subseksyen (1) kecuali mengikut syarat lesen kelas yang diberikan kepada pemegang lesen kelas itu.

(4) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Sekatan yang dikenakan ke atas pemegang lesen kelas

21. (1) Pemegang lesen kelas yang memiliki suatu sistem bekalan air persendirian atau mana-mana bahagian sistem itu atau membekalkan air bagi penggunaan peribadinya sendiri, atau penggunaan peribadi penyewa, penghuni, tetamu atau jemputannya, dalam premisnya hendaklah—

- (a) terlarang daripada memajakkan, melesenkan atau membenarkan mana-mana orang lain menggunakan sistem bekalan air persendiriannya atau sebahagian daripada sistem itu bagi maksud membekalkan air kepada orang awam; atau
- (b) tidak terlibat dalam apa-apa perdagangan atau perniagaan membekalkan air kepada orang awam,

melainkan jika ia dilesenkan untuk berbuat demikian di bawah Akta ini.

(2) Pemegang lesen kelas yang memiliki sistem pembedungan persendirian atau mana-mana bahagian sistem itu atau menyediakan perkhidmatan pembedungan semata-mata bagi maksud untuk mengumpul, membawa, merawat dan melupuskan kumbahan melalui sistem pembedungan persendirian hendaklah—

- (a) terlarang daripada memajakkan, melesenkan atau membenarkan mana-mana orang lain menggunakan sistem pembedungan persendiriannya atau sebahagian daripada sistem itu bagi maksud menyediakan perkhidmatan pembedungan kepada orang awam; atau

- (b) tidak terlibat dalam apa-apa perdagangan atau perniagaan menyediakan perkhidmatan pemetungan kepada orang awam,

melainkan jika ia dilesenkan untuk berbuat demikian di bawah Akta ini.

(3) Pemegang lesen kelas yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk mengecualikan daripada kehendak bagi lesen kelas

22. (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan seseorang daripada kehendak pelesenan di bawah seksyen 20 tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Menteri.

(2) Seseorang yang dikecualikan daripada kehendak pelesenan di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi kewajipan dan obligasi seorang pemegang lesen seolah-olah orang itu ialah seorang pemegang lesen kelas di bawah Akta ini melainkan jika dinyatakan selainnya dalam perintah pengecualian itu.

Pengecualian daripada kewajipan atau obligasi

23. (1) Pemegang lesen kelas yang—

- (a) memiliki suatu sistem bekalan air persendirian atau suatu sistem pemetungan persendirian atau mana-mana bahagian sistem itu atau membekalkan air bagi penggunaan peribadinya sendiri atau penggunaan peribadi penyewa, penghuni, tetamu atau jemputannya dalam premisnya; atau
- (b) memiliki suatu sistem pemetungan persendirian atau mana-mana bahagian sistem itu atau menyediakan perkhidmatan pemetungan semata-mata bagi maksud untuk mengumpul, membawa, merawat dan melupuskan kumbahan melalui sistem pemetungan persendirian,

hendaklah dikecualikan daripada kewajipan atau obligasi di bawah seksyen 30, 31, 32, 33, 44, 47 dan 48.

(2) Pemegang lesen kelas yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah mematuhi semua kehendak lain di bawah Akta ini dan perundangan subsidiarinya melainkan jika dikecualikan selainnya secara nyata.

Kelulusan bagi lesen kelas

24. (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, meluluskan suatu lesen kelas berkenaan dengan apa-apa perkara yang menghendaki suatu lesen kelas di bawah Akta ini.

(2) Menteri hendaklah memberikan suatu salinan semua lesen kelas yang diluluskan di bawah subseksyen (1) kepada Suruhanjaya dengan secepat yang dapat dilaksanakan dan Suruhanjaya hendaklah mendaftarkan lesen kelas itu.

Permohonan untuk lesen kelas dan pendaftaran

25. (1) Seseorang yang berniat untuk mengendali di bawah suatu lesen kelas hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya dengan mengemukakan suatu notis pendaftaran dan fi yang ditetapkan kepada Suruhanjaya.

(2) Suatu lesen kelas yang didaftarkan oleh Suruhanjaya hendaklah—

- (a) mengandungi semua syarat lesen kelas yang ditetapkan; dan
- (b) tertakluk kepada apa-apa syarat lain yang dikenakan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(3) Tiada seorang pun boleh mengendali di bawah apa-apa lesen kelas melainkan jika orang itu didaftarkan dengan sewajarnya di bawah seksyen ini oleh Suruhanjaya.

(4) Pendaftaran suatu lesen kelas adalah bersifat peribadi kepada pemegang lesen kelas itu.

Pematuhan syarat lesen kelas

26. (1) Pemegang lesen kelas hendaklah mematuhi—

- (a) syarat-syarat yang ditetapkan bagi lesen kelas itu; dan
- (b) apa-apa syarat lain yang dikenakan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Pemegang lesen kelas yang tidak mematuhi mana-mana syarat lesen kelas yang disebut dalam subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pembatalan pendaftaran pemegang lesen kelas

27. (1) Suruhanjaya boleh membatalkan pendaftaran pemegang lesen kelas dalam mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) pemegang lesen kelas itu tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau perundangan subsidiarinya;
- (b) pemegang lesen kelas itu tidak mematuhi mana-mana syarat lesen kelas itu;
- (c) pemegang lesen kelas itu telah mendapatkan lesen kelas itu secara tidak wajar atau dengan menyalahi undang-undang;
- (d) seorang penerima, penerima dan pengurus, penyelesaian sementara atau pegawai yang sepatutnya telah dilantik ke atas keseluruhan atau sebahagian besar daripada aset pemegang lesen kelas itu dan pelantikan sedemikian tidak dibatalkan atau diungkaikan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pelantikan itu;
- (e) telah berlaku apa-apa perbuatan atau keingkaran atau perubahan dalam hal keadaan sehingga menyebabkan pemegang lesen kelas itu tidak lagi berhak untuk didaftarkan sebagai pemegang lesen kelas di bawah Akta ini; atau
- (f) pembatalan pendaftaran pemegang lesen kelas itu adalah demi kepentingan awam.

(2) Sebelum membuat suatu keputusan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah memberikan pemegang lesen kelas itu—

- (a) suatu notis bertulis mengenai keputusannya untuk membatalkan pendaftaran pemegang lesen kelas itu; dan
- (b) suatu peluang untuk membuat penghujahan bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang hendaklah tidak kurang daripada tiga puluh hari.

(3) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Suruhanjaya hendaklah, selepas menimbangkan apa-apa penghujahan bertulis yang dibuat oleh pemegang lesen kelas itu, memutuskan sama ada untuk membatalkan pendaftaran pemegang lesen kelas itu atau tidak.

(4) Suruhanjaya hendaklah memberikan pemegang lesen kelas itu suatu notis bertulis mengenai keputusannya di bawah subseksyen (3) dengan secepat yang dapat dilaksanakan dan pembatalan pendaftaran pemegang lesen kelas itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

(5) Pemegang lesen kelas yang telah dibatalkan pendaftarannya di bawah subseksyen (3) hendaklah menghentikan semua aktiviti yang berkaitan dengan lesen kelasnya.

Daftar lesen kelas

28. Suruhanjaya hendaklah menyenggarakan suatu daftar, mengikut seksyen 176, yang hendaklah dijadikan tersedia untuk awam, mengenai—

- (a) semua lesen kelas yang diluluskan oleh Menteri dan didaftarkan;
- (b) semua pemegang lesen kelas yang didaftarkan oleh Suruhanjaya;
- (c) apa-apa perintah pengecualian bagi kehendak pelesenan yang diberikan oleh Menteri; dan
- (d) semua keputusan Suruhanjaya untuk membatalkan pendaftaran pemegang lesen kelas.

BAHAGIAN III

KEWAJIPAN DAN OBLIGASI PEMEGANG LESEN

Bab 1

Kewajipan dan obligasi yang terpakai bagi semua pemegang lesen

Pemberian maklumat

29. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 132, pemegang lesen hendaklah memberikan kepada Suruhanjaya segala maklumat yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang—

- (a) berkaitan dengan penjalanan aktiviti berlesen oleh pemegang lesen; atau

- (b) penting bagi penjalanan mana-mana kuasanya oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya,

sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya atau sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Maklumat yang dikehendaki di bawah seksyen ini hendaklah diberikan dalam apa-apa bentuk dan cara, pada apa-apa lat tempoh dan disertakan atau ditambah dengan apa-apa penerangan dan dokumen sokongan sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya atau sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Maklumat yang pemegang lesen dikehendaki memberikan kepada Suruhanjaya di bawah seksyen ini boleh termasuk maklumat yang, walaupun maklumat itu tidak berada dalam milikan pemegang lesen itu atau tidak akan selainnya terdapat dalam milikan pemegang lesen itu, adalah maklumat yang pemegang lesen itu boleh dengan munasabahnyanya dikehendaki supaya mendapatkannya atau mengumpulkannya.

(4) Suruhanjaya boleh menghendaki pemegang lesen untuk melantik, atas kos pemegang lesen itu, seorang pakar bebas, dengan kelayakan yang ditentukan oleh Suruhanjaya untuk mengelolakan, mengaudit atau mengkaji semula apa-apa maklumat yang pemegang lesen dikehendaki memberikan kepada Suruhanjaya di bawah seksyen ini. Pelantikan dan laporan pakar bebas itu tidak melepaskan atau mengurangkan dengan apa cara sekali pun kebertanggungungan pemegang lesen di bawah seksyen 130.

(5) Suruhanjaya atau pegawai diberi kuasa atau ejennya boleh pada bila-bila masa, sebagaimana yang disifatkannya perlu, menjalankan suatu audit ke atas perniagaan dan aktiviti pemegang lesen dan pemegang lesen itu hendaklah mengambil segala langkah perlu, atas kosnya sendiri, untuk membantu dan memudahkan Suruhanjaya atau pegawai diberi kuasa atau ejennya dalam menjalankan audit itu termasuk memberikan mereka akses kepada premis dan dokumentasinya dan maklumat. Kos audit itu hendaklah ditanggung oleh Suruhanjaya.

(6) Pemegang lesen yang—

- (a) tidak memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (1); atau

- (b) enggan untuk membantu atau memudahkan, atau menghalang, Suruhanjaya, pegawai diberi kuasa atau ejennya dalam menjalankan audit di bawah subseksyen (5),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit.

Pengemukakan rancangan perniagaan

30. (1) Pemegang lesen individu hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya suatu rancangan perniagaan boleh pinda tiga tahun, atau apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya, yang dikemaskinikan atas asas tahunan atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(2) Rancangan perniagaan itu hendaklah memperincikan maklumat yang berikut:

- (a) rancangan pemegang lesen individu itu untuk memperbesar, menyenggarakan, membaiki, meningkatkan, memperbaiki, membaikpulihkan atau mengubah sistem bekalan air awam atau sistem pembedahan awam dan untuk membina suatu sistem bekalan air awam atau sistem pembedahan awam yang baru;
- (b) perbelanjaan modal dan pengendalian yang dilakukan bagi mengusahakan aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan (2)(a);
- (c) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki atau dinyatakan oleh Suruhanjaya.

(3) Suruhanjaya boleh meluluskan, menolak atau menghendaki ubah suaian dibuat kepada rancangan perniagaan yang dikemukakan.

(4) Suruhanjaya hendaklah memaklumkan pemegang lesen individu mengenai keputusannya di bawah subseksyen (3) dalam masa sembilan puluh hari dari tarikh rancangan perniagaan itu dikemukakan dengan lengkap.

(5) Pemegang lesen individu mempunyai kewajipan untuk menjalankan aktiviti yang dinyatakan dalam rancangan perniagaan yang diluluskan itu bagi tahun pertama setiap rancangan perniagaan boleh pinda.

(6) Mana-mana pemegang lesen individu yang tidak mematuhi kewajipannya di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

Arahan oleh Suruhanjaya kepada pemegang lesen kemudahan untuk membina, mengendalikan dan menyenggarakan sistem bekalan air awam atau sistem pembedungan awam yang baru

31. (1) Jika Suruhanjaya menghendaki, dalam apa-apa hal keadaan yang ditetapkan oleh Menteri—

- (a) suatu sistem bekalan air awam atau sistem pembedungan awam yang baru dibina dan dipasang di suatu lokasi tertentu yang tidak mempunyai sistem sedemikian; atau
- (b) untuk memperluas sistem bekalan air awam atau sistem pembedungan awam yang sedia ada ke suatu lokasi tertentu yang tidak mempunyai sistem sedemikian,

untuk membekalkan air atau menyediakan perkhidmatan pembedungan kepada pengguna di lokasi itu, Suruhanjaya boleh mengarahkan pemegang lesen kemudahan untuk membina atau memasang atau menyebabkan pembinaan atau pemasangan sistem sedemikian.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah mendapatkan kelulusan terdahulu Kerajaan Persekutuan sebelum ia mengarahkan pemegang lesen kemudahan yang memerlukan pembiayaan daripada Kerajaan Persekutuan untuk menjalankan suatu arahan Suruhanjaya di bawah seksyen ini.

(3) Apabila siapnya pembinaan atau pemasangan sistem bekalan air atau sistem pembedungan yang disebut dalam subseksyen (1), Suruhanjaya boleh mengarahkan pemegang lesen perkhidmatan untuk mengendalikan dan menyenggarakan sistem itu.

Akses kepada sistem bekalan air awam dan sistem pembedungan awam

32. (1) Jika pemegang lesen perkhidmatan yang membekalkan air atau yang menyediakan perkhidmatan pembedungan hendak menggunakan sistem bekalan air awam atau sistem pembedungan awam, pemegang lesen kemudahan yang memiliki sistem bekalan air awam atau sistem pembedungan awam itu atau sebahagian daripada sistem itu hendaklah, jika dikehendaki oleh Suruhanjaya,

memajakkan sistem bekalan air awam atau sistem pembedungan awam itu atau sebahagian daripada sistem itu kepada pemegang lesen perkhidmatan sebagaimana yang dikehendaki oleh pemegang lesen perkhidmatan itu.

(2) Pemegang lesen perkhidmatan dan pemegang lesen kemudahan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah membuat suatu perjanjian pajakan bagi pemajakan sistem bekalan air awam dan sistem pembedungan awam atau sebahagian daripada sistem yang dikehendaki oleh pemegang lesen perkhidmatan itu.

(3) Perjanjian pajakan itu hendaklah mematuhi mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat berkenaan dengan perjanjian pajakan.

(4) Perjanjian pajakan itu hendaklah didaftarkan dengan Suruhanjaya dan tidak boleh dikuatkuasakan sehinggalah perjanjian itu didaftarkan sedemikian.

Berurusan dengan pengguna

33. Pemegang lesen perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan bekalan air atau perkhidmatan pembedungan mempunyai suatu kewajipan am untuk—

- (a) berurusan dengan pengguna secara munasabah; dan
- (b) menangani aduan pengguna dengan memuaskan.

Keselamatan, keutuhan dan keadaan selamat sistem bekalan air dan sistem pembedungan

34. Tiap-tiap pemegang lesen mempunyai kewajipan untuk menyenggarakan pada setiap masa keselamatan, keutuhan dan keadaan selamat sistem bekalan air dan sistem pembedungannya dan semua aset lain yang berhubungan dengan sistem itu.

Kewajipan pemegang lesen kemudahan berkenaan dengan sistem bekalan air dan sistem pembedungan

35. Tiap-tiap pemegang lesen kemudahan mempunyai kewajipan untuk membina, membaikpulihkan, memperbaiki, meningkatkan, menyenggarakan dan membaiki sistem bekalan air dan sistem

pembetungannya dan semua aset lain yang berhubungan dengan sistem itu supaya pemegang lesen kemudahan itu mampu dan terus mampu untuk memenuhi obligasinya di bawah Akta ini dan perundangan subsidiarinya.

Bab 2

Kewajipan dan obligasi yang terpakai bagi pemegang lesen yang menyediakan perkhidmatan bekalan air

Membangunkan dan menyenggarakan sistem bekalan air

36. (1) Tiap-tiap pemegang lesen perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan bekalan air mempunyai kewajipan untuk menyenggarakan suatu sistem bekalan air yang cekap dan ekonomik.

(2) Pemegang lesen pengagihan air hendaklah memastikan bahawa semua perkiraan telah dibuat—

- (a) untuk menyediakan bekalan air ke premis di dalam kawasan pengagihan bekalan airnya dan untuk membuatkan bekalan air sedemikian sentiasa tersedia ada untuk orang yang menghendaknya; dan
- (b) untuk menyenggarakan, memperbaiki dan memperluas sistem bekalan air yang berhubungan dengan pengagihan air,

supaya pemegang lesen pengagihan air itu mampu dan terus mampu untuk memenuhi obligasinya di bawah Akta ini.

(3) Kewajipan pemegang lesen pengagihan air untuk menyenggarakan suatu sistem bekalan air awam hendaklah sehingga takat penghujung paip penghubung.

(4) Kos untuk membaiki, menggantikan dan menyenggarakan paip penghubung hendaklah ditanggung oleh pemegang lesen pengagihan air.

Pembekalan air

37. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), pemegang lesen pengagihan air hendaklah, atas permohonan bertulis oleh pemilik atau penghuni mana-mana premis, membekalkan air ke premis itu.

(2) Tiada pemegang lesen pengagihan air boleh dikehendaki untuk membekalkan air ke mana-mana premis jika—

- (a) mana-mana bangunan di premis itu telah didirikan melanggar dengan mana-mana undang-undang bertulis atau berada dalam keadaan hampir musnah atau berbahaya;
- (b) bekalan air telah pun diberikan ke premis itu oleh pemegang lesen pengagihan air yang lain;
- (c) pemegang lesen pengagihan air itu dihalang berbuat demikian oleh hal keadaan yang di luar kawalan pemegang lesen pengagihan air itu;
- (d) pembekalan air itu akan menyebabkan pemegang lesen pengagihan air itu melanggar Akta ini atau perundangan subsidiarinya;
- (e) pembekalan air pernah dipotong sebelum ini disebabkan oleh pelanggaran Akta ini atau perundangan subsidiarinya dan pelanggaran itu masih belum diremedikan;
- (f) pembekalan air terdahulu telah dipotong mengikut Akta ini atau perundangan subsidiarinya; atau
- (g) keengganan untuk membekalkan air itu diluluskan oleh Suruhanjaya.

Menyambungkan sesalur utama awam dengan premis yang hendak dibekalkan air

38. (1) Apabila permohonan untuk bekalan air telah diluluskan oleh pemegang lesen pengagihan air, pemegang lesen pengagihan air itu hendaklah memasang paip penghubung yang perlu untuk menyambungkan sesalur utama awam dengan premis yang hendak dibekalkan air, dan pemegang lesen pengagihan air itu boleh juga membekalkan dan menyesuaikan semua lengkapan air tetapi kos penyambungan itu dan semua lengkapan air untuk bekalan itu hendaklah ditanggung oleh pemilik atau penghuni premis.

(2) Tiada penyambungan boleh dibuat kepada sesalur utama awam sehingga anggaran kos untuk membuat sambungan itu telah didepositkan dengan pemegang lesen pengagihan air itu dan sehingga semua lengkapan air yang diperlukan untuk pembekalan air telah didirikan dan disiapkan terlebih dahulu mengikut apa-apa kehendak mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini berkenaan dengan perkara yang sama.

Pembekalan air melalui paip awam

39. (1) Pemegang lesen pengagihan air hendaklah, atas permintaan Suruhanjaya selepas berunding dengan pihak berkuasa tempatan yang berkaitan, membekalkan air ke suatu kawasan yang dinyatakan untuk kegunaan orang awam melalui paip awam yang dipasang di dalam kawasan yang dinyatakan itu.

(2) Pembekalan sedemikian hendaklah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dipersetujui bersama oleh pemegang lesen pengagihan air dan Suruhanjaya, dengan merundingi pihak berkuasa tempatan itu, dengan syarat bahawa caj bagi pembekalan air itu hendaklah diluluskan oleh Suruhanjaya.

Pengekalan tekanan air

40. (1) Pemegang lesen pengagihan air mempunyai kewajipan untuk menyebabkan air di dalam sesalur air utama dan paip lainnya—

(a) yang digunakan untuk membekalkan air; atau

(b) yang suatu pili bomba dipasangkan padanya,

dikekalkan mengikut apa-apa tekanan yang dinyatakan dalam perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Pemegang lesen pengagihan air yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

Kualiti air

41. (1) Pemegang lesen pengagihan air hendaklah, apabila membekalkan air ke mana-mana premis, memastikan bahawa kualiti air yang dibekalkan mematuhi standard kualiti minimum, yang ditetapkan oleh Menteri, pada masa pembekalan.

(2) Pemegang lesen pengagihan air hendaklah memastikan, setakat yang dapat dilaksanakan dengan munasabah, berhubung dengan setiap sumber atau kombinasi sumber yang daripadanya pemegang lesen membekalkan air ke mana-mana premis, bahawa tiada kemerosotan berlaku dalam standard kualiti minimum air yang dibekalkan dari semasa ke semasa daripada sumber atau kombinasi sumber itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, air yang dibekalkan oleh pemegang lesen pengagihan air ke mana-mana premis tidak boleh dianggap sebagai tidak mematuhi standard kualiti minimum yang ditetapkan pada masa pembekalan jika air itu tidak lagi mematuhi standard kualiti minimum itu hanya selepas air itu melepasi paip pemegang lesen itu.

(4) Mana-mana pemegang lesen pengagihan air yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pembekalan air bagi pemadaman kebakaran

42. (1) Pemegang lesen pengagihan air hendaklah membenarkan Jabatan Perkhidmatan Bomba atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk mengambil air untuk memadamkan kebakaran daripada mana-mana sesalur air utama atau paip lainnya yang dipasangkan dengan pili bomba.

(2) Kos penggunaan air daripada pili bomba hendaklah ditanggung oleh pemegang lesen pengagihan air.

(3) Mana-mana pemegang lesen pengagihan air yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit.

(4) Dalam seksyen ini, “Jabatan Perkhidmatan Bomba” hendaklah mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [*Akta 341*].

Bab 3

Kewajipan dan obligasi yang terpakai bagi pemegang lesen yang menyediakan perkhidmatan pembedungan

Mengendalikan dan menyenggarakan sistem pembedungan awam

43. Tiap-tiap pemegang lesen perkhidmatan yang mengendalikan dan menyenggarakan suatu sistem pembedungan awam mempunyai kewajipan—

(a) untuk menguruskan, mengendalikan, menyenggarakan, memeriksa, membaiki, mengubah, mengerbangi atau

selainnya memperbaiki sistem pembedungan awam itu dan untuk merawat dan melupuskan kandungannya; dan

- (b) untuk menyahenap cemar dengan sepatutnya sistem pembedungan awam itu dan bagi maksud sedemikian pemegang lesen perkhidmatan itu boleh menyebabkan supaya dibina atau diletakkan, sama ada di atas atau di bawah tanah, apa-apa pembedung, pam dan kerja lain yang perlu.

Tangki septik hendaklah dinyahenap cemar

44. (1) Pemegang lesen perkhidmatan yang mengendalikan dan menyenggarakan suatu sistem pembedungan awam hendaklah menyahenap cemar tangki septik di dalam kawasan perkhidmatan pembedungannya dari semasa ke semasa sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Pemegang lesen perkhidmatan yang tidak mematuhi obligasinya di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN SISTEM BEKALAN AIR, PERKHIDMATAN BEKALAN AIR, SISTEM PEMBEDUNGAN DAN PERKHIDMATAN PEMBEDUNGAN

Bab 1

Sistem bekalan air dan sistem pembedungan

Pembinaan sistem bekalan air, sistem pembedungan dan tangki septik

45. (1) Tiada seorang pun boleh membina, mengubah, mengubah suai, memutuskan sambungan atau menutup suatu sistem bekalan air, sistem pembedungan, tangki septik, perpaipan pembedungan dalaman individu atau perpaipan pembedungan dalaman bersama melainkan jika pelan dan spesifikasi yang berkaitan yang menghendaki kelulusan Suruhanjaya telah diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya hendaklah, melalui kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 180, menyatakan standard tentang jenis dan takat pembinaan, pengubahan, pengubahsuaian, pemutusan sambungan atau penutupan suatu sistem bekalan air, sistem pembedungan, tangki septik, perpaipan pembedungan dalaman individu atau perpaipan pembedungan dalaman bersama yang menghendaki pelan dan spesifikasi yang berkaitan diluluskan terlebih dahulu oleh Suruhanjaya.

(3) Seseorang yang ingin mendapatkan kelulusan Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya apa-apa maklumat dan dokumen dalam bentuk dan cara serta dalam masa yang diperuntukkan dalam kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 180.

(4) Jika seseorang tidak mematuhi subseksyen (3), permohonan orang itu untuk kelulusan hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan hak orang itu untuk mengemukakan permohonan yang baru.

(5) Dalam menimbang sama ada untuk memberikan kelulusan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah mengambil kira yang berikut:

- (a) rancangan perniagaan yang dikemukakan oleh pemegang lesen individu yang mengendalikan dan menyenggarakan sistem bekalan air, sistem pembedungan atau tangki septik itu;
- (b) pelan dan spesifikasi sistem bekalan air, sistem pembedungan atau tangki septik yang dikemukakan oleh orang itu;
- (c) apa-apa perkara lain yang disifatkan patut oleh Suruhanjaya.

(6) Dalam memberikan kelulusan kepada orang itu di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang disifatkannya patut.

(7) Seseorang yang—

- (a) membina, mengubah, mengubah suai, memutuskan sambungan atau menutup suatu sistem bekalan air, sistem pembedungan, tangki septik, perpaipan pembedungan dalaman individu atau perpaipan pembedungan dalaman bersama tanpa pelan dan spesifikasi yang dikehendaki diluluskan oleh Suruhanjaya telah diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Suruhanjaya;

- (b) membina, mengubah, mengubah suai, memutuskan sambungan atau menutup mana-mana sistem bekalan air, sistem pembedungan, tangki septik, perpaipan pembedungan dalaman individu atau perpaipan pembedungan dalaman bersama dengan tidak mengikut pelan dan spesifikasi yang diluluskan; atau
- (c) membuat apa-apa perubahan kepada pelan dan spesifikasi yang diluluskan bagi sistem bekalan air, sistem pembedungan, tangki septik, perpaipan pembedungan dalaman individu atau perpaipan pembedungan dalaman bersama itu selain mengikut Akta ini atau perundangan subsidiarinya,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; dan dia hendaklah mengubah sistem bekalan air, sistem pembedungan, tangki septik, perpaipan pembedungan dalaman individu atau perpaipan pembedungan dalaman bersama itu supaya mematuhi pelan dan spesifikasi yang diluluskan.

(8) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa mana-mana orang telah melakukan mana-mana kesalahan di bawah subseksyen (7), maka walaupun pembinaan, perubahan, pengubahsuaian, pemutusan sambungan atau penutupan itu mungkin telah diluluskan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, Suruhanjaya boleh—

- (a) jika pembinaan, perubahan, pengubahsuaian, pemutusan sambungan atau penutupan itu telah siap, mengarahkan orang itu, pemilik atau perbadanan pengurusan tanah itu atau apa-apa kombinasi mereka, dalam tempoh yang dinyatakan, supaya menjadikan pembinaan, perubahan, pengubahsuaian, pemutusan sambungan atau penutupan itu mematuhi mengikut cara yang disifatkan patut oleh Suruhanjaya, atau jika ini tidak mungkin dilaksanakan, supaya memulihkan tanah itu setakat yang mungkin kepada keadaan asalnya sebelum pembinaan, perubahan, pengubahsuaian, pemutusan sambungan atau penutupan itu dimulakan; atau
- (b) jika pembinaan, perubahan, pengubahsuaian, pemutusan sambungan atau penutupan itu belum siap, mengarahkan orang itu, pemilik atau perbadanan pengurusan tanah itu

supaya menghentikan dengan segera kerja-kerja pembinaan, perubahan, pengubahsuaian, pemutusan sambungan atau penutupan itu dan mematuhi apa-apa kehendak yang disifatkan patut oleh Suruhanjaya atau, jika ini tidak mungkin dilaksanakan, untuk memulihkan tanah itu setakat yang mungkin kepada keadaan asalnya sebelum pembinaan, perubahan, pengubahsuaian, pemutusan sambungan atau penutupan itu dimulakan.

(9) Jika tiada kebenaran bertulis atau pelan yang diluluskan telah didapatkan bagi apa-apa pembinaan, perubahan, pengubahsuaian, pemutusan sambungan atau penutupan dan Suruhanjaya telah mengarahkan supaya suatu permohonan dibuat untuk mendapatkan kebenaran atau kelulusan pelan, arahan itu tidak boleh dianggap sebagai tanda kesediaan untuk memberikan kebenaran atau kelulusan dan hendaklah tanpa menjejaskan apa-apa kuasa Suruhanjaya di bawah Akta ini dan perundangan subsidiarinya.

(10) Jika suatu arahan untuk pemberhentian yang telah dikeluarkan di bawah subseksyen (8) tidak dipatuhi, Suruhanjaya boleh sebagai tambahan kepada remedi di bawah seksyen 177 secara terus mengusir mana-mana orang atau memindahkan apa-apa kelengkapan, kenderaan, mesin atau barang dari tapak itu untuk memastikan pemberhentian pembinaan, perubahan, pengubahsuaian, pemutusan sambungan atau penutupan itu dan bagi maksud ini boleh meminta bantuan polis.

(11) Walau apa pun subseksyen (7), (8) dan (10), Suruhanjaya boleh melaksanakan apa-apa kerja atau mengambil apa-apa langkah—

- (a) jika Suruhanjaya berpendapat kerja atau langkah itu adalah demi kepentingan kesihatan awam;
- (b) jika Suruhanjaya berpendapat kerja atau langkah itu perlu untuk mencegah suatu bahaya yang pasti kepada alam sekitar; atau
- (c) dalam hal ketidakpatuhan mana-mana arahan yang diberikan di bawah subseksyen (8),

dan kerja serta langkah itu boleh sebagai tambahan kepada atau sebagai menggantikan apa-apa jua yang dikehendaki dilakukan di bawah mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (8) dan Suruhanjaya boleh mendapatkan semua

perbelanjaan yang dilakukan dengan munasabah oleh Suruhanjaya dalam melakukan demikian daripada orang yang telah melakukan kesalahan di bawah seksyen ini.

(12) Jika pemberhentian telah diarahkan oleh Suruhanjaya, Suruhanjaya boleh membenarkan pembinaan, perubahan, pengubahsuaian, pemutusan sambungan atau penutupan itu dimulakan semula tertakluk kepada pematuhan apa-apa arahan dan syarat yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

(13) Suruhanjaya boleh enggan untuk membenarkan pembinaan, perubahan, pengubahsuaian, pemutusan sambungan atau penutupan itu dimulakan semula di bawah subseksyen (12) sehinggalah semua perbelanjaan yang dilakukan dengan munasabah oleh Suruhanjaya dalam memastikan pemberhentian itu, pelaksanaan kerja dan pengambilan langkah telah dibayar.

(14) Seseorang yang—

- (a) terus menjalankan apa-apa aktiviti setelah diarahkan untuk memberhentikan kerja di bawah subseksyen (8);
- (b) tidak mematuhi arahan atau syarat yang diberikan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini; atau
- (c) melakukan apa-apa perbuatan untuk menghalang dengan apa jua cara Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Suruhanjaya dalam melaksanakan kuasanya di bawah seksyen ini,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kehendak bagi pemaju untuk membina sistem bekalan air dan sistem pebetungan

46. Pemaju sesuatu pembangunan baru hendaklah membina suatu sistem bekalan air dan suatu sistem pebetungan atau sebahagian daripada sistem itu dalam pembangunannya mengikut kehendak yang dinyatakan dalam pelan dan spesifikasi yang diluluskan oleh Suruhanjaya mengikut seksyen 45.

Pemaju hendaklah menyerahkan sistem bekalan air atau sistem pembedungan pembangunan baru kepada pemegang lesen perkhidmatan

47. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (5), pemaju suatu pembangunan baru yang berada di dalam kawasan pengagihan bekalan air atau kawasan perkhidmatan pembedungan pemegang lesen perkhidmatan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, setelah perakuan pematuhan sistem bekalan air atau sistem pembedungan itu atau sebahagian daripada sistem itu dikeluarkan oleh orang yang berkeelayakan, menyerahkan sistem bekalan air atau sistem pembedungan itu atau sebahagian daripada sistem itu yang berada di dalam pembangunan itu kepada pemegang lesen pengagihan air atau pemegang lesen perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan pembedungan, mengikut mana-mana yang berkenaan, tanpa apa-apa kos, bagi maksud yang dinyatakan dalam subseksyen (3).

(2) Pemegang lesen perkhidmatan itu hendaklah menerima sistem bekalan air atau sistem pembedungan itu atau sebahagian daripada sistem itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pemegang lesen perkhidmatan itu berpuas hati bahawa sistem bekalan air atau sistem pembedungan itu atau sebahagian daripada sistem itu memenuhi kehendak yang dinyatakan dalam pelan dan spesifikasi yang diluluskan serta standard.

(3) Apabila sistem bekalan air atau sistem pembedungan itu atau sebahagian daripada sistem itu diserahkan kepada pemegang lesen perkhidmatan, pemegang lesen perkhidmatan itu hendaklah mengendalikan dan menyenggarakan sistem itu.

(4) Pemaju hendaklah memberikan atau menyebabkan supaya pemilik tanah untuk memberikan pemegang lesen perkhidmatan akses ke sistem bekalan air dan sistem pembedungan itu atau sebahagian daripada sistem itu bagi maksud pengendalian dan penyenggaraan sistem itu.

(5) Suruhanjaya boleh mengecualikan mana-mana pemaju daripada kehendak seksyen ini.

(6) Seseorang yang tidak mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(7) Dalam seksyen ini, “orang yang berkelayakan” ertinya seorang yang diiktiraf oleh Suruhanjaya sebagai seorang yang berkelayakan untuk mengeluarkan suatu perakuan pematuhan bagi maksud subseksyen (1).

Kerosakan kepada sistem bekalan air awam dan sistem pembedungan awam hendaklah dibaiki

48. (1) Jika, kerana apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran, mana-mana orang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya dan melalui perbuatan, pengabaian atau keingkaran itu dia telah menyebabkan kerosakan kepada mana-mana sistem bekalan air awam atau sistem pembedungan awam, maka orang itu boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti yang dikenakan bagi kesalahan itu, dikehendaki supaya memperbaiki kerosakan itu dan membayar pampasan kepada pemegang lesen bagi kerosakan yang telah disebabkan itu.

(2) Amaun yang kena dibayar bagi memperbaiki apa-apa kerosakan di bawah subseksyen (1) hendaklah, dalam hal pertikaian, ditentukan oleh mahkamah yang telah menyabitkan orang yang menyebabkan kerosakan itu.

Kelayakan untuk mengendalikan, dsb., sistem bekalan air dan sistem pembedungan

49. (1) Tiada bahagian mana-mana sistem bekalan air atau sistem pembedungan boleh dikerjakan, diuruskan atau dikendalikan atau disebabkan supaya dikerjakan, diuruskan atau dikendalikan kecuali oleh dan di bawah kawalan orang yang mempunyai apa-apa kelayakan dan memegang apa-apa perakuan yang diperuntukkan di bawah Akta ini atau yang ditetapkan.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Permit untuk kontraktor

50. (1) Tertakluk kepada apa-apa pengecualian yang dinyatakan oleh Suruhanjaya, tiada seorang pun boleh—

(a) menjalankan apa-apa pembinaan, penyambungan, pengubahsuaian atau pembaikan paip air dan lengkapan

air yang membawa atau akan membawa air daripada sesalur utama awam;

- (b) menjalankan apa-apa kerja yang perlu untuk menyambungkan paip sambungan persendirian ke pemetung atau tempat rawatan kumbahan;
- (c) membina, memasang atau mengubah suai apa-apa bahagian sistem bekalan air atau sistem pemetungan;
- (d) menjalankan perkhidmatan penyenggaraan sistem bekalan air atau sistem pemetungan tetapi tidak melibatkan pengendalian sistem itu; atau
- (e) mengusahakan, menyediakan atau mengadakan perkhidmatan penyahenap cemar pemetungan atau apa-apa perkhidmatan pemetungan yang lain,

tanpa permit bertulis yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kerja pemasangan dan penyambungan paip

51. Semua kerja pemasangan paip (kecuali kerja pemasangan paip kebersihan), kerja penyambungan paip dan apa-apa kerja lain yang berkaitan serta semua kerja pembaikan, pembesaran dan perubahan kerja-kerja sedemikian pada masa hadapan hendaklah diusahakan hanya mengikut Akta ini dan perundangan subsidiarinya.

Bab 2

Perkhidmatan bekalan air

Perjanjian pembekalan dengan pengguna

52. (1) Seseorang yang dibekalkan air oleh, atau yang telah meminta supaya air dibekalkan daripada, pemegang lesen pengagihan air hendaklah, jika dikehendaki oleh pemegang lesen pengagihan air itu, membuat suatu perjanjian dengan pemegang lesen pengagihan air itu untuk pembekalan air atas apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan dalam perjanjian itu sebelum air dibekalkan.

(2) Sesuatu perjanjian yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah mengikut bentuk dan kandungan yang mematuhi mana-mana kaedah yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 180.

Pembekalan secara pukal antara pemegang-pemegang lesen perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan bekalan air

53. (1) Suatu perjanjian untuk membekalkan air secara pukal yang dibuat antara pemegang-pemegang lesen perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan bekalan air hendaklah didaftarkan dengan Suruhanjaya dan tidak boleh dikuatkuasakan sehinggalah perjanjian itu didaftarkan sedemikian.

(2) Jika, atas permohonan pemegang lesen perkhidmatan—

(a) Suruhanjaya mendapati perlu atau suai manfaat bagi maksud Akta ini supaya pemegang lesen perkhidmatan lain yang menyediakan perkhidmatan bekalan air memberikan bekalan air secara pukal kepada pemohon; dan

(b) Suruhanjaya berpuas hati bahawa pemberian dan pengambilan bekalan itu tidak boleh didapatkan melalui perjanjian,

maka Suruhanjaya boleh mengarahkan pemegang lesen perkhidmatan lain itu untuk memberikan apa-apa bekalan dalam apa-apa jumlah, selama apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat yang diperuntukkan dalam arahan itu.

(3) Dalam memutuskan peruntukan yang akan dibuat melalui arahan berkenaan dengan pemberian apa-apa bekalan air oleh pemegang lesen perkhidmatan, Suruhanjaya hendaklah mengambil kira tentang hasrat pemegang lesen itu untuk mendapatkan perbelanjaan yang dilakukan kerana mematuhi obligasinya di bawah seksyen ini dan untuk mendapatkan kadar pulangan yang munasabah atas modal berbayarnya tertakluk kepada pemegang lesen itu mencapai tahap kecekapan yang dihasratkan.

(4) Perjanjian pembekalan secara pukal itu hendaklah mematuhi mana-mana kaedah yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 180 berkenaan dengan perjanjian pembekalan secara pukal.

(5) Seksyen ini terpakai hanya bagi pemegang lesen perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan bekalan air yang memegang suatu lesen individu.

Pengurangan atau pemberhentian bekalan

54. (1) Mana-mana pemegang lesen pengagihan air boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya—

- (a) mengurangkan jumlah atau tekanan air yang dibekalkan kepada mana-mana pengguna jika disebabkan oleh apa-apa hal keadaan yang di luar kawalannya air tidak mencukupi untuk membolehkan jumlah yang penuh dibekalkan; atau
- (b) memberhentikan secara sementara bekalan air.

(2) Pemegang lesen pengagihan air itu tidaklah bertanggung bagi apa-apa kerosakan yang dihadapi oleh mana-mana orang atau pada harta atau bagi apa-apa pengurangan atau pemberhentian bekalan air yang—

- (a) diluluskan oleh Suruhanjaya;
- (b) disebabkan oleh hal keadaan atau kemalangan yang tidak diakibatkan oleh pelakuan atau tingkah lakunya sendiri; atau
- (c) disebabkan oleh penyambungan kelengkapan atau lengkapan air yang tidak dibenarkan.

(3) Melainkan jika dikecualikan atau dibenarkan selainnya di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya, pemegang lesen pengagihan air itu hendaklah mengambil semua langkah perlu yang dikehendaki, termasuk menyediakan air melalui lori tangki air, untuk memastikan bahawa pengguna di dalam kawasan pengagihan bekalan airnya dibekalkan air.

Sekatan bekalan air

55. (1) Jika Suruhanjaya mendapati bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana premis telah digunakan atau akan digunakan bagi pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain atau atas apa-apa alasan lain yang disifatkan patut oleh Suruhanjaya, Suruhanjaya boleh mengarahkan supaya pemegang lesen pengagihan air itu memotong bekalan air ke premis tersebut.

(2) Pemegang lesen pengagihan air itu boleh, mengikut kehendak dan tatacara yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 180—

- (a) memberhentikan secara sementara bekalan air ke mana-mana premis; atau
- (b) mengurangkan atau mengubah haluan secara keseluruhan atau sebahagiannya mana-mana paipnya atau mana-mana bahagian paipnya,

bagi maksud menjalankan penyenggaraan dan pembaikan atau pengubahan perlu apa-apa sistem bekalan air atau sebahagian daripada sistem itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), jika pada pendapat pemegang lesen pengagihan air itu, bekalan air itu tidak selamat bagi maksud pembekalan biasa kepada orang awam atau menimbulkan risiko kesihatan kepada orang awam, maka pemegang lesen pengagihan air itu hendaklah dengan segera mengambil langkah-langkah di bawah subseksyen (2) dan hendaklah memberitahu Suruhanjaya mengenai langkah-langkah yang diambil itu dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(4) Jika pemegang lesen pengagihan air mengetahui atau mempunyai sebab untuk mengetahui bahawa bekalan air tidak selamat bagi maksud pembekalan biasa kepada orang awam atau menimbulkan risiko kesihatan kepada orang awam dan tidak—

- (a) memberhentikan secara sementara bekalan air ke mana-mana premis; atau
- (b) mengurangkan atau mengubah haluan secara keseluruhan atau sebahagiannya mana-mana paipnya atau mana-mana bahagian paipnya,

pemegang lesen pengagihan air itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kuasa khas semasa kecemasan

56. (1) Menteri hendaklah mempunyai mana-mana atau semua kuasa yang berikut semasa suatu kecemasan:

- (a) melarang atau menyekat penggunaan air—
 - (i) secara amnya atau bagi maksud yang dinyatakan;

- (ii) semasa waktu-waktu yang dinyatakan atau selainnya; atau
- (iii) mengikut cara yang dinyatakan;

(b) mengenakan—

- (i) had ke atas jumlah air yang boleh digunakan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan;
- (ii) apa-apa surcaj berkenaan dengan penggunaan air yang melebihi had yang dikenakan; atau
- (iii) apa-apa syarat lain yang difikirkan perlu oleh Menteri;

(c) memerintahkan pemegang lesen atau mana-mana orang yang memiliki atau mengendalikan suatu sistem bekalan air untuk menghentikan pengendaliannya atas apa-apa terma dan selama apa-apa tempoh yang difikirkan perlu oleh Menteri; atau

(d) memerintahkan mana-mana orang untuk membekalkan air atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan perlu oleh Menteri.

(2) Menteri hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, selepas menjalankan mana-mana atau semua kuasanya yang dinyatakan di bawah subseksyen (1), menyiarkan suatu notis dalam *Warta* yang menyatakan butir-butir mengenai kuasa yang telah dijalankan dan tindakan yang telah diambil di bawah subseksyen (1).

(3) Menteri boleh atas apa-apa alasan yang difikirkannya patut—

- (a) menghadkan pemakaian subseksyen (1) bagi kawasan, kumpulan, golongan orang, premis atau aktiviti yang dinyatakan; dan
- (b) menggantungkan atau mengetepikan mana-mana peruntukan seksyen ini.

(4) Menteri boleh mengarahkan Suruhanjaya supaya—

- (a) mengambil milikan sementara ke atas mana-mana sistem bekalan air pemegang lesen dan mengendalikannya atau mengarahkan mana-mana orang lain untuk mengendalikannya mengikut apa-apa cara difikirkan patut oleh Menteri; dan

- (b) mengambil atau menyebabkan supaya diambil apa-apa langkah termasuk pemasangan peranti penyekatan, pengawalan dan penyukatan serta pengawalseliaan dan pengawalan pelupusan perkakas yang perlu bagi memastikan pematuhan seksyen ini,

dan pemegang lesen yang mempunyai kawalan atau milikan ke atas sistem bekalan air itu hendaklah menyerahkan kawalan atau milikan ke atas sistem bekalan air itu kepada mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya bagi maksud itu atau mana-mana orang lain yang difikirkan patut oleh Menteri serta pemegang lesen itu hendaklah mengambil segala langkah dan memberikan segala bantuan yang dikehendaki oleh Suruhanjaya, pegawai atau orang itu.

(5) Sesuatu keputusan, perintah atau arahan Menteri dalam menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini adalah muktamad dan tidak boleh dicabar, dirayukan, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(6) Seseorang yang tidak mematuhi perintah Menteri atau larangan, sekatan atau penganan kuasa yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau kehendak di bawah subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(7) Jika mana-mana premis dihuni oleh mana-mana orang selain pemiliknya, penghuni premis itu hendaklah dianggap telah melakukan kesalahan di bawah seksyen ini melainkan jika dibuktikan bahawa dia telah mengambil semua langkah yang munasabah untuk mencegah pelakuan sedemikian.

(8) Kerajaan Persekutuan, Suruhanjaya dan pekerja serta ejen mereka tidaklah bertanggungjawab bagi apa-apa tindakan kerana pelanggaran kontrak atau kerana apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa pemotongan, pemberhentian, pengurangan atau penyekatan bekalan air di bawah seksyen ini.

(9) Tiap-tiap pemegang lesen dan pekerja serta ejen mereka tidaklah bertanggungjawab bagi apa-apa tindakan kerana pelanggaran kontrak atau kerana apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa pemotongan, pemberhentian, pengurangan atau penyekatan bekalan air di bawah seksyen ini kecuali jika pemotongan,

pemberhentian, pengurangan atau penyekatan bekalan air itu telah disebabkan oleh—

- (a) kecuaiian atau perbuatan sengaja pemegang lesen, pekerja atau ejen mereka; atau
- (b) pelanggaran oleh pemegang lesen terhadap terma dan syarat lesennya atau peruntukan Akta ini atau perundangan subsidiarinya.

(10) Seseorang yang disebut dalam perenggan (1)(c) dan (d) tidaklah bertanggung bagi apa-apa tindakan kerana pelanggaran kontrak atau kerana apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa pemberhentian pengendalian atau pembekalan air, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah seksyen ini.

(11) Bagi maksud seksyen ini, suatu “kecemasan” ertinya suatu hal keadaan apabila—

- (a) bekalan air tidak mencukupi disebabkan oleh kemarau yang teruk atau pergolakan industri, mogok atau sekat-masuk;
- (b) pembekalan air atau sistem bekalan air itu membahayakan atau menimbulkan ancaman kepada keselamatan awam atau kesihatan awam; atau
- (c) suatu kejadian berlaku yang menimbulkan keadaan yang mendesak sehinggakan Menteri mendapati perlu untuk menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini.

Bab 3

Sistem dan perkhidmatan pembedungan

Kuasa untuk menghendaki premis disambungkan ke sistem pembedungan awam

57. (1) Suruhanjaya boleh mengarahkan pemilik atau perbadanan pengurusan, atau jika pemilik atau perbadanan pengurusan tidak dapat dikesan dengan usaha yang munasabah, penghuni mana-mana premis yang tidak disambungkan ke sistem pembedungan awam, untuk membina atau memasang bagi premis itu, dalam tempoh yang dinyatakan dalam arahan itu, suatu paip sambungan persendirian daripada apa-apa bahan atau saiz dan pada apa-apa aras yang membolehkan premis itu disambungkan dengan sepatutnya dan berkesan ke mana-mana pembedung awam atau sistem pembedungan awam yang terletak di dalam lingkungan tiga puluh meter dari sempadan premis itu.

(2) Jika pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni yang kepadanya arahan di bawah subseksyen (1) telah dikeluarkan tidak mematuhi arahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam arahan itu, Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya boleh membina atau memasang paip sambungan persendirian itu atau menyebabkan supaya paip itu dibina atau dipasang dan mendapatkan belanja yang dilakukan dalam membina dan memasang paip sedemikian daripada pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni itu.

Kuasa untuk menghendaki pemaju untuk menyambungkan pembangunan ke sistem pebetungan awam

58. (1) Suruhanjaya boleh mengarahkan pemaju mana-mana pembangunan yang tidak disambungkan ke suatu sistem pebetungan awam, untuk membina atau memasang untuk pembangunan itu, dalam tempoh yang dinyatakan dalam arahan itu, suatu paip sambungan daripada apa-apa bahan atau saiz dan pada apa-apa aras yang membolehkan pembangunan itu disambungkan dengan sepatutnya dan berkesan ke mana-mana pebetung awam atau sistem pebetungan awam.

(2) Jika pemaju yang kepadanya arahan di bawah subseksyen (1) telah dikeluarkan tidak mematuhi arahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam arahan itu, Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya boleh membina atau memasang paip sambungan persendirian itu atau menyebabkan supaya paip itu dibina atau dipasang dan mendapatkan belanja yang dilakukan dalam membina dan memasang paip sedemikian daripada pemaju.

Kehendak supaya saliran yang sepatutnya bagi kumbahan dibuat

59. (1) Jika mana-mana premis pada bila-bila masa yang kumbahannya tidak disalurkan dengan sepatutnya melalui paip sambungan persendirian yang mencukupi yang bersambung dengan pebetung awam atau sistem pebetungan awam mengikut Akta ini atau perundangan subsidiarinya atau selainnya sehingga Suruhanjaya berpuas hati, Suruhanjaya boleh memberikan notis secara bertulis yang menghendaki pemilik atau perbadanan pengurusan premis itu atau, jika pemilik atau perbadanan pengurusan itu tidak dapat dikesan dengan usaha yang munasabah, penghuni

premis itu supaya membina atau memasang dari premis itu suatu paip daripada apa-apa bahan atau saiz dan pada suatu aras serta dengan kecerunan yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya yang membolehkan kumbahan disalurkan dari premis itu atau untuk membina apa-apa sistem lain yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya.

(2) Jika pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni yang kepadanya notis di bawah subseksyen (1) telah dikeluarkan tidak mematuhi notis itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya boleh membina atau memasang paip atau apa-apa sistem lain yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya atau menyebabkan supaya paip atau sistem itu dibina atau dipasang dan mendapatkan belanja yang dilakukan dalam membina dan memasang paip atau sistem itu daripada pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni itu.

(3) Seseorang yang tidak mematuhi notis yang diberikan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Sambungan yang tidak dibenarkan ke pebetung awam, dsb.

60. (1) Tiada seorang pun boleh, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Suruhanjaya—

- (a) menjadikan atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana paip sambungan persendirian, parit atau pebetung disambungkan secara langsung atau tidak langsung ke mana-mana pebetung awam atau tempat rawatan kumbahan awam; atau
- (b) menutup, menghalang, menyekat atau melencongkan mana-mana pebetung awam.

(2) Suruhanjaya boleh—

- (a) memerintahkan mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) supaya berhenti menggunakan, atau merobohkan atau selainnya membuang, apa-apa halangan, paip sambungan persendirian, parit atau pebetung yang melanggar dengan subseksyen itu; atau

(b) merobohkan atau selainnya membuang halangan, paip sambungan persendirian, parit atau pebetung itu dan mendapatkan belanja yang dilakukan ketika berbuat demikian daripada orang itu.

(3) Suruhanjaya boleh enggan membenarkan mana-mana orang membuat sambungan ke mana-mana pebetung awam atau tempat rawatan kumbahan awam jika—

(a) pebetung awam atau tempat rawatan kumbahan awam itu tidak atau tidak akan mempunyai keupayaan atau daya muatan yang diperlukan untuk menerima kumbahan yang akan dilepaskan melalui sambungan yang dicadangkan itu; atau

(b) Suruhanjaya mendapati bahawa cara pembinaan atau keadaan pebetung awam atau tempat rawatan kumbahan awam itu adalah sedemikian rupa sehingga pembuatan sambungan itu mungkin menjejaskan sistem pebetungan awam itu.

(4) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) atau tidak mematuhi perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Efluen terlarang atau benda berbahaya tidak boleh dilepaskan ke dalam pebetung awam, dsb.

61. (1) Tiada seorang pun boleh melepaskan ke dalam atau membenarkan dilepaskan ke dalam mana-mana pebetung awam atau tempat rawatan kumbahan awam—

(a) apa-apa efluen terlarang, tanpa kelulusan Suruhanjaya;

(b) apa-apa bahan berbahaya, mudah meruap atau mudah terbakar atau apa-apa benda lain yang mungkin merosakkan atau mengurangkan fungsi mana-mana pebetung awam atau tempat rawatan kumbahan awam atau mengganggu aliran bebas kandungannya atau menjejaskan perawatan atau pelupusan kandungannya; atau

(c) apa-apa efluen, benda atau bahan daripada pengisar sampah atau apa-apa peranti lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya, tanpa kelulusan Suruhanjaya.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Tanggungjawab bagi tangki septik komunal

62. (1) Suatu tangki septik yang digunakan untuk lebih daripada satu premis hendaklah disifatkan menjadi tanggungjawab bersama pemilik atau penghuni premis-premis itu tanpa mengira lokasi tangki septik itu.

(2) Setiap pemilik atau penghuni adalah bertanggungjawab untuk membayar caj untuk perkhidmatan pemptungan seolah-olah mereka ialah pemilik tangki septik individu.

Kuasa untuk memasang atau membina sistem pemptungan persendirian atau tangki septik

63. (1) Suruhanjaya boleh mengarahkan pemilik atau perbadanan pengurusan mana-mana premis, atau jika pemilik atau perbadanan pengurusan itu tidak dapat dikesan dengan usaha yang munasabah, penghuni premis itu, untuk memasang atau membina suatu sistem pemptungan persendirian atau tangki septik untuk premis itu sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya.

(2) Kos pembinaan atau pemasangan sistem pemptungan persendirian atau tangki septik itu hendaklah ditanggung oleh pemilik atau perbadanan pengurusan premis itu, atau jika pemilik atau perbadanan pengurusan itu tidak dapat dikesan dengan usaha yang munasabah, penghuni itu.

Kuasa untuk menghendaki sistem pemptungan persendirian, dsb., dijadikan berkeadaan teratur seperti yang sepatutnya

64. (1) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

(a) suatu sistem pemptungan persendirian, tangki septik, perpaipan pemptungan dalaman individu atau perpaipan pemptungan dalaman bersama di mana-mana premis atau yang digunakan oleh mana-mana premis; atau

- (b) suatu paip sambungan persendirian yang menyambungkan mana-mana premis ke suatu sistem pebetungan awam,

adalah cacat atau tidak disenggarakan dengan sepatutnya atau memerlukan pembaikan, Suruhanjaya boleh mengeluarkan arahan kepada pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni premis itu atau pemilik atau perbadanan pengurusan yang bertanggungjawab bagi sistem pebetungan persendirian, tangki septik, perpaipan pebetungan dalaman individu, perpaipan pebetungan dalaman bersama atau paip sambungan persendirian itu untuk membaiki sistem pebetungan persendirian, tangki septik, perpaipan pebetungan dalaman individu, perpaipan pebetungan dalaman bersama atau paip sambungan persendirian itu atau menjadikannya berkeadaan teratur seperti yang sepatutnya dalam tempoh yang dinyatakan dalam arahan itu.

(2) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa, oleh sebab apa-apa halangan, mana-mana premis tempat terletakinya sesuatu tangki septik tidak mempunyai akses yang mencukupi bagi maksud menyahenap cemar tangki septik itu, Suruhanjaya boleh mengeluarkan suatu arahan kepada pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni premis itu supaya membuang halangan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam arahan itu.

(3) Jika orang yang kepadanya arahan telah dikeluarkan di bawah subseksyen (1) atau (2) tidak mematuhi arahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam arahan itu—

- (a) Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya boleh, apabila tamat tempoh itu, melakukan kerja yang dikehendaki dalam arahan itu dan boleh mendapatkan belanja yang dilakukan dalam berbuat demikian daripada pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni itu; atau
- (b) Suruhanjaya boleh mengarahkan pemegang lesen perkhidmatan di dalam kawasan perkhidmatan pebetungan itu untuk menguruskan dan mengendalikan sistem pebetungan persendirian, tangki septik, perpaipan pebetungan dalaman individu, perpaipan pebetungan dalaman bersama atau paip sambungan persendirian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi apa-apa tempoh yang diputuskan oleh Suruhanjaya dan untuk mengenakan

caj terhadap pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni bagi perkhidmatan yang diberikan oleh pemegang lesen perkhidmatan itu.

(4) Bagi maksud perenggan (3)(b), pemilik, perbadanan pengurusan dan penghuni premis itu hendaklah memberikan pemegang lesen perkhidmatan akses kepada sistem pembedungan persendirian, tangki septik, perpaipan pembedungan dalaman individu, perpaipan pembedungan dalaman bersama atau paip sambungan persendirian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi maksud mengendalikan dan menyenggara sistem pembedungan persendirian, tangki septik, perpaipan pembedungan dalaman individu, perpaipan pembedungan dalaman bersama atau paip sambungan persendirian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Kewajipan untuk mengendalikan dan menyenggara sistem pembedungan persendirian, dsb.

65. (1) Pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni mana-mana premis yang mempunyai sistem pembedungan persendirian atau tangki septik hendaklah—

- (a) memberikan pemegang lesen perkhidmatan atau pemegang permit akses yang mencukupi kepada tangki septik itu bagi maksud membolehkan tangki septik itu diservis dan dinyahenap cemar;
- (b) menyebabkan supaya sistem pembedungan persendirian, tangki septik, paip sambungan persendirian, perpaipan pembedungan dalaman individu, perpaipan pembedungan dalaman bersama dan segala alat tambahannya disenggara dan dijaga supaya tidak menjadi kacau ganggu atau memudaratkan kesihatan;
- (c) menyebabkan supaya tangki septik itu dinyahenap cemar dan, dalam hal suatu sistem pembedungan persendirian, untuk diservis atau disenggara oleh pemegang lesen perkhidmatan atau pemegang permit pada apa-apa lat tempoh dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan; dan
- (d) memberikan pemegang lesen perkhidmatan atau pemegang permit akses yang mencukupi kepada sistem pembedungan persendirian itu bagi maksud membolehkan sistem pembedungan persendirian itu diperiksa, diservis atau disenggara.

(2) Pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni mana-mana premis, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya bagi penyenggaraan, pembaikpulihan atau penggantian perpaipan pemetungan dalaman individu atau perpaipan pemetungan dalaman bersama.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Penalti berkenaan dengan kacau ganggu, dsb., yang disebabkan oleh sistem pemetungan persendirian atau tangki septik

66. (1) Pemilik atau perbadanan pengurusan yang bertanggungjawab bagi—

(a) mana-mana sistem pemetungan persendirian atau tangki septik yang sebegitu kotor atau yang berada dalam keadaan atau terletak sedemikian rupa sehingga menjadi kacau ganggu atau berbahaya kepada kesihatan; atau

(b) mana-mana premis yang tidak dialihudarakan mengikut cara yang menjadikan tidak memudaratkan setakat yang dapat dilaksanakan apa-apa gas, wap, debu atau kekotoran lain yang memudaratkan kesihatan yang dikeluarkan dari sistem pemetungan persendirian atau tangki septik itu,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Suruhanjaya boleh mengarahkan pemilik atau perbadanan pengurusan atau, jika pemilik atau perbadanan pengurusan itu tidak dapat dikesan dengan usaha yang munasabah, penghuni premis di mana sistem pemetungan persendirian atau tangki septik itu ditempatkan atau berada, untuk memberhentikan kacau ganggu, kemudaratatan atau bahaya itu.

(3) Jika pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni itu tidak mematuhi arahan Suruhanjaya di bawah subseksyen (2), Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya boleh memberhentikan kacau ganggu, kemudaratatan atau bahaya sedemikian dan belanja yang dilakukan oleh Suruhanjaya atau orang yang diberi kuasa itu hendaklah ditanggung oleh pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni itu.

Kontrak bagi penyediaan perkhidmatan pembedungan

67. (1) Pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni mana-mana premis yang disediakan perkhidmatan pembedungan hendaklah disifatkan, sebaik sahaja perkhidmatan pembedungan disediakan bagi premis itu, telah berkontrak dengan pemegang lesen perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan pembedungan untuk penyediaan perkhidmatan pembedungan.

(2) Sesuatu perjanjian yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dalam bentuk dan kandungan yang mematuhi mana-mana kaedah yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 180.

BAHAGIAN V

PERLINDUNGAN PENGGUNA, PENYELESAIAN PERTIKAIAN DAN
SIASATAN

Bab 1

*Perlindungan pengguna***Standard pengguna**

68. (1) Suruhanjaya boleh, atas inisiatifnya sendiri atau atas syor Forum Air, menyediakan atau menyebabkan supaya disediakan standard pengguna yang hendaklah termasuk tatacara contoh bagi—

- (a) memenuhi dengan munasabahnyanya kehendak pengguna;
- (b) menangani aduan dan pertikaian pelanggan termasuk suatu proses pengantaraan selain mahkamah, dan tatacara bagi pampasan pelanggan dalam hal pelanggaran standard pengguna; dan
- (c) perlindungan maklumat pengguna.

(2) Perkara-perkara yang boleh ditangani dengan standard pengguna boleh termasuk—

- (a) pemberian maklumat kepada pengguna berkenaan dengan perkhidmatan, kadar dan prestasi;
- (b) tahap perkhidmatan dan kualiti perkhidmatan yang hendak disediakan untuk pengguna;
- (c) pengadaan perkhidmatan pembaikan kerosakan;

- (d) amalan pengenaan caj, pengebilan, pengutipan dan kredit pelanggan; dan
- (e) apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan pengguna.

Forum Air

69. (1) Suruhanjaya hendaklah menamakan suatu badan yang dikenali sebagai “Forum Air” bagi maksud Akta ini dengan memberitahu badan itu secara bertulis, jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) keanggotaan badan itu terbuka kepada semua orang;
- (b) badan itu berupaya untuk melaksanakan sebagaimana yang dikehendaki di bawah peruntukan Akta ini yang berkaitan; dan
- (c) badan itu mempunyai perlembagaan bertulis.

(2) Badan itu hendaklah bersetuju secara bertulis untuk menjadi Forum Air sebelum penamaan itu boleh didaftarkan.

(3) Suruhanjaya boleh memutuskan bahawa suatu badan yang sedia ada yang telah dinamakan sebagai Forum Air sebelum itu tidak lagi menjadi badan yang sesuai bagi maksud Akta ini, jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa badan itu tidak lagi memenuhi kehendak yang dinyatakan dalam subseksyen (1).

(4) Penamaan atau penarikan balik penamaan di bawah seksyen ini hendaklah berkuat kuasa dari tarikh pendaftaran atau tarikh terkemudian yang dinyatakan.

Fungsi Forum Air

70. (1) Forum Air hendaklah mempunyai semua fungsi yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini dan, tanpa menjejaskan keluasan peruntukan sebelum ini, Forum Air hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk memberikan maklum balas dan membuat syor kepada Suruhanjaya mengenai apa-apa perkara yang berkenaan dengan kepentingan pengguna perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan;
- (b) untuk mewakili kepentingan pengguna perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan;

- (c) untuk memajukan kepentingan pengguna berhubung dengan tarif dan standard perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan;
- (d) untuk mengenal pasti dan mengkaji semula perkara-perkara yang menyentuh kepentingan pengguna dan memastikan bahawa syarikat-syarikat perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan menyedari, dan responsif terhadap, kebimbangan mengenai perkhidmatan mereka;
- (e) untuk membuat publisiti tentang kewujudan, fungsi dan kerja Forum Air dalam melindungi kepentingan pengguna;
- (f) untuk menjalankan apa-apa fungsi yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya hendaklah mengambil kira dengan sewajarnya syor Forum Air dalam perjalanan kuasanya dan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

Bab 2

Penyelesaian pertikaian

Pertikaian

71. (1) Sesuatu pertikaian antara—

- (a) dua pemegang lesen atau pemegang permit atau lebih; atau
- (b) pemegang lesen dengan pemegang permit,

berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya hendaklah mula-mula cuba diselesaikan melalui runding bicara antara pihak-pihak kepada pertikaian itu.

(2) Jika pihak-pihak kepada suatu pertikaian tidak dapat mencapai suatu persetujuan, pihak-pihak itu boleh mendapatkan penyelesaian pertikaian itu dengan merujukkan pertikaian itu kepada suatu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya untuk mendengar dan menyelesaikan pertikaian.

(3) Rujukan di bawah subseksyen (2) hendaklah secara bertulis.

Tatacara pertikaian

72. (1) Suatu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya untuk mendengar dan menyelesaikan pertikaian hanya boleh berbuat

demikian di bawah Bab ini jika jawatankuasa itu diberitahu secara bertulis mengenai pertikaian itu.

(2) Jawatankuasa hendaklah menerima pakai apa-apa tatacara yang disifatkannya patut dan wajar dalam pendengaran suatu pertikaian.

Jawatankuasa untuk memutuskan tentang pertikaian yang diberitahu

73. (1) Apabila diterima suatu pemberitahuan bertulis daripada pihak-pihak kepada pertikaian yang disebut dalam seksyen 71, jawatankuasa hendaklah bersidang dengan secepat yang dapat dilaksanakan untuk memutuskan pertikaian itu.

(2) Jawatankuasa adalah terikat di bawah subseksyen (1) untuk bersidang untuk memutuskan suatu pertikaian jika jawatankuasa berpuas hati bahawa—

- (a) suatu persetujuan tidak akan dicapai, atau tidak akan dicapai dalam masa yang munasabah;
- (b) pemberitahuan mengenai pertikaian itu tidak bersifat ringan, remeh atau menyusahkan; dan
- (c) penyelesaian pertikaian itu akan menggalakkan tujuan Akta ini.

(3) Jawatankuasa boleh menyelesaikan pertikaian itu atas apa-apa syarat yang disifatkannya patut.

Keputusan hendaklah secara bertulis

74. (1) Terma dan syarat apa-apa penyelesaian pertikaian oleh jawatankuasa di bawah Bab ini hendaklah disertakan dengan alasan dan hendaklah secara bertulis.

(2) Jawatankuasa hendaklah memberikan pihak-pihak kepada pertikaian itu suatu salinan keputusannya dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(3) Keputusan jawatankuasa hendaklah mengikat pihak-pihak kepada pertikaian itu.

Pendaftaran keputusan

75. (1) Suruhanjaya hendaklah menyenggarakan suatu daftar mengenai semua keputusan jawatankuasa di bawah Bab ini mengikut seksyen 176.

(2) Daftar itu hendaklah mengandungi—

- (a) nama pihak-pihak kepada pertikaian itu;
- (b) suatu perihalan am mengenai perkara yang berhubungan dengan keputusan itu dan keputusan itu; dan
- (c) tarikh keputusan itu,

kecuali alasan bagi keputusan itu.

Penguatkuasaan keputusan

76. Sesuatu keputusan yang diberikan oleh jawatankuasa boleh, dengan kebenaran Mahkamah Sesyen, dikuatkuasakan mengikut cara yang sama seperti suatu penghakiman atau perintah yang sama kesannya, dan jika kebenaran diberikan sedemikian, penghakiman boleh dimasukkan mengikut terma keputusan itu.

Bab 3

Siasatan

Siasatan oleh Suruhanjaya

77. (1) Suruhanjaya hendaklah, sebagai respons kepada suatu arahan oleh Menteri, mengadakan siasatan ke atas apa-apa perkara yang bersifat am yang berkaitan dengan pentadbiran Akta ini atau perundangan subsidiarinya.

(2) Suruhanjaya boleh mengadakan siasatan ke atas apa-apa perkara—

- (a) sebagai respons kepada suatu permintaan bertulis daripada seseorang; atau
- (b) atas inisiatifnya sendiri,

hanya jika ia berpuas hati bahawa perkara itu mempunyai kepentingan yang ketara sama ada kepada orang awam atau kepada pemegang lesen semasa atau bakal pemegang lesen di bawah Akta ini.

Penjalanan siasatan

78. (1) Sesuatu siasatan di bawah Bab ini hendaklah dijalankan sebagaimana dan apabila disifatkan patut oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh menggabungkan dua siasatan atau lebih menjadi satu siasatan.

(3) Semua siasatan adalah terbuka kepada orang awam.

Penyiaran notis siasatan

79. (1) Jika Suruhanjaya diarahkan oleh Menteri untuk mengadakan suatu siasatan di bawah subseksyen 77(1) atau memutuskan untuk mengadakan suatu siasatan di bawah subseksyen 77(2), Suruhanjaya hendaklah menyiarkan, mengikut apa-apa cara yang disifatkannya sesuai, suatu notis mengenai perkara-perkara yang berikut:

- (a) hakikat bahawa ia akan mengadakan siasatan itu;
- (b) tempoh siasatan itu akan diadakan;
- (c) sifat perkara yang berkaitan dengan siasatan itu;
- (d) tempoh, sekurang-kurangnya empat puluh lima hari, yang dalamnya, dan bentuk yang dengannya, orang awam dijemput untuk membuat penghujahan kepada Suruhanjaya mengenai perkara itu;
- (e) perkara-perkara yang diinginkan oleh Suruhanjaya supaya diliputi oleh penghujahan itu; dan
- (f) alamat atau alamat-alamat tempat penghujahan itu boleh dihantar.

(2) Suruhanjaya tidak dikehendaki menyiarkan suatu notis mengenai semua perkara yang disebut dalam subseksyen (1) pada masa yang sama atau mengikut cara yang sama.

(3) Suruhanjaya hendaklah menimbangkan apa-apa penghujahan yang diterima dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(4) Penghujahan yang dibuat oleh orang awam hendaklah dalam bentuk dan jenis yang dinyatakan dalam notis itu.

Siasatan tertutup dan bahan rahsia

80. (1) Walau apa pun subseksyen 78(3), sesuatu siasatan atau sebahagian daripada sesuatu siasatan boleh dijalankan secara tertutup jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) dokumen atau maklumat yang mungkin diberikan, atau sesuatu perkara yang mungkin timbul semasa siasatan awam itu atau suatu bahagian daripada siasatan itu adalah bersifat rahsia; atau
- (b) siasatan atau sebahagian daripada siasatan mengenai sesuatu perkara atau sebahagian daripada sesuatu perkara itu tidak akan mendatangkan faedah kepada pentadbiran yang wajar Akta ini jika siasatan atau sebahagian daripada siasatan itu dibuka kepada orang awam.

(2) Suruhanjaya boleh mengarahkan supaya semua keterangan, dokumen atau bahan lain yang bersifat rahsia yang dikemukakan pada siasatan awam itu tidak disiarkan atau dizahirkan oleh mana-mana orang atau bahawa penyiaran atau penzahiran keterangan, dokumen atau bahan sedemikian oleh mana-mana orang hendaklah dihindarkan.

(3) Jika sesuatu siasatan atau sebahagian daripada siasatan berlangsung secara tertutup, Suruhanjaya hendaklah memberikan arahan tentang orang yang boleh hadir pada siasatan atau sebahagian daripada siasatan itu.

Laporan mengenai siasatan awam

81. (1) Suruhanjaya hendaklah menyiarkan suatu laporan mengenai dapatannya berkenaan dengan apa-apa siasatan awam yang dijalankan olehnya.

(2) Suruhanjaya hendaklah menyiarkan laporan itu dalam masa enam puluh hari dari tamatnya siasatan awam itu.

(3) Suruhanjaya tidak boleh memasukkan dalam laporan itu apa-apa dokumen, maklumat atau bahan —

- (a) yang bersifat rahsia;
- (b) yang penzahirannya mungkin menjejaskan perbicaraan adil seseorang;
- (c) yang mungkin melibatkan penzahiran yang tidak munasabah mengenai maklumat peribadi mana-mana individu (termasuklah individu yang telah mati); atau

- (d) yang tertakluk kepada suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 80.

Perlindungan daripada tindakan sivil

82. Tiada prosiding sivil boleh diambil terhadap seseorang berkenaan dengan apa-apa jua jenis kehilangan, kerosakan atau kecederaan yang dialami oleh seseorang yang lain disebabkan oleh mana-mana perbuatan yang berikut yang dilakukan dengan suci hati:

- (a) pembuatan sesuatu permintaan untuk mengadakan suatu siasatan di bawah seksyen 77; atau
- (b) pembuatan sesuatu pernyataan kepada, atau pemberian sesuatu dokumen atau maklumat kepada, Suruhanjaya berhubung dengan suatu siasatan di bawah Bab ini.

Daftar laporan

83. Suruhanjaya hendaklah menyenggarakan suatu daftar mengenai semua laporan yang dibuat menurut suatu siasatan di bawah Bab ini, mengikut seksyen 176.

BAHAGIAN VI

KADAR, CAJ DAN DEPOSIT

Peraturan-peraturan mengenai kadar, caj dan deposit

84. (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan aras kadar yang hendak dicajkan bagi perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat—

- (a) untuk menetapkan kadar perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan termasuk pembekalan air secara pukal;
- (b) untuk menetapkan aras kadar yang berlainan bagi perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan berdasarkan kategori pengguna, jumlah penggunaan, jenis penggunaan dan lokasi geografi atau mengikut apa-apa cara lain yang disifatkan sesuai oleh Suruhanjaya;

- (c) untuk menetapkan caj penyambungan, penyambungan semula atau apa-apa caj lain, dan deposit, yang berhubungan dengan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedanaan;
- (d) untuk memperuntukkan bagi penyiaran atau penzahiran kadar bagi perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedanaan; atau
- (e) untuk menetapkan kadar pengebilan dan caj melalui meter dan submeter bagi bangunan.

Kuasa untuk mengecualikan kadar, caj atau deposit

85. Menteri boleh mengecualikan mana-mana orang atau organisasi daripada pembayaran apa-apa kadar, caj atau deposit berhubungan dengan perkhidmatan bekalan air atau perkhidmatan pembedanaan atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

Kadar dan caj ditetapkan boleh dikutip dan dipegang simpan oleh pemegang lesen

86. (1) Pemegang lesen boleh menuntut, mengutip dan memegang simpan semua kadar dan caj ditetapkan berkenaan dengan pembekalan air atau penyediaan perkhidmatan pembedanaan ke mana-mana premis pengguna.

(2) Pemegang lesen pengagihan air hendaklah dibenarkan menuntut, mengutip dan memegang simpan semua kadar dan caj ditetapkan untuk dan bagi pihak pemegang lesen perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan pembedanaan, jika diberi kuasa sedemikian oleh pemegang lesen perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan pembedanaan itu.

(3) Pemegang lesen pengagihan air yang menuntut, mengutip dan memegang simpan semua kadar dan caj ditetapkan untuk atau bagi pihak pemegang lesen perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan pembedanaan di bawah subseksyen (2) adalah berhak untuk menjalankan semua hak dan remedi di bawah seksyen 88 dan 89 berkenaan dengan kegagalan membayar perkhidmatan pembedanaan.

(4) Suatu salinan pemberikuasaan yang diberikan oleh pemegang lesen perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan pembedanaan hendaklah diberikan oleh pemegang lesen pengagihan air itu kepada

pelanggan yang berkenaan pemegang lesen perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan pembedung itu sebelum menuntut, mengutip dan memegang simpan semua kadar dan caj yang berkenaan.

Kuasa untuk menghendaki deposit

87. (1) Pemegang lesen perkhidmatan boleh, tertakluk kepada mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini, menghendaki mana-mana orang yang meminta apa-apa pembekalan air atau perkhidmatan pembedung untuk menandatangani dengan pemegang lesen itu apa-apa amaun wang yang ditetapkan sebelum air atau perkhidmatan pembedung boleh dibekalkan ke mana-mana premis.

(2) Deposit itu, apabila dibuat, tidaklah mempunyai bunga apabila dibayar balik dan tidak melepaskan pendeposit atau pengguna daripada tanggungan untuk menjelaskan apa-apa bil bagi pembekalan air atau perkhidmatan pembedung yang disediakan untuknya oleh pemegang lesen.

(3) Jika bekalan air dipotong oleh pemegang lesen perkhidmatan disebabkan oleh kegagalan pendeposit atau pengguna untuk menjelaskan apa-apa bil di bawah seksyen 89, amaun yang dinyatakan dalam bil itu dari tarikh pengebilan sedemikian sehinggalah tarikh apabila bekalan air itu dipotong bolehlah diambil daripada deposit itu.

Mendapatkan wang yang kena dibayar

88. (1) Apa-apa jumlah wang yang berkenaan dengan—

(a) air yang dibekalkan atau perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan pembekalan itu; atau

(b) penyediaan perkhidmatan pembedung,

hendaklah kena dibayar, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyerahan bil, kepada pemegang lesen perkhidmatan itu dan jika jumlah itu tidak dibayar sedemikian, jumlah itu boleh didapati oleh pemegang lesen perkhidmatan melalui tindakan sivil di mahkamah.

(2) Suatu pernyataan bertulis oleh pekerja pemegang lesen yang diperakui dengan sewajarnya oleh pemegang lesen itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen itu yang menyatakan amaun yang kena dibayar hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai bayaran yang kena dibuat oleh pengguna di bawah subseksyen (1).

(3) Penjalanan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini hendaklah tanpa menjejaskan kuasa pemegang lesen itu di bawah seksyen 89.

Pemotongan bekalan air

89. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), pemegang lesen pengagihan air boleh—

- (a) memotong bekalan air kepada seorang pengguna dengan menutup paip air perkhidmatan atau memberhentikan bekalan air termasuk hak untuk mengurangkan bekalan air atau tekanan bekalan air; dan
- (b) mengambil apa-apa kaedah lain sebagaimana yang disifatkannya patut dan wajar.

(2) Pemegang lesen pengagihan air boleh menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) jika pemilik, perbadanan pengurusan, penghuni atau pengguna—

- (a) tidak menjelaskan amaun bagi—
 - (i) air yang telah dibekalkan;
 - (ii) perkhidmatan yang telah diberikan berkaitan dengan pembekalan air;
 - (iii) perkhidmatan pembetulan yang telah diberikan; atau
 - (iv) deposit yang dikehendaki di bawah seksyen 87,

dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyerahan bil;

- (b) yang, setelah mempunyai suatu kontrak dengan pemegang lesen pengagihan air bagi bekalan air, membenarkan atau menyebabkan supaya apa-apa bekalan air sedemikian disalurkan atau dibawa atau digunakan di luar premis itu bagi maksud selain maksud kontrak itu kecuali bagi pemadaman kebakaran;
- (c) menyalahgunakan atau membazirkan atau menyebabkan atau membenarkan supaya disalahgunakan atau dibazirkan apa-apa air yang dibekalkan ke premisnya;
- (d) setelah bersetuju untuk menggunakan air yang dibekalkan bagi suatu maksud tertentu sahaja, menggunakan atau menyebabkan atau membenarkan supaya air itu digunakan bagi maksud yang berlainan selain pemadaman kebakaran; atau

(e) telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau perundangan subsidiarinya.

(3) Sebelum menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), pemegang lesen pengagihan air hendaklah memberikan suatu notis bertulis kepada pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni premis atau pengguna itu untuk meremedikan atau membetulkan keingkaran atau pelanggaran itu dalam masa empat belas hari dari penerimaan notis itu.

(4) Jika apabila tamatnya tempoh yang dinyatakan dalam notis yang diberikan di bawah subseksyen (3), pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni premis atau pengguna itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak meremedikan atau membetulkan keingkaran atau pelanggaran itu, pemegang lesen pengagihan air itu boleh terus menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1).

(5) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menghendaki pemegang lesen pengagihan air itu untuk menjalankan hak dan remedinya di bawah perenggan (1)(b) sebelum ia menjalankan hak dan remedinya di bawah perenggan (1)(a).

(6) Jika—

(a) pemegang lesen pengagihan air menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan mana-mana premis; dan

(b) bekalan air atau perkhidmatan pembedungan disediakan ke premis itu dan juga ke premis lain yang keseluruhannya atau sebahagiannya melalui paip air perkhidmatan yang sama,

pemegang lesen pengagihan air itu boleh menjalankan kuasa yang sama terhadap premis yang lain itu hanya jika orang yang sama adalah penghuni premis itu dan juga premis yang lain itu.

(7) Pemegang lesen pengagihan air hendaklah, dalam masa dua puluh empat jam dan dalam apa-apa hal tidak lewat daripada dua hari dari tarikh pembayaran penuh jumlah wang yang kena dibayar di bawah seksyen 87 dan 88, menyambungkan semula bekalan air ke premis itu dengan syarat bahawa pemilik atau penghuni itu memberikan pemegang lesen pengagihan air itu akses kepada premisnya untuk menjalankan kerja-kerja penyambungan semula.

(8) Walau apa pun subseksyen (7), pemegang lesen pengagihan air adalah berhak untuk mendapatkan daripada pemilik atau penghuni premis itu kos pemotongan bekalan air dan penyambungan semula bekalan air selepas pemotongan. Pemegang lesen pengagihan air itu tidaklah bertanggungjawab bagi apa-apa kerosakan yang dihadapi oleh mana-mana pengguna atau orang atau harta disebabkan oleh pemotongan itu.

(9) Jika bekalan air ke mana-mana premis telah dipotong oleh pemegang lesen pengagihan air dan didapati bahawa bekalan itu telah disambungkan semula tanpa kebenaran pemegang lesen pengagihan air itu, penghuni premis itu hendaklah dianggap, sehinggalah dibuktikan sebaliknya, telah menyambungkan semula atau membenarkan penyambungan semula bekalan air itu dan dia melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Hak pemegang lesen pengagihan air yang dilesenkan untuk menyediakan perkhidmatan pembedungan

90. Pemegang lesen pengagihan air yang juga dilesenkan untuk menyediakan perkhidmatan pembedungan di bawah Akta ini adalah berhak untuk menjalankan semua hak dan remedinya di bawah Bahagian ini tanpa mengira —

- (a) sama ada pemegang lesen pengagihan air itu mempunyai perjanjian dengan pengguna bagi pembekalan air atau penyediaan perkhidmatan pembedungan; atau
- (b) terma mana-mana perjanjian yang sedia ada dengan pengguna bagi pembekalan air atau penyediaan perkhidmatan pembedungan.

BAHAGIAN VII

TRIBUNAL RAYUAN

Penubuhan Tribunal Rayuan

91. Suatu Tribunal Rayuan hendaklah ditubuhkan bagi maksud mengkaji semula mana-mana perkara yang berikut atas rayuan:

- (a) apa-apa arahan yang diberikan oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya;

- (b) keputusan Suruhanjaya untuk tidak mendaftarkan mana-mana perjanjian yang menghendaki pendaftaran di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya;
- (c) keputusan mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya untuk mendengar dan menyelesaikan pertikaian di bawah Bab 2 Bahagian V;
- (d) keputusan Suruhanjaya untuk memberikan atau tidak memberikan kelulusan di bawah seksyen 45;
- (e) keputusan Suruhanjaya di bawah seksyen 59; dan
- (f) arahan Suruhanjaya di bawah seksyen 64.

Keanggotaan Tribunal Rayuan

92. (1) Tribunal Rayuan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi; dan
- (b) sekurang-kurangnya dua orang anggota lain, atau apa-apa bilangan anggota yang lebih ramai sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Menteri.

(2) Menteri hendaklah melantik seseorang yang merupakan seorang anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Persekutuan selama sekurang-kurangnya sepuluh tahun atau yang merupakan seorang peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi yang sedang menjalankan amalan sekurang-kurangnya selama sepuluh tahun untuk menjadi Pengerusi Tribunal Rayuan.

(3) Pelantikan anggota Tribunal Rayuan hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(4) Seseorang anggota Tribunal Rayuan yang disebut dalam perenggan (1)(b) —

- (a) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun; dan
- (b) hendaklah layak untuk dilantik semula setelah tamat tempoh jawatannya tetapi tidak boleh dilantik bagi lebih daripada dua tempoh yang berturut-turut.

Elaun

93. (1) Anggota Tribunal Rayuan yang dilantik di bawah seksyen 92 hendaklah dibayar apa-apa elaun tetap dan apa-apa elaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Anggota Tribunal Rayuan hendaklah dibayar—

(a) suatu elaun bersidang harian semasa persidangan Tribunal Rayuan; dan

(b) elaun penginapan, perjalanan dan sara hidup,

sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Peletakan jawatan dan pembatalan pelantikan

94. (1) Pengerusi atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri.

(2) Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan Pengerusi atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan yang lain jika —

(a) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk melaksanakan tugasnya atau menguruskan hal ehwalnya;

(b) dia menjadi bankrap atau tidak solven;

(c) dia dilarang menjadi pengarah syarikat di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan syarikat;

(d) dia telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang oleh suatu mahkamah di Malaysia;

(e) dia telah melakukan salah laku yang serius berhubungan dengan tugasnya;

(f) dia tidak mematuhi obligasinya di bawah seksyen 96; atau

(g) prestasinya tidak memuaskan selama suatu tempoh masa yang ketara.

Pengosongan jawatan dan pelantikan baru atau sementara

95. (1) Jawatan Pengerusi atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan yang lain hendaklah menjadi kosong jika—

(a) dia mati;

- (b) dia meletakkan jawatannya ataupun selainnya mengosongkan jawatannya sebelum tamat tempoh yang baginya dia dilantik; atau
- (c) pelantikannya dibatalkan di bawah seksyen 94.

(2) Menteri hendaklah melantik seseorang lain mengikut seksyen 92 untuk menggantikan Pengerusi atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan yang lain semasa kekosongan jawatan Pengerusi atau anggota Tribunal Rayuan.

(3) Menteri hendaklah melantik seseorang lain secara sementara mengikut seksyen 92 untuk bertindak sebagai Pengerusi atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan lain —

- (a) semasa apa-apa tempoh apabila Pengerusi atau mana-mana anggota tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (b) jika Pengerusi atau anggota, kerana apa-apa sebab lain, tidak boleh melaksanakan tugas jawatannya.

(4) Tiada tindakan yang dilakukan atau prosiding yang diambil oleh Tribunal Rayuan dalam perjalanan kuasanya atau pelaksanaan fungsinya boleh terjejas atas alasan terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan Tribunal Rayuan.

Penzahiran kepentingan

96. (1) Seseorang anggota Tribunal Rayuan hendaklah menzahirkan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, kepada Pengerusi mengenai apa-apa kepentingan, sama ada substansial atau tidak, yang mungkin bercanggah dengan tugas anggota itu sebagai anggota Tribunal Rayuan dalam sesuatu perkara tertentu.

(2) Jika Pengerusi berpendapat bahawa kepentingan anggota itu bercanggah dengan tugas anggota itu sebagai anggota Tribunal Rayuan, Pengerusi hendaklah memaklumkan semua pihak kepada perkara itu mengenai percanggahan itu.

(3) Jika tiada pihak kepada perkara itu membantah mengenai percanggahan itu, anggota itu boleh terus melaksanakan tugasnya sebagai anggota Tribunal berhubung dengan perkara itu.

(4) Jika sesuatu pihak dalam perkara itu membantah mengenai percanggahan itu, anggota Tribunal Rayuan itu tidak boleh meneruskan pelaksanaan tugasnya sebagai anggota Tribunal Rayuan berhubung dengan perkara itu.

(5) Kegagalan oleh anggota itu untuk menzahirkan kepentingannya di bawah subseksyen (1) hendaklah—

- (a) menidaksahkan keputusan Tribunal Rayuan itu melainkan jika semua pihak bersetuju untuk terikat dengan keputusan itu; dan
- (b) menjadikan anggota itu tertakluk kepada pembatalan pelantikannya di bawah seksyen 94.

Setiausaha Tribunal Rayuan dan pegawai lain

97. (1) Seorang Setiausaha Tribunal Rayuan dan apa-apa bilangan pegawai yang diperlukan untuk menjalankan fungsi Tribunal Rayuan hendaklah dilantik.

(2) Menteri boleh menetapkan apa-apa bilangan pegawai awam yang difikirkan layak oleh Menteri untuk membantu Setiausaha dalam menjalankan fungsinya di bawah subseksyen (1).

(3) Bagi maksud Akta ini, Setiausaha dan pegawai yang ditetapkan di bawah subseksyen (2) hendaklah disifatkan sebagai pegawai Tribunal Rayuan.

Rayuan kepada Tribunal Rayuan

98. (1) Seseorang yang terkilan dengan suatu keputusan atau arahan Suruhanjaya atau jawatankuasa sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 91 boleh merayu kepada Tribunal Rayuan dengan memfailkan suatu notis rayuan dengan Tribunal Rayuan.

(2) Suatu notis rayuan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Tribunal Rayuan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan atau arahan Suruhanjaya atau jawatankuasa itu dan perayu hendaklah memberikan suatu salinan notis itu kepada Pengerusi Suruhanjaya atau jawatankuasa.

(3) Notis rayuan itu hendaklah menyatakan secara ringkas kandungan keputusan atau arahan Suruhanjaya atau jawatankuasa yang dirayukan, hendaklah mengandungi alamat di mana apa-apa notis atau dokumen berkaitan dengan rayuan itu boleh disampaikan kepada perayu atau peguam belanya dan hendaklah ditandatangani oleh perayu itu atau peguam belanya.

Rekod keputusan atau arahan Suruhanjaya atau jawatankuasa

99. (1) Orang yang terkilan yang disebut dalam subseksyen 98(1) boleh, atas inisiatifnya sendiri, meminta secara bertulis kepada Suruhanjaya atau jawatankuasa untuk mendapatkan suatu pernyataan mengenai alasan bagi keputusan atau arahan Suruhanjaya atau jawatankuasa.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), Suruhanjaya atau jawatankuasa hendaklah, apabila menerima permintaan bertulis di bawah subseksyen (1), memberikan suatu salinan pernyataan mengenai alasan bagi keputusan atau arahnya kepada orang yang terkilan itu apabila dibayar fi yang ditetapkan.

(3) Apabila suatu notis rayuan telah difailkan dengan Tribunal Rayuan di bawah subseksyen 98(1), Suruhanjaya atau jawatankuasa hendaklah, jika ia belum lagi menulis alasan bagi keputusan atau arahnya mengenai perkara yang dinyatakan dalam notis itu sebagaimana yang diminta oleh perayu di bawah subseksyen (1), merekodkan secara bertulis alasan bagi keputusan atau arahnya dan alasan bertulis itu hendaklah menjadi sebahagian daripada rekod prosiding di hadapan Tribunal Rayuan.

Penggantungan keputusan atau arahan sementara menunggu rayuan

100. (1) Sementara menunggu keputusan rayuan oleh Tribunal Rayuan, sesuatu keputusan atau arahan Suruhanjaya atau jawatankuasa adalah sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan kecuali jika suatu penggantungan keputusan atau arahan Suruhanjaya atau jawatankuasa telah dimohon oleh perayu dan dibenarkan oleh Tribunal Rayuan.

(2) Sesuatu permohonan untuk penggantungan hendaklah secara bertulis dan hendaklah dibuat kepada Tribunal Rayuan pada atau selepas notis rayuan difailkan dengan Tribunal Rayuan.

Komposisi Tribunal Rayuan

101. (1) Tiap-tiap prosiding Tribunal Rayuan hendaklah didengar dan dilupuskan oleh tiga anggota Tribunal Rayuan atau apa-apa bilangan ganjil yang lebih besar sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi dalam mana-mana hal tertentu.

(2) Dalam ketiadaan Pengerusi, anggota yang lebih kanan hendaklah menjadi pengerusi.

Persidangan Tribunal Rayuan

102. (1) Tribunal Rayuan hendaklah bersidang pada apa-apa tarikh dan di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa.

(2) Pengerusi boleh membatalkan atau menangguhkan mana-mana persidangan Tribunal Rayuan dan boleh menukar tempat persidangan yang telah ditetapkan di bawah subseksyen (1).

(3) Apa-apa perubahan tarikh atau tempat mana-mana persidangan Tribunal Rayuan hendaklah dimaklumkan kepada pihak-pihak kepada rayuan itu melalui notis bertulis.

Tatacara Tribunal Rayuan

103. Tribunal Rayuan hendaklah memutuskan tataranya sendiri.

Kuasa Tribunal Rayuan

104. (1) Tribunal Rayuan hendaklah mempunyai kuasa—

- (a) untuk memanggil pihak-pihak kepada prosiding itu atau mana-mana orang lain untuk hadir di hadapannya untuk memberikan keterangan berkenaan dengan sesuatu rayuan;
- (b) untuk mendapatkan dan menerima keterangan bersumpah atau ikrar sama ada secara bertulis atau lisan, dan memeriksa semua orang sedemikian sebagai saksi sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Tribunal Rayuan;
- (c) jika seseorang dipanggil sedemikian, untuk menghendaki pengemukaan apa-apa maklumat, dokumen, rekod atau benda lain dalam milikannya atau di bawah kawalannya yang difikirkan perlu oleh Tribunal Rayuan bagi maksud rayuan itu;
- (d) untuk mengendalikan apa-apa sumpah, ikrar atau akuan berkanun, mengikut kehendak keadaan;
- (e) jika seseorang dipanggil sedemikian, untuk membenarkan bayaran bagi apa-apa belanja yang munasabah yang dilakukan berkaitan dengan kehadirannya;
- (f) untuk menerima keterangan atau menolak keterangan yang dikemukakan, sama ada lisan atau dokumentar, dan sama ada boleh diterima atau tidak boleh diterima di bawah

peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan kebolehterimaan keterangan;

- (g) untuk menanggungkan pendengaran rayuan dari semasa ke semasa, termasuklah kuasa untuk penangguhan bagi menimbangkan keputusannya; dan
- (h) untuk secara amnya mengarahkan dan melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat bagi mempercepat keputusan rayuan.

(2) Tribunal Rayuan hendaklah mempunyai kuasa suatu mahkamah rendah berkenaan dengan penguatkuasaan tentang kehadiran saksi, pendengaran keterangan secara bersumpah atau berikrar dan menjatuhkan hukuman kerana penghinaan mahkamah.

Keputusan Tribunal Rayuan

105. (1) Keputusan Tribunal Rayuan, mengenai apa-apa perkara, hendaklah diputuskan mengikut majoriti anggotanya.

(2) Sesuatu keputusan Tribunal Rayuan adalah muktamad dan mengikat pihak-pihak kepada rayuan itu dan tidak boleh dirayukan selanjutnya.

Penguatkuasaan keputusan Tribunal Rayuan

106. Sesuatu keputusan yang diberikan oleh Tribunal Rayuan boleh, dengan kebenaran Mahkamah Sesyen, dikuatkuasakan dengan cara yang sama seperti suatu penghakiman atau perintah yang mempunyai kesan yang sama, dan jika kebenaran diberikan sedemikian, penghakiman boleh dimasukkan mengikut terma keputusan itu.

Kekebalan tindakan kerana tindakan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati

107. Tiada tindakan atau guaman boleh dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap —

- (a) Tribunal Rayuan;
- (b) Pengerusi atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan;
- (c) Setiausaha atau mana-mana pegawai Tribunal Rayuan yang lain; atau

- (d) seseorang yang diberi kuasa untuk bertindak untuk dan bagi pihak Tribunal Rayuan,

bagi apa-apa tindakan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati dalam melaksanakan fungsi Tribunal Rayuan atau fungsinya dan penggunaan kuasa Tribunal Rayuan atau kuasanya di bawah Akta ini dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini.

BAHAGIAN VIII

PEMINDAHMILIKAN PERNIAGAAN

Tafsiran

108. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pemegang lesen” termasuklah—

- (a) seseorang yang memegang suatu lesen individu atau pemberikuasaan yang diberikan di bawah Bab 2 Bahagian XIII;
- (b) seseorang yang dikecualikan daripada memegang lesen individu di bawah Akta ini; dan
- (c) seseorang yang memegang, mengawal atau mengendalikan aset yang menjadi sebahagian daripada sistem bekalan air awam atau sistem pembedaan awam;

“pemindah milik” ertinya pemegang lesen yang perniagaannya hendak dipindahmilikkan kepada pemegang lesen atau orang yang lain di bawah seksyen 109;

“penerima pindahan” ertinya pemegang lesen atau orang lain yang kepadanya pemindahmilikan perniagaan hendak dibuat di bawah seksyen 109;

“perniagaan” ertinya apa-apa aktiviti yang dijalankan bagi maksud laba atau keuntungan dan termasuklah semua harta yang diperoleh daripada, atau digunakan dalam atau bagi maksud, menjalankan aktiviti sedemikian dan semua hak dan tanggungan yang berbangkit daripada aktiviti sedemikian; dan

“tarikh pemindahmilikan” ertinya tarikh pada dan yang darinya suatu perjanjian atau perkiraan yang disebut dalam seksyen 109 hendaklah mula berkuat kuasa.

Sanksi dikehendaki bagi penyusunan semula, dsb., pemegang lesen

109. (1) Tiada seorang pun boleh membuat perjanjian atau perkiraan—

- (a) yang akan mengakibatkan pertukaran dalam kawalan pemegang lesen atau syarikat pegangannya;
- (b) bagi penjualan, pelupusan atau pemindahmilikan keseluruhan atau mana-mana bahagian substansial perniagaan pemegang lesen;
- (c) untuk penyatuan atau percantuman pemegang lesen dengan mana-mana orang lain; atau
- (d) untuk penyusunan semula pemegang lesen.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang boleh membuat perjanjian atau perkiraan yang disebut dalam subseksyen (1) jika—

- (a) perjanjian atau perkiraan yang dicadangkan itu dibuat secara bertulis;
- (b) suatu permohonan secara bertulis telah dibuat kepada Menteri untuk kelulusannya bagi perjanjian atau perkiraan itu; dan
- (c) Menteri telah meluluskan perjanjian atau perkiraan itu.

(3) Seseorang boleh membuat permohonan bagi mendapatkan kelulusan Menteri di bawah perenggan (2)(b) dengan mengemukakan suatu permohonan bertulis kepada Suruhanjaya berserta dengan suatu salinan perjanjian atau perkiraan yang dicadangkan itu dan semua maklumat dan dokumen lain yang berkaitan, secara langsung atau tidak langsung, dengan perjanjian atau perkiraan itu atau yang berkaitan bagi pertimbangan Suruhanjaya.

(4) Pada bila-bila masa selepas menerima sesuatu permohonan, Suruhanjaya boleh melalui notis bertulis menghendaki pemohon atau mana-mana orang lain yang merupakan pengarah, pengawal atau pengurus pemohon untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen tambahan.

(5) Jika apa-apa maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (4) tidak diberikan oleh mana-mana orang yang dikehendaki memberikannya dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu atau dalam apa-apa pelanjutan tempoh yang diberikan oleh Suruhanjaya, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak lagi boleh diteruskan, tanpa menjejaskan hak pemohon untuk membuat suatu permohonan yang baru.

(6) Suruhanjaya hendaklah, apabila menerima suatu permohonan yang disebut dalam subseksyen (3) dan selepas diberikan semua maklumat dan dokumen yang dikehendakinya, mengemukakan suatu syor bertulis kepada Menteri tentang sama ada permohonan itu hendak diluluskan atau tidak dan jika hendak diluluskan, apa-apa syarat yang boleh dikenakan atau apa-apa pengubahsuaian atau perubahan yang boleh dibuat.

(7) Sesuatu permohonan di bawah—

- (a) perenggan (1)(b) tidak boleh diluluskan oleh Menteri jika perjanjian atau perkiraan itu akan mengakibatkan penjualan, pelupusan atau pemindahmilikan mana-mana bahagian perniagaan pemegang lesen kepada seseorang yang bukan pemegang lesen, kecuali berhubung dengan suatu bahagian perniagaan itu yang tidak dikehendaki supaya dilesenkan di bawah Akta ini; dan
- (b) perenggan (1)(c) tidak boleh diluluskan oleh Menteri kecuali dalam hal penyatuan atau percantuman dengan pemegang lesen lain.

(8) Jika Menteri enggan memberikan kelulusannya bagi sesuatu permohonan, Suruhanjaya hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keengganan itu.

Permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk memudahkan perjanjian atau perkiraan untuk pemindahmilikan keseluruhan atau sebahagian daripada perniagaan pemegang lesen yang hendak dikuatkuasakan

110. (1) Jika Menteri telah memberikan kelulusannya di bawah seksyen 109 bagi suatu permohonan berkenaan dengan perjanjian atau perkiraan di bawah perenggan 109(1)(b) atau (c), pemindah milik dan penerima pindahan itu boleh membuat permohonan bersama kepada Mahkamah Tinggi melalui saman pemula *ex parte* untuk

mendapatkan suatu perintah Mahkamah sebagaimana yang dikehendaki oleh mereka untuk memudahkan atau membolehkan perjanjian atau perkiraan itu dikuatkuasakan.

(2) Permohonan bersama yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh bagi semua atau mana-mana perintah yang berikut:

- (a) tarikh pada dan yang darinya perjanjian atau perkiraan itu hendaklah berkuat kuasa, iaitu suatu tarikh yang lebih awal atau terkemudian dari tarikh permohonan itu;
- (b) peletakhakan apa-apa harta yang dipegang oleh pemindah milik, sama ada secara sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, pada penerima pindahan sama ada secara sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, pada dan dari tarikh pemindahmilikan atas sifat yang sama dan dengan serta tertakluk masing-masingnya kepada kuasa, peruntukan dan tanggungan yang berkenaan dengannya;
- (c) bagi apa-apa surat cara yang sedia ada, sama ada dalam bentuk surat ikatan, wasiat atau selainnya, atau perintah mana-mana mahkamah, yang di bawahnya atau menurut kuasanya apa-apa harta menjadi terletak hak pada pemindah milik, hendaklah ditafsirkan dan dikuatkuasakan seolah-olah apa-apa sebutan tentang pemindah milik dalam surat cara atau perintah itu digantikan dengan sebutan tentang penerima pindahan;
- (d) bagi apa-apa perjanjian yang sedia ada yang pemindah milik ialah pihak kepadanya, hendaklah ditafsirkan dan dikuatkuasakan seolah-olah penerima pindahan ialah pihak kepada perjanjian itu sebagai ganti pemindah milik;
- (e) jika apa-apa hak atau tanggungan pemindah milik dipindahmilikkan kepada penerima pindahan, bagi memberikan penerima pindahan hak, kuasa dan remedi yang sama yang ada pada pemindah milik seolah-olah penerima pindahan pada setiap masa mempunyai hak atau tanggungan itu dan hak dan tanggungan itu hendaklah termasuk hak dan tanggungan yang berkenaan dengan apa-apa prosiding undang-undang atau permohonan kepada mana-mana pihak berkuasa yang belum selesai sebelum sahaja tarikh pemindahmilikan itu oleh atau terhadap pemindah milik;

- (f) apa-apa penghakiman atau award yang didapatkan oleh atau terhadap pemindah milik dan tidak diselesaikan dengan sepenuhnya sebelum tarikh pemindahmilikan itu, hendaklah dikuatkuasakan oleh atau terhadap penerima pindahan itu; dan
- (g) bagi semua perintah sampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang perlu untuk memastikan perjanjian atau perkiraan itu dilaksanakan sepenuhnya dan dengan berkesan.

(3) Apabila mendengar permohonan di bawah subseksyen (1), Mahkamah Tinggi boleh mengeluarkan suatu perintah mengikut terma yang dipohon atau dengan apa-apa pengubahsuaian atau perubahan yang difikirkan adil atau patut oleh Mahkamah dalam hal keadaan kes itu.

(4) Jika perintah Mahkamah Tinggi di bawah subseksyen (3) memerintukkan supaya pemindahmilikan apa-apa harta atau perniagaan yang terletak hak atau dipegang oleh pemindah milik, sama ada secara sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, maka menurut kuasa perintah itu, harta atau perniagaan itu hendaklah pada dan dari tarikh pemindahmilikan itu menjadi terletak hak pada atau dipegang oleh penerima pindahan sama ada secara sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain dan perintah itu hendaklah berkuat kuasa mengikut terma-termanya walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang atau dalam mana-mana rukun undang-undang, dan hendaklah mengikat mana-mana orang yang terjejas oleh perintah itu tanpa mengira sama ada orang yang terjejas itu tidak merupakan suatu pihak kepada, atau tidak mempunyai notis mengenai, prosiding itu atau mana-mana prosiding berkaitan yang lain di bawah seksyen ini.

(5) Perintah Mahkamah Tinggi yang dibuat di bawah subseksyen (3) hendaklah, tertakluk kepada arahan Mahkamah Tinggi, disiarkan oleh penerima pindahan dalam sekurang-kurangnya dua surat khabar harian yang diterbitkan di Malaysia dan diluluskan oleh Suruhanjaya, satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan satu lagi dalam bahasa Inggeris.

(6) Pemindah milik hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pembuatan perintah Mahkamah Tinggi di bawah subseksyen (3), menyerahkan simpan suatu salinan yang disahkan dokumen yang berikut dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan pihak berkuasa

yang sesuai, jika ada, yang berkenaan dengan pendaftaran atau perekodan urus niaga apa-apa harta alih atau kepentingan mengenai harta alih yang dipindahmilikkan menurut perintah itu:

- (a) perintah Mahkamah Tinggi;
- (b) perjanjian atau perkiraan yang diluluskan oleh Menteri di bawah seksyen 109; dan
- (c) kelulusan Menteri di bawah seksyen 109.

(7) Jika suatu perintah Mahkamah Tinggi di bawah subseksyen (3) meletakhakkan mana-mana tanah beri hakmilik atau apa-apa syer atau kepentingan mengenai mana-mana tanah beri hakmilik, pada penerima pindahan—

- (a) Mahkamah Tinggi hendaklah, jika tanah beri hakmilik itu terletak di dalam Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya, menurut subseksyen 420(2) Kanun Tanah Negara, menyebabkan supaya suatu salinan perintah itu disampaikan kepada Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas sahaja pembuatan perintah itu supaya Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menguatkuasakan subseksyen 420(2), (3) dan (4) Kanun Tanah Negara; atau
- (b) jika tanah beri hakmilik itu terletak di dalam Wilayah Persekutuan Labuan, penerima pindahan itu hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, selepas perintah itu dibuat, mengemukakan salinan sah perintah itu kepada Pendaftar untuk pendaftaran peletakhakan tanah beri hakmilik itu atau bahagian atau kepentingan mengenai tanah beri hakmilik itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Penguatkuasaan Ordinan Tanah) 1984.

(8) Suatu perintah Mahkamah Tinggi di bawah subseksyen (1) boleh berkaitan dengan mana-mana harta atau perniagaan pemindah milik di luar Malaysia dan, jika berkaitan sedemikian, kuat kuasa boleh diberikan terhadapnya sama ada mengikut apa-apa perkiraan bersaling yang berhubungan dengan penguatkuasaan penghakiman yang wujud antara Malaysia dengan negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia yang di dalamnya harta atau perniagaan itu terletak, atau jika tidak terdapat perkiraan bersaling sedemikian, mengikut undang-undang yang terpakai di negara, wilayah atau tempat itu.

BAHAGIAN IX

PENGAMBILALIHAN KAWALAN

Tafsiran

111. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pemegang lesen” termasuklah—

- (a) seseorang yang memegang suatu lesen individu atau pemberikuasaan yang diberikan di bawah Bab 2 Bahagian XIII;
- (b) seseorang yang dikecualikan daripada memegang lesen individu yang diberikan di bawah Akta ini; dan
- (c) seseorang yang memegang, mengawal atau mengendalikan aset yang menjadi sebahagian daripada sistem bekalan air awam atau sistem pembedungan awam.

Pemegang lesen hendaklah memaklumkan Suruhanjaya

112. Mana-mana pemegang lesen yang mendapati bahawa—

- (a) ia adalah tidak solven; atau
- (b) ia telah menggantungkan pembayaran pada apa-apa takat sehingga menjejaskan pengendaliannya,

hendaklah dengan segera memaklumkan Suruhanjaya mengenai hakikat itu.

Tindakan Suruhanjaya berkenaan dengan pemegang lesen dalam hal keadaan tertentu

113. (1) Jika Suruhanjaya—

- (a) telah dimaklumkan oleh pemegang lesen mengenai apa-apa hal keadaan yang disebut dalam seksyen 112; atau
- (b) berpuas hati—
 - (i) bahawa lesen itu atau pemberikuasaan pemegang lesen telah dibatalkan dan pemegang lesen terus menyediakan perkhidmatan bekalan air atau perkhidmatan pembedungan berlanggaran dengan Akta ini dan perundangan subsidiarinya;

- (ii) bahawa telah berlakunya atau ada pelanggaran oleh pemegang lesen akan apa-apa arahan Suruhanjaya yang sebegitu serius sehingga menjadikan pemegang lesen tidak wajar untuk terus memegang lesennya;
- (iii) bahawa pemegang lesen tidak solven atau telah menggantungkan pembayaran pada apa-apa takat yang menjejaskan pengendaliannya atau bahawa wujudnya fakta atau hal keadaan yang berkemungkinan akan membawa kepada pemegang lesen menjadi tidak solven atau kepada pemegang lesen menggantungkan pembayaran sehingga apa-apa takat yang menjejaskan pengendaliannya; atau
- (iv) bahawa pemegang lesen telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau perundangan subsidiarinya atau telah melanggar apa-apa syarat lesennya yang sebegitu serius sehingga menjadikan pemegang lesen tidak wajar untuk terus memegang lesennya,

Suruhanjaya boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menjalankan mana-mana satu atau lebih daripada kuasa yang berikut, sebagaimana yang difikirkannya perlu:

- (A) menghendaki pemegang lesen untuk mengambil apa-apa langkah, tindakan atau untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan atau benda berhubung dengan pemegang lesen itu atau perniagaan, pengarah atau pegawainya yang dinyatakan, dan dalam tempoh yang dinyatakan, oleh Suruhanjaya dalam perintah itu;
- (B) walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis atau apa-apa had yang terkandung dalam dokumen konstituen pemegang lesen, menyingkirkan seorang pegawai pemegang lesen daripada jawatannya berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam perintah itu,
- (C) walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis atau apa-apa had yang terkandung dalam dokumen konstituen pemegang lesen, khususnya, suatu had tentang bilangan minimum atau maksimum pengarah—
 - (i) menyingkirkan mana-mana pengarah pemegang lesen daripada jawatannya berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam perintah itu; atau

- (ii) melantik seorang atau lebih sebagai pengarah atau pengarah-pengarah pemegang lesen dan membuat peruntukan bagi mana-mana orang yang dilantik sedemikian dibayar apa-apa saraan oleh pemegang lesen itu sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; atau
- (D) melantik seseorang untuk menasihati pemegang lesen berhubung dengan perjalanan sepatutnya perniagaannya dan membuat peruntukan bagi orang yang dilantik sedemikian dibayar apa-apa saraan oleh pemegang lesen itu sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.
- (2) Kuasa Suruhanjaya di bawah perenggan (1)(B), (C) dan (D) hendaklah dijalankan hanya dengan persetujuan terdahulu Menteri.
- (3) Jika mana-mana hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan (1)(a) dan (b) wujud berkenaan dengan pemegang lesen dan Suruhanjaya berpendapat bahawa adalah perlu demi kepentingan awam, Suruhanjaya boleh, sama ada Suruhanjaya telah menjalankan mana-mana kuasanya di bawah perenggan (1)(A), (B), (C) atau (D) atau tidak, membuat syor kepada Menteri—
- (a) supaya Suruhanjaya mengambil alih kawalan ke atas keseluruhan harta, perniagaan dan hal ehwal pemegang lesen itu dan menjalankan keseluruhan perniagaan dan hal ehwalnya;
 - (b) supaya Suruhanjaya mengambil alih kawalan ke atas apa-apa bahagian harta, perniagaan dan hal ehwal pemegang lesen itu sebagaimana yang dinyatakan oleh Suruhanjaya dan menjalankan mana-mana bahagian perniagaan dan hal ehwal itu; atau
 - (c) supaya Suruhanjaya untuk melantik mana-mana orang untuk menjalankan mana-mana kuasa Suruhanjaya di bawah perenggan (a) atau (b) bagi pihak Suruhanjaya; dan
 - (d) supaya belanja Suruhanjaya, atau saraan orang yang dilantik sedemikian di bawah perenggan (c), mengikut mana-mana yang berkenaan, dibayar daripada aset pemegang lesen itu dengan diberikan keutamaan daripada semua tuntutan lain sama ada bercagar atau tidak bercagar.
- (4) Jika Menteri bersetuju dengan syor Suruhanjaya di bawah subseksyen (3), dia hendaklah membuat suatu perintah yang hendaklah disiarkan dalam *Warta* yang menyatakan keputusannya dan tindakan yang hendak diambil oleh Suruhanjaya dengan sewajarnya.

(5) Suatu perintah Suruhanjaya di bawah subseksyen (1), atau suatu perintah Menteri di bawah subseksyen (4), boleh dipinda atau digantikan dari semasa ke semasa dengan suatu perintah lanjut di bawah subseksyen (1) atau (4), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Tiada perintah di bawah subseksyen (1), (4) atau (5) boleh dibuat melainkan jika—

- (a) pemegang lesen yang berkenaan dengannya perintah itu dibuat; dan
- (b) dalam hal suatu perintah di bawah perenggan (1)(B) atau subperenggan (C)(i), pegawai atau pengarah yang hendak disingkirkan daripada jawatan itu,

telah diberi suatu peluang yang munasabah untuk membuat representasi terhadap, atau selainnya mengenai, perintah yang dicadangkan itu.

(7) Walau apa pun subseksyen (6), jika pada pendapat Suruhanjaya—

- (a) dalam hal suatu perintah yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) atau (5); atau
- (b) dalam hal suatu perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen (4) atau (5),

apa-apa kelengahan akan memudaratkan kepentingan pengguna atau orang awam atau apa-apa kumpulan orang awam, perintah itu boleh dibuat dahulu dan peluang untuk membuat representasi terhadap atau selainnya berhubung dengan perintah itu hendaklah, dalam hal itu, diberikan selepas sahaja perintah itu dibuat, dan perintah itu boleh, berikutan daripada representasi sedemikian sama ada disahkan atau dipinda atau digantikan di bawah subseksyen (5), atau dibatalkan di bawah subseksyen (8).

(8) Suruhanjaya atau Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan suatu perintah mengikut cara yang sama dengan cara perintah itu dibuat di bawah subseksyen (1), (4) atau (5), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(9) Seseorang yang melanggar perintah Suruhanjaya di bawah perenggan 113(1)(A), (B), (C) atau (D) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Tindakan Menteri berkenaan dengan pemegang lesen demi kepentingan negara

114. (1) Walau apa pun apa-apa jua peruntukan lain dalam Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain, Menteri boleh, jika difikirkannya perlu demi kepentingan negara, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya—

- (a) Suruhanjaya mengambil alih kawalan ke atas keseluruhan harta, perniagaan dan hal ehwal pemegang lesen dan menjalankan keseluruhan perniagaan dan hal ehwal pemegang lesen;
- (b) Suruhanjaya mengambil alih kawalan ke atas apa-apa bahagian harta, perniagaan dan hal ehwal pemegang lesen sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dan menjalankan mana-mana bahagian perniagaan dan hal ehwal pemegang lesen itu; atau
- (c) Suruhanjaya untuk melantik mana-mana orang untuk menjalankan mana-mana tindakan yang diarahkan dalam perenggan (a) atau (b) bagi pihak Suruhanjaya; dan
- (d) belanja Suruhanjaya, atau saraan orang yang dilantik sedemikian di bawah perenggan (c), mengikut mana-mana yang berkenaan, dibayar daripada aset pemegang lesen itu dengan diberikan keutamaan daripada semua tuntutan lain sama ada bercagar atau tidak bercagar.

(2) Penentuan mengenai apa yang terjumlah kepada kepentingan negara hendaklah dibuat oleh Menteri dan penentuan sedemikian adalah muktamad dan mengikat semua orang dan tidak boleh dicabar, dirayukan, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(3) Kuasa Menteri di bawah seksyen ini hendaklah dijalankan hanya dengan kelulusan terdahulu Kerajaan Persekutuan.

Peruntukan berhubung dengan pelantikan di bawah seksyen 113

115. (1) Seseorang yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah subperenggan 113(1)(C)(ii), perenggan 113(1)(D) atau subseksyen 113(4) hendaklah dilantik selama apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Suruhanjaya yang tidak melebihi, dalam apa-apa hal, dua tahun, tetapi boleh dilantik semula selama tiga tempoh berturut-turut yang lanjut yang tidak melebihi satu tahun bagi setiap tempoh.

(2) Terma dan syarat sesuatu pelantikan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah, tertakluk kepada perintah yang di bawahnya pelantikan itu dibuat, ditentukan oleh Suruhanjaya dan hendaklah mengikat pemegang lesen.

(3) Pelantikan seorang pengarah atau pengarah-pengarah di bawah subperenggan 113(1)(C)(ii) tidak menjejaskan apa-apa peruntukan dokumen konstituen yang membolehkan pemegang lesen itu untuk menambah bilangan pengarah jika bilangan maksimum pengarah yang dibenarkan di bawah dokumen konstituen itu belum lagi dicapai atau dilebihi dengan pelantikan atau pelantikan-pelantikan di bawah subperenggan 113(1)(C)(ii).

(4) Seseorang yang memegang apa-apa pelantikan yang disebut di bawah subseksyen (1) tidaklah dikenakan apa-apa obligasi atau tanggungan semata-mata oleh sebab dia memegang pelantikan sedemikian.

Peruntukan berhubung dengan penyingkiran daripada jawatan di bawah seksyen 113

116. (1) Mana-mana pegawai atau pengarah pemegang lesen yang telah disingkirkan dari jawatannya di bawah perenggan 113(1)(B) atau subperenggan 113(1)(C)(i), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah berhenti memegang jawatan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam perintah itu, dan tidaklah boleh selepas tarikh itu memegang apa-apa jawatan lain dalam pemegang lesen itu atau, mengikut apa-apa cara, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mempunyai kaitan dengan, mengambil bahagian atau melibatkan diri dalam, mana-mana aktiviti, hal ehwal atau perniagaan pemegang lesen itu atau yang berhubungan dengan pemegang lesen itu.

(2) Penyingkiran seseorang pegawai atau pengarah di bawah perenggan 113(1)(B) atau subperenggan 113(1)(C)(i) hendaklah sah walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam apa-apa kontrak perkhidmatan atau kontrak atau perjanjian lain, sama ada nyata atau tersirat, sama ada secara individu atau kolektif, dan sama ada dibuat atau diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau tidak, dan seseorang yang disingkirkan daripada jawatan sedemikian tidaklah berhak untuk menuntut apa-apa pampasan kerana kehilangan atau penamatan jawatan itu.

Peruntukan berhubung dengan pengambilalihan kawalan di bawah seksyen 113 atau 114

117. (1) Jika kawalan ke atas pemegang lesen telah diambil alih di bawah suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen 113(4) atau seksyen 114, pemegang lesen dan pengarah serta pegawainya hendaklah—

- (a) mengemukakan harta, perniagaan dan hal ehwalnya kepada apa-apa kawalan sedemikian kepada Suruhanjaya atau orang yang dilantik itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (b) memberikan Suruhanjaya atau orang yang dilantik itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, semua kemudahan yang dikehendaki untuk menjalankan perniagaan dan hal ehwal pemegang lesen itu.

(2) Jika kawalan ke atas pemegang lesen telah diambil alih menurut suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen 113(4) atau seksyen 114, Suruhanjaya, atau orang yang dilantik itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terus mengawal harta, perniagaan dan hal ehwal pemegang lesen yang berkenaan, dan menjalankan perniagaan dan hal ehwal pemegang lesen itu atas nama dan bagi pihak pemegang lesen itu, sebagaimana yang diperuntukkan dalam perintah itu, sehinggalah masa apabila perintah itu dibatalkan.

(3) Dalam tempoh perintah yang dibuat di bawah subseksyen 113(4) atau seksyen 114 berkuat kuasa—

- (a) semua kuasa pemegang lesen dan kuasa pengarahnya di bawah dokumen konstituen pemegang lesen, atau yang boleh dijalankan oleh pemegang lesen atau pengarahnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis, hendaklah terletak hak pada Suruhanjaya atau pada orang yang dilantik itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tanpa mengira sama ada kuasa itu boleh dijalankan melalui ketetapan, ketetapan khas atau mengikut apa-apa cara lain dan apa-apa kesukaran yang berbangkit daripada peletakhakan itu boleh diselesaikan oleh Menteri melalui suatu arahan secara bertulis;
- (b) tiada pengarah pemegang lesen yang kepadanya perintah itu berkaitan boleh, sama ada secara langsung atau tidak langsung, melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti berhubung

dengan pemegang lesen itu, kecuali sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Suruhanjaya atau orang yang dilantik itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan tiada saraan atau apa-apa pembayaran boleh terakru atau kena dibayar kepada mana-mana pengarah pemegang lesen itu, kecuali apa-apa yang diluluskan secara bertulis oleh Suruhanjaya atau orang yang dilantik itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, berhubung dengan apa-apa aktiviti yang dikehendaki atau dibenarkan seperti yang tersebut dahulu oleh Suruhanjaya atau orang yang dilantik itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

- (c) Suruhanjaya atau orang yang dilantik itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menguruskan aset dan hal ehwal pemegang lesen itu untuk meneruskan pembekalan air dan penyediaan perkhidmatan pembetulan kepada orang awam.

(4) Sesuatu perintah di bawah subseksyen 113(4) atau seksyen 114 tidak mempunyai kuat kuasa untuk memberikan atau meletakkan apa-apa hakmilik kepada atau apa-apa kepentingan benefisial mengenai apa-apa harta pemegang lesen yang kepadanya perintah itu berkaitan pada Suruhanjaya atau orang yang dilantik itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Jika kawalan ke atas pemegang lesen telah diambil alih menurut suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen 113(4) atau seksyen 114, Kerajaan Persekutuan, Menteri, Suruhanjaya, mana-mana anggota Suruhanjaya, mana-mana pekerja atau ejen Suruhanjaya dan orang yang dilantik itu tidaklah bertanggungjawab bagi apa-apa tindakan atau prosiding dalam mahkamah oleh mana-mana pihak kerana apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh Menteri, Suruhanjaya, mana-mana anggota Suruhanjaya, mana-mana pekerja atau ejen Suruhanjaya dan orang yang dilantik itu secara suci hati dan dalam perjalanan apa-apa fungsi atau kuasa yang dimaksudkan di bawah Bahagian ini.

(6) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) atau subseksyen (3)(b) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(7) Bagi maksud seksyen ini, seksyen 118 dan 119, “orang yang dilantik” ertinya orang yang dilantik oleh Suruhanjaya untuk mengambil alih kawalan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada harta, perniagaan dan hal ehwal pemegang lesen bagi pihak Suruhanjaya di bawah suatu perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen 113(4) atau seksyen 114.

Kesan menghalang atau menggalang Suruhanjaya atau orang yang dilantik

118. (1) Jika kawalan ke atas pemegang lesen telah diambil alih oleh Suruhanjaya atau orang yang dilantik di bawah suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen 113(4) atau seksyen 114, tiada seorang pun boleh menghalang atau menggalang perjalanan mana-mana tugas, hak atau kuasa oleh Suruhanjaya atau orang yang dilantik itu.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Moratorium

119. (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, jika didapatinya demi kepentingan pengguna atau orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membenarkan Suruhanjaya atau orang yang dilantik itu untuk memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah untuk menggantung permulaan kuat kuasa atau penerusan semua, atau mana-mana kelas, kategori atau perihalan, tindakan dan prosiding yang bersifat sivil terhadap pemegang lesen.

(2) Suatu perintah di bawah subseksyen (1) boleh, dari semasa ke semasa, dipinda, digantikan atau dibatalkan melalui perintah lanjut di bawah subseksyen (1).

Perintah adalah muktamad

120. Sesuatu perintah Menteri di bawah Bahagian ini adalah muktamad dan tidak boleh dicabar, dirayukan, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

BAHAGIAN X

KESALAHAN AM DAN PENALTI

Kesalahan mengenai pencemaran air

121. (1) Seseorang yang mencemarkan atau menyebabkan supaya dicemarkan mana-mana alur air atau sistem bekalan air atau mana-mana bahagian alur air atau sistem bekalan air itu dengan apa-apa bahan—

- (a) dengan niat untuk menyebabkan kematian;
- (b) dengan pengetahuan bahawa dia berkemungkinan menyebabkan kematian; atau
- (c) yang berkemungkinan akan membahayakan nyawa mana-mana orang,

melakukan suatu kesalahan.

(2) Seseorang yang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (1), apabila disabitkan—

- (a) jika kematian adalah akibat perbuatan itu, hendaklah dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan selama tempoh yang boleh berlanjutan sehingga dua puluh tahun, dan jika hukuman itu bukan hukuman mati, dia boleh juga dikenakan sebatan;
- (b) jika kematian bukan akibat perbuatan itu tetapi bahan yang digunakan untuk mencemarkan alur air atau sistem bekalan air itu atau mana-mana bahagian alur air atau sistem bekalan air itu adalah bahan radioaktif atau toksik, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau disebat atau ketiga-tiganya; atau
- (c) dalam apa-apa kes lain, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Tidak menjadi suatu pembelaan bagi orang yang dipertuduh dengan suatu kesalahan di bawah seksyen ini bahawa pemegang lesen yang memiliki sistem bekalan air itu atau yang menyediakan perkhidmatan bekalan air itu tidak mengambil apa-apa tindakan untuk memberhentikan bekalan air sebaik sahaja pemegang lesen itu menyedari bahawa alur air atau sistem bekalan air itu telah tercemar.

Perbuatan salah

122. (1) Seseorang yang—

- (a) dengan sengaja, cuai atau melulu merosakkan atau menyebabkan supaya dirosakkan apa-apa paip, saluran, pembuluh atau struktur, pembedung, lurang, kebuk, lekapan, kelengkapan, takungan, tangki, pam, pili, injap, meter, submeter atau mana-mana bahagian daripada mana-mana sistem bekalan air awam atau sistem pembedungan awam;
- (b) mengumbah, mengangkut, mengubah haluan atau mengambil air dari mana-mana sistem bekalan air awam atau mana-mana bahagian sistem itu, melainkan jika orang itu dibenarkan selainnya di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (c) mandi, membuang sisa atau membuang apa-apa sampah atau makhluk, yang mati atau hidup, ke dalam mana-mana sistem bekalan air awam atau mana-mana bahagian sistem itu; atau
- (d) menceroboh mana-mana kawasan takungan perkhidmatan atau stesen penggalak bagi sesuatu sistem bekalan air awam atau mana-mana kawasan stesen pengepam kumbahan atau tempat rawatan kumbahan bagi sesuatu sistem pembedungan awam,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Seseorang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah perenggan (1)(a) boleh dikehendaki membayar pampasan bagi kerosakan itu dan pampasan itu hendaklah didapatkan daripada orang itu oleh pemegang lesen mengikut cara yang diperuntukkan di bawah seksyen 88.

Sambungan bekalan air yang menyalahi undang-undang

123. (1) Tiada seorang pun selain pemegang lesen boleh membuat apa-apa sambungan ke suatu sesalur utama awam atau paip air perkhidmatan.

(2) Jika suatu paip air perkhidmatan ke mana-mana premis telah disambungkan dengan menyalahi undang-undang ke sesalur utama awam atau ke paip air perkhidmatan lain yang memberikan

perkhidmatan ke premis lain, maka hendaklah dianggap sehingga sebaliknya dibuktikan bahawa sambungan yang menyalahi undang-undang itu telah dibuat oleh pemilik atau penghuni premis yang mula-mula disebut itu.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Menggangu meter atau submeter

124. Seseorang yang menggangu suatu meter atau submeter atau menyebabkan gangguan kepada suatu meter atau submeter yang digunakan bagi menyukat air yang dibekalkan ke mana-mana premis dengan suatu cara yang menyebabkan meter atau submeter itu menunjukkan bacaan yang tidak betul melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Menggangu sistem bekalan air atau sistem pembedahan atau sebahagian daripada sistem itu

125. Seseorang yang menggangu apa-apa paip, saluran, pembuluh atau struktur, pembedahan, lurang, kebuk, lekapan dan kelengkapan, termasuk apa-apa injap, pili atau mana-mana bahagian suatu sistem bekalan air atau sistem pembedahan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Mengambil air dari pili bomba

126. (1) Tiada seorang pun selain orang yang disebut dalam subseksyen 42(1) boleh mengambil air dari suatu pili bomba.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Penalti kerana menghalang

127. Seseorang yang pada bila-bila masa—

- (a) menggalang atau menghalang pemegang lesen atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini atau mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau kontraktor pemegang lesen atau Suruhanjaya dalam perjalanan dan pelaksanaan kewajibannya atau apa-apa jua yang pemegang lesen atau Suruhanjaya masing-masingnya diberi kuasa atau dikehendaki membuatnya menurut kuasa atau berikutan dengan Akta ini; atau
- (b) mengalihkan apa-apa tanda yang diletakkan bagi maksud menunjukkan apa-apa aras atau arah yang perlu bagi pelaksanaan kerja yang dibenarkan oleh Akta ini atau perundangan subsidiarinya,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Prosiding jika penghuni membantah pelaksanaan kerja

128. (1) Jika penghuni mana-mana premis menghalang pemilik atau perbadanan pengurusan premis itu daripada menguatkuasakan mana-mana peruntukan Akta ini atau perundangan subsidiarinya berkenaan dengan premis itu selepas notis mengenai niat pemilik atau perbadanan pengurusan itu untuk berbuat demikian telah diberikan oleh pemilik atau perbadanan pengurusan itu kepada penghuni itu, Mahkamah Majistret, atas bukti mengenainya dan atas permohonan pemilik atau perbadanan pengurusan itu, boleh membuat suatu perintah untuk menghendaki penghuni itu membenarkan pemilik atau perbadanan pengurusan itu untuk melaksanakan segala kerja sedemikian berkenaan dengan premis itu yang perlu bagi menguatkuasakan peruntukan Akta ini atau perundangan subsidiarinya dan boleh juga, jika difikirkannya patut, memerintahkan supaya penghuni itu membayar kos yang berhubungan dengan permohonan atau perintah itu kepada pemilik atau perbadanan pengurusan itu.

(2) Penghuni mana-mana premis yang, selepas tamat tempoh lapan hari dari tarikh suatu perintah dibuat di bawah subseksyen (1), terus enggan untuk membenarkan pemilik atau perbadanan

pengurusan premis itu melaksanakan kerja yang dinyatakan dalam perintah itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, dan pemilik atau perbadanan pengurusan itu hendaklah, semasa keengganan penghuni itu berterusan, dilepaskan daripada apa-apa penalti yang selainnya mungkin boleh dikenakan ke atas pemilik atau perbadanan pengurusan itu oleh sebab keingkarannya dalam melaksanakan kerja itu.

Penggunaan atau pembekalan yang menyalahi undang-undang kelengkapan, peranti, bahan, sistem atau kemudahan yang tidak standard

129. (1) Seseorang yang menggunakan atau membekalkan apa-apa kelengkapan, peranti, bahan, sistem atau kemudahan yang tidak standard yang diketahuinya atau yang dia mempunyai alasan untuk mempercayai adalah kelengkapan, peranti, bahan, sistem atau kemudahan yang tidak standard untuk digunakan bagi tujuan memasang, menjalankan atau mengendalikan kelengkapan, peranti, bahan, sistem atau kemudahan itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya, apa-apa dokumen yang berupa suatu perakuan yang diberikan oleh pegawai diberi kuasa yang memperakukan bahawa mana-mana kelengkapan, peranti atau bahan tertentu adalah suatu kelengkapan, peranti atau bahan yang tidak standard hendaklah boleh diterima sebagai keterangan *prima facie* tentang fakta yang dinyatakan di dalamnya sehingga dibuktikan sebaliknya.

Kesalahan kerana memberikan maklumat palsu atau mengelirukan

130. Seseorang yang menzahirkan atau memberikan maklumat kepada Suruhanjaya atau pegawai diberikuasanya yang diketahuinya atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk mengambil tindakan

131. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menghalang atau dianggap boleh menghalang pemegang lesen daripada memulakan apa-apa tindakan atau guaman terhadap mana-mana orang bagi kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana sistem bekalan air atau sistem pembetulan atau mana-mana bahagian sistem itu, atau menghalang mana-mana orang daripada didakwa atas suatu kesalahan berkenaan dengan mana-mana sistem bekalan air atau sistem pembetulan atau mana-mana bahagian sistem itu yang berada di bawah kawalan atau pengurusan pemegang lesen.

BAHAGIAN XI

KUASA MENGUMPULKAN MAKLUMAT DAN PERUNTUKAN
PENGUATKUASAAN

Bab 1

*Kuasa mengumpulkan maklumat***Pemberian maklumat**

132. (1) Seksyen ini terpakai bagi mana-mana orang jika Suruhanjaya mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu—

- (a) mempunyai apa-apa maklumat atau apa-apa dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan kuasa dan fungsi Suruhanjaya di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya; atau
- (b) berupaya untuk memberikan apa-apa keterangan yang Suruhanjaya mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa keterangan itu adalah berkaitan dengan pelaksanaan kuasa dan fungsi Suruhanjaya di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya.

(2) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Suruhanjaya boleh, melalui notis bertulis, memerintahkan supaya mana-mana orang—

- (a) memberikan pegawai diberi kuasa, dalam tempoh dan mengikut cara dan bentuk yang dinyatakan dalam notis itu, apa-apa maklumat sedemikian;
- (b) mengemukakan kepada pegawai diberi kuasa, dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu, apa-apa dokumen sedemikian, sama ada dalam bentuk fizikal atau dalam media elektronik;

- (c) membuat salinan mana-mana dokumen sedemikian dan mengemukakan salinan itu kepada pegawai diberi kuasa dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu;
- (d) jika orang itu seorang individu, hadir, pada suatu pendengaran tertutup, di hadapan pegawai diberi kuasa pada suatu masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara lisan atau secara bertulis, dan mengemukakan apa-apa dokumen sedemikian, sama ada dalam bentuk fizikal atau dalam media elektronik;
- (e) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan atau suatu badan awam, menyebabkan seorang pegawai yang berwibawa dari pertubuhan atau badan itu untuk hadir, pada suatu pendengaran tertutup, di hadapan pegawai diberi kuasa pada suatu masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa keterangan sedemikian, sama ada secara lisan atau secara bertulis, dan mengemukakan apa-apa dokumen sedemikian, sama ada dalam bentuk fizikal atau dalam media elektronik; atau
- (f) jika orang itu suatu perkongsian, menyebabkan seorang individu yang merupakan seorang rakan kongsi dalam perkongsian itu atau seorang pekerja dalam perkongsian itu untuk hadir, pada suatu pendengaran tertutup, di hadapan pegawai diberi kuasa pada suatu masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa keterangan sedemikian, sama ada secara lisan atau secara bertulis, dan mengemukakan apa-apa dokumen sedemikian, sama ada dalam bentuk fizikal atau dalam media elektronik.

(3) Suruhanjaya hendaklah membenarkan orang yang diperintahkan sedemikian di bawah subseksyen (2) suatu masa yang munasabah untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen sedemikian yang dinyatakan dalam notis itu.

(4) Mana-mana orang yang dikehendaki untuk memberikan maklumat atau dokumen di bawah subseksyen (2) hendaklah memastikan bahawa maklumat atau dokumen itu adalah benar, tepat dan lengkap dan orang itu patut memberikan suatu representasi

bagi maksud itu, termasuk suatu representasi bahawa dia tidak tahu tentang apa-apa maklumat atau dokumen lain yang mungkin menjadikan maklumat atau dokumen yang diberikan itu tidak benar atau mengelirukan.

Bukti pematuhan

133. Seseorang hendaklah, jika pada bila-bila masa dipanggil secara bertulis oleh Suruhanjaya untuk berbuat demikian, memberikan Suruhanjaya atau pegawai diberikuasanya semua dokumen dan maklumat yang dipunyai oleh orang itu yang berhubungan dengan pematuhannya dengan mana-mana peruntukan Akta ini atau perundangan subsidiarinya, sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya secara amnya atau berhubung dengan apa-apa kes yang tertentu.

Suruhanjaya boleh memegang simpan dokumen

134. (1) Suruhanjaya boleh mengambil milikan dan memegang simpan dengan seberapa lama yang perlu suatu dokumen yang diberikan oleh mana-mana orang di bawah Bab ini.

(2) Orang yang memberikan dokumen itu berhak untuk dibekalkan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, suatu salinan yang diperakui oleh Suruhanjaya sebagai salinan benar dokumen itu.

(3) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain, salinan yang diperakui bagi dokumen itu hendaklah diterima oleh semua mahkamah dan tribunal sebagai keterangan seolah-olah salinan itu adalah dokumen asal.

(4) Sehingga suatu salinan diperakui bagi dokumen itu dibekalkan, Suruhanjaya hendaklah, pada bila-bila masa dan di tempat yang disifatkan sesuai oleh Suruhanjaya, membenarkan orang yang memberikan dokumen itu atau seorang yang diberi kuasa oleh orang itu untuk memeriksa dan membuat salinan atau mengambil cabutan daripada dokumen asal itu.

(5) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa dokumen itu tidak lagi perlu dipegang simpan, Suruhanjaya boleh mengembalikan dokumen itu kepada orang yang memberikan dokumen itu di bawah subseksyen (1) dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

Akses kepada rekod

135. (1) Seseorang hendaklah, jika pada bila-bila masa diminta oleh Suruhanjaya melalui notis bertulis, membenarkan Suruhanjaya atau pegawai diberi kuasanya mendapat akses kepada rekodnya bagi maksud menjalankan mana-mana fungsi atau kuasa Suruhanjaya di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi notis bertulis di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit.

Rekod yang tidak betul

136. Seseorang tidak boleh, dengan bermaksud untuk mematuhi sesuatu kehendak yang dikenakan oleh kaedah-kaedah yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 180 berhubung dengan penyimpanan rekod, membuat suatu rekod mengenai apa-apa perkara atau benda dalam sesuatu cara sehingga menyebabkan rekod itu tidak merekodkan perkara atau benda itu dengan betul.

Rekod maklumat

137. (1) Suruhanjaya hendaklah menyenggarakan suatu rekod mengenai semua maklumat atau dokumen yang diterima menurut perintah yang diberikan di bawah subseksyen 132(2).

(2) Suatu rekod yang disenggarakan di bawah subseksyen (1) boleh dijadikan tersedia kepada awam.

Penyiaran maklumat

138. (1) Suruhanjaya boleh menyiarkan apa-apa maklumat yang diterimanya dalam menjalankan kuasa dan fungsinya di bawah Bab ini.

(2) Suruhanjaya hendaklah menimbangkan kepentingan komersial pihak-pihak yang dengannya maklumat itu berkaitan sebelum menyiarkan maklumat sedemikian.

(3) Suruhanjaya tidak boleh menyiarkan apa-apa maklumat atau apa-apa bahagian mana-mana maklumat yang dizahirkan kepadanya jika penyiaran itu—

- (a) berkemungkinan menjejaskan perbicaraan adil seseorang; atau

- (b) akan melibatkan penzahiran yang tidak munasabah akan maklumat peribadi mengenai mana-mana individu (termasuk seorang yang telah mati),

tetapi Suruhanjaya boleh menyiarkan suatu cabutan yang berhubungan dengan maklumat sedemikian dengan syarat bahawa butir-butir dalam cabutan itu tidaklah digubah dalam apa-apa cara yang boleh mengancam atau memudaratkan orang yang memberikan maklumat itu.

Kesalahan kerana tidak patuh

139. Seseorang yang tidak mematuhi perintah Suruhanjaya mengikut Bab ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Bab 2

Kuasa untuk masuk

Kuasa untuk masuk dan memeriksa tanah

140. (1) Bilamana pemegang lesen mendapati bahawa adalah perlu bagi pemegang lesen itu untuk menjalankan kuasa yang diberikan kepada pemegang lesen itu oleh Akta ini berkenaan dengan mana-mana tanah selain tanah Kerajaan bagi maksud membina suatu sistem bekalan air atau suatu sistem pembedungan atau sebahagian daripada sistem itu, pemegang lesen itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen itu boleh, selepas memberikan notis tidak kurang daripada dua puluh empat jam kepada penghuni bagi tanah itu, jika ada, masuk ke atas tanah itu, meninjau dan mengambil ukuran dan melakukan apa-apa tindakan lain yang perlu untuk memastikan kesesuaian tanah itu, setakat yang peninjauan, pengambilan ukuran dan pelaksanaan tindakan itu boleh dibuat tanpa menyebabkan kerosakan atau gangguan.

(2) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai memberi kuasa mana-mana orang untuk memotong atau memugar apa-apa tumbuh-tumbuhan atau pagar atau apa-apa binaan lain atau untuk memasuki mana-mana bangunan atau mana-mana kurungan yang tercantum pada mana-mana bangunan.

(3) Dalam hal tanah rizab, notis di bawah subseksyen (1) boleh diberikan kepada orang yang bertanggungjawab ke atas tanah rizab atau, dalam ketiadaan mana-mana orang sedemikian, kepada Pentadbir Tanah.

Kuasa untuk masuk ke atas tanah bagi maksud pembinaan

141. (1) Tertakluk kepada peruntukan Bab ini, bilamana perlu untuk berbuat demikian bagi maksud memasang apa-apa sistem bekalan air atau sistem pembedungan atau sebahagian daripada sistem itu di bawah Akta ini, pemegang lesen boleh memasang, meletakkan atau membawa di atas, di bawah atau melalui mana-mana tanah, selain tanah Kerajaan, apa-apa paip, saluran, pembuluh atau struktur yang serupa, pembedung, lurang, kebuk, lekapan atau apa-apa kelengkapan lain yang membentuk sebahagian daripada suatu sistem bekalan air atau sistem pembedungan sebagaimana yang perlu atau patut bagi maksud pemasangan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan boleh mengambil apa-apa tindakan lain yang perlu untuk menjadikan pemasangan itu selamat dan cekap, dan hendaklah membayar pampasan penuh mengikut seksyen 146 kepada semua orang yang berkepentingan bagi apa-apa gangguan, kerosakan atau kecacatan yang mungkin disebabkan oleh kerja-kerja sedemikian.

(2) Sebelum masuk ke atas mana-mana tanah bagi maksud yang dinyatakan dalam subseksyen (1), pemegang lesen itu hendaklah memberikan notis yang menyatakan dengan selengkap dan setepat yang mungkin tentang jenis dan takat tindakan-tindakan yang dicadangkan dilakukan.

(3) Notis itu hendaklah sebahagian besarnya dalam bentuk yang dinyatakan oleh Suruhanjaya dan Pentadbir Tanah hendaklah menyatakan suatu tarikh bilamana Pihak Berkuasa Negeri hendak menyiasat apa-apa bantahan yang mungkin telah dibuat sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bab ini.

(4) Notis di bawah subseksyen (2) hendaklah diberikan—

- (a) dalam hal tanah beri hakmilik, kepada pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuninya;
- (b) dalam hal tanah rizab, kepada orang yang bertanggungjawab bagi tanah rizab itu atau, dalam ketiadaan mana-mana orang sedemikian, kepada Pentadbir Tanah,

dan boleh dihantar melalui pos berdaftar atau ditinggalkan di alamat yang terakhir diketahui bagi orang yang kepadanya notis itu hendak diberikan atau disampaikan oleh pemegang lesen atau Pentadbir Tanah atas belanja pemegang lesen itu, sama ada mengikut cara yang diperuntukkan dalam Bab ini atau mengikut cara yang

diperuntukkan bagi penyampaian notis di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah yang sedang berkuat kuasa dalam Negeri di mana tanah itu terletak.

(5) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (4) boleh, dalam masa empat belas hari dari penerimaan notis yang disebut dalam subseksyen (2), memasukkan suatu bantahan terhadap tindakan yang dicadangkan oleh pemegang lesen.

(6) Bantahan itu hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pentadbir Tanah dan pemegang lesen, dan Pentadbir Tanah hendaklah memberikan notis mengenai bantahan itu kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(7) Jika tiada bantahan dimasukkan dalam masa yang dinyatakan dalam subseksyen (5), pemegang lesen boleh dengan serta-merta masuk ke atas tanah itu dan melakukan semua atau mana-mana tindakan yang dinyatakan dalam notis yang diberikan di bawah subseksyen (2).

(8) Jika bantahan telah dimasukkan dan tidak ditarik balik sebelum tarikh yang dinyatakan bagi pendengaran bantahan itu, Pentadbir Tanah hendaklah mengadakan suatu siasatan, dengan memberikan semua pihak suatu peluang untuk didengar.

(9) Apabila selesainya siasatan itu Pentadbir Tanah boleh, sama ada tanpa syarat atau tertakluk kepada apa-apa terma, syarat dan ketetapan yang difikirkannya patut, membuat suatu perintah yang memberi kuasa atau melarang mana-mana tindakan yang disebut dalam notis yang diberikan di bawah subseksyen (2).

Rayuan terhadap perintah Pentadbir Tanah

142. (1) Mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan perintah Pentadbir Tanah di bawah subseksyen 141(9) boleh dalam masa dua puluh satu hari selepas perintah itu merayu terhadap perintah itu kepada Pihak Berkuasa Negeri yang kemudiannya boleh mengesahkan, mengetepikan atau mengubah perintah itu atas apa-apa terma, syarat dan ketetapan yang difikirkannya patut.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh, jika difikirkannya patut, sebagai ganti membuat perintah di bawah subseksyen (1), mengarahkan pengambilan mana-mana tanah atau sebahagian daripada mana-

mana tanah yang termasuk dalam notis yang diberikan di bawah subseksyen 141(2) mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

(3) Pemegang lesen itu hendaklah membayar pampasan bagi apa-apa pengambilan tanah yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen (2).

(4) Keputusan Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen ini adalah muktamad.

(5) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perkara tanah, Pendaftar—

- (a) apabila dikemukakan kepadanya notis yang dikeluarkan oleh pemegang lesen di bawah subseksyen 141(2) berserta dengan pernyataan oleh Pentadbir Tanah bahawa tiada bantahan telah dimasukkan oleh mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen 141(4); atau
- (b) apabila dikemukakan kepadanya perintah asal yang dibuat di bawah subseksyen 141(9) dan apabila didepositkan dengannya suatu salinan yang diperakui benar perintah asal itu,

hendaklah menyebabkan supaya suatu catatan mengenai kewujudan hak-hak di bawah notis atau perintah sedemikian dibuat pada dokumen hakmilik daftaran yang berhubungan dengan tanah yang terjejas oleh notis atau perintah itu.

Memasang paip, dsb., atas tanah Kerajaan

143. Tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan kepada apa-apa syarat yang disifatkan patut oleh Pihak Berkuasa Negeri, seseorang yang memegang suatu lesen individu boleh memasang, meletakkan atau membawa di atas, di bawah atau melalui tanah Kerajaan, setakat yang dibenarkan oleh lesen individunya, apa-apa paip, saluran, pembuluh atau struktur yang serupa, pembedung, lurang, kebuk, lekapan atau apa-apa kelengkapan lain yang membentuk sebahagian daripada suatu sistem bekalan air awam atau sistem pembedungan awam sebagaimana yang perlu atau patut bagi maksud sistem bekalan air awam atau sistem pembedungan awam itu.

Penyenggaraan, pembaikan dan peningkatan pemasangan

144. Bilamana perlu untuk berbuat demikian bagi maksud menyenggarakan, membaiki atau meningkatkan apa-apa sistem bekalan air, sistem pembedungan atau mana-mana bahagian sistem itu, pemegang lesen atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen bagi maksud itu boleh pada bila-bila masa munasabah masuk ke atas mana-mana tanah yang di atas, di bawah atau melaluinya paip, saluran, pembuluh atau struktur yang serupa, pembedung, lurang, kebuk, lekapan atau apa-apa kelengkapan lain yang membentuk sebahagian daripada suatu sistem bekalan air atau sistem pembedungan telah dipasang, dan boleh menjalankan segala pembaikan yang perlu, dan boleh, dalam menjalankan pembaikan itu, menebang atau memangkas pokok, membuang tumbuh-tumbuhan dan melakukan segala benda lain yang perlu bagi maksud itu, dengan menyebabkan sedikit mungkin kerosakan dan dengan membayar pampasan penuh mengikut seksyen 146 kepada semua orang yang berkepentingan kerana apa-apa kerosakan yang disebabkan olehnya yang baginya pampasan belum lagi ditaksirkan di bawah seksyen 141.

Kecualian bagi perjanjian izin lalu

145. (1) Tiada apa-apa jua dalam seksyen 141 atau 144 boleh —

- (a) menyentuh hak pemegang lesen untuk membuat perjanjian izin lalu dengan pemilik atau penghuni mana-mana tanah bagi maksud membawa apa-apa paip, saluran, pembuluh atau struktur yang serupa, pembedung, lurang, kebuk, lekapan atau apa-apa kelengkapan lain yang membentuk sebahagian daripada suatu sistem bekalan air atau sistem pembedungan melalui tanah itu; atau
- (b) menyentuh apa-apa perjanjian izin lalu sedemikian yang wujud pada permulaan kuat kuasa Akta ini.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah, Pendaftar, apabila dikemukakan kepadanya apa-apa salinan asal dan didepositkan dengannya suatu salinan terperakui apa-apa perjanjian izin lalu sedemikian sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1), hendaklah menyebabkan supaya suatu catatan mengenai kewujudan perjanjian

izin lalu itu dibuat pada dokumen hakmilik daftaran yang berhubungan dengan tanah yang terjejas oleh perjanjian izin lalu itu.

(3) Jika sesuatu perjanjian izin lalu adalah berhubung dengan tanah yang merupakan suatu pemegangan yang termasuk dalam Daftar Interim—

- (a) subseksyen (2) hendaklah terpakai seolah-olah “Pesuruhjaya” dan “folio yang bersesuaian dalam Daftar Interim” masing-masing menggantikan “Pendaftar” dan “dokumen hakmilik daftaran”; dan
- (b) apabila dokumen hakmilik tetap telah dikeluarkan bagi tanah itu di bawah seksyen 39 Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 [*Akta 518*], mana-mana catatan yang dibuat menurut subseksyen itu sebagaimana yang diubah oleh perenggan (a) hendaklah (jika perjanjian itu masih berkuat kuasa sebelum sahaja pengeluaran dokumen itu) dimasukkan oleh Pesuruhjaya pada dokumen hakmilik daftaran dan hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah catatan itu dimasukkan di bawah subseksyen itu.

(4) Selagi catatan yang dibuat menurut subseksyen (2) dan (3) masih kekal pada dokumen hakmilik daftaran atau folio yang bersesuaian dalam Daftar Interim, semua urusan berkenaan dengan tanah yang catatan itu berkaitan dengannya hendaklah disifatkan tertakluk kepada hak pemegang lesen di bawah dan menurut kuasa perjanjian izin lalu yang berkenaan dengannya catatan itu dibuat.

(5) Dalam seksyen ini, perkataan “Pesuruhjaya” dan “Daftar Interim” masing-masing mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963.

Pampasan

146. (1) Jumlah pampasan, jika ada, yang kena dibayar di bawah seksyen 141 atau 144 hendaklah ditaksirkan oleh Pentadbir Tanah selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya memadai.

(2) Seseorang yang terkilang dengan taksiran Pentadbir Tanah boleh dalam masa dua puluh satu hari selepas taksiran itu merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri yang keputusannya adalah muktamad.

Bab 3

*Penguatkuasaan***Pegawai diberi kuasa**

147. (1) Menteri boleh secara bertulis memberi kuasa mana-mana pegawai awam atau pegawai Suruhanjaya untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana pegawai sedemikian hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

(3) Dalam menjalankan mana-mana kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini, seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah apabila diminta mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak kuasa yang dikeluarkan kepadanya oleh Menteri.

Kuasa penyiasatan

148. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menyiasat aktiviti pemegang lesen atau orang lain yang penting bagi pematuhannya kepada Akta ini atau perundangan subsidiarinya.

(2) Dalam apa-apa hal yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya, mana-mana pegawai diberi kuasa yang menjalankan sesuatu penyiasatan boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa yang berhubungan dengan penyiasatan polis, kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran, yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

Memasuki premis dengan waran geledah

149. (1) Jika seseorang Majistret mendapati, berdasarkan maklumat bertulis bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang didapatinya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya sedang atau telah dilakukan di mana-mana premis, supaya apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penjalanan suatu penyiasatan mengenai suatu kesalahan boleh didapati di mana-mana premis, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa mana-mana pegawai diberi kuasa yang dinamakan dalam waran itu untuk memasuki premis itu pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau malam, dengan atau tanpa bantuan dan jika perlu dengan kekerasan dan di premis

itu menggeledah dan menyita apa-apa keterangan atau benda sedemikian, dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua boleh memberi kuasa mana-mana mahkamah selain Mahkamah Tinggi untuk memberikan suatu waran untuk menggeledah bagi suatu barang pos, telegram atau dokumen lain yang berada dalam jagaan pihak berkuasa pos atau telegraf.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), waran yang dikeluarkan oleh Majistret boleh memberi kuasa penggeledahan dan penyitaan—

- (a) salinan mana-mana buku, akaun atau dokumen lain, termasuk data berkomputer, yang mengandungi atau dengan munasabah disyaki mengandungi maklumat tentang apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan;
- (b) mana-mana papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran atau notis yang menyatakan atau yang menyiratkan bahawa orang itu mempunyai lesen yang diberikan di bawah Akta ini; atau
- (c) apa-apa dokumen, kelengkapan, peralatan, atau perkara lain yang dengan munasabah dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(3) Seorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan penggeledahan di bawah subseksyen (1) boleh, bagi maksud menyiasat kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam atau di premis itu.

(4) Seorang pegawai diberi kuasa yang membuat pemeriksaan seseorang di bawah subseksyen (3) atau seksyen 150 boleh menyita, atau mengambil milik, dan menyimpan dalam jagaan selamat semua benda, selain pakaian yang perlu, yang dijumpai pada orang itu, dan apa-apa benda lain, yang baginya ada sebab untuk dipercayai bahawa benda itu merupakan peralatan atau keterangan lain bagi jenayah itu, dan benda itu boleh ditahan sehingga orang itu dilepaskan atau dibebaskan.

(5) Bilamana menjadi perlu untuk menyebabkan seorang perempuan diperiksa, pemeriksaan itu hendaklah dilakukan oleh seorang perempuan lain dengan penuh kesopanan.

(6) Jika, oleh sebab sifat, saiz atau amaunnya, pemindahan apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau

perkara yang disita di bawah seksyen ini tidak boleh dilaksanakan, pegawai yang menyita hendaklah dengan apa-apa cara mengelak buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara itu di dalam premis atau bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(7) Seseorang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (6) atau memindahkan apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kuasa untuk masuk dan menggeledah serta menyita tanpa waran

150. Jika seseorang pegawai diberi kuasa berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen itu penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan suatu kesalahan mungkin diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai itu boleh memasuki premis itu dan menjalankan dalam, di atas dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 149 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Capaian kepada data berkomputer

151. (1) Seorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu pengeledahan di bawah seksyen 149 atau 150 hendaklah diberi capaian kepada data berkomputer sama ada disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “capaian” termasuklah—

(a) diberikan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan data berkomputer difahami; dan

(b) erti yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 2(2) dan (5) Akta Jenayah Komputer 1997 [Akta 563].

Waran boleh diterima walaupun cacat

152. Suatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun kecacatan, kesilapan atau peninggalan di dalamnya atau dalam permohonan bagi waran itu dan mana-mana kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda yang disita di bawah waran itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya.

Senarai benda yang disita

153. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika apa-apa kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda disita di bawah Bab ini, pegawai yang menyita hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menyediakan suatu senarai benda yang disita dan mengenai tempat di mana kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda itu masing-masing dijumpai dan menyerahkan suatu salinan senarai itu yang ditandatangani olehnya kepada penghuni premis yang telah digeledah, atau kepada ejen atau pekerjanya, di premis itu.

(2) Jika premis itu tidak berpenghuni, pegawai yang menyita hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

Pelepasan benda yang disita

154. (1) Jika apa-apa benda telah disita di bawah Akta ini, pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu, boleh pada bila-bila masa selepas itu melepaskan benda itu kepada orang yang diputuskan olehnya sebagai berhak secara sah kepada benda itu jika dia berpuas hati bahawa benda itu tidak dikehendaki selainnya bagi maksud mana-mana prosiding di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya, atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, dan dalam hal ini pegawai yang membuat penyitaan itu atau Kerajaan Persekutuan, Suruhanjaya atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan atau

Suruhanjaya tidak boleh dikenakan apa-apa prosiding oleh mana-mana orang jika penyitaan dan pelepasan benda itu telah dibuat dengan suci hati.

(2) Suatu rekod bertulis hendaklah dibuat oleh pegawai diberi kuasa yang membuat pelepasan mana-mana benda di bawah subseksyen (1) yang menyatakan secara terperinci hal keadaan dan sebab bagi pelepasan itu dan dia hendaklah menghantarkan suatu salinan rekod itu kepada Pendakwa Raya dan kepada Ketua Polis Negara dalam tempoh tujuh hari dari pelepasan itu.

Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes

155. (1) Seorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya boleh melalui perintah secara bertulis menghendaki kehadiran di hadapannya mana-mana orang yang pada pendapat pegawai diberi kuasa itu mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian.

(2) Jika mana-mana orang enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian, pegawai diberi kuasa itu boleh melaporkan keengganan itu kepada seorang Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu saman untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1).

Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes

156. (1) Seorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang yang diperiksa di bawah subseksyen (1) itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh pegawai diberi kuasa itu, tetapi orang itu boleh enggan menjawab mana-mana soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat suatu pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada pernyataan itu dibuat secara keseluruhannya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan.

(4) Seorang pegawai diberi kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, apabila mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan—

(a) selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa dia membuatnya; dan

(b) selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembedaan yang dia mahu.

Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan

157. (1) Jika mana-mana orang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu terjemlah kepada suatu pengakuan salah atau tidak atau sama ada pernyataan itu dibuat secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu ditangkap dan sama ada dalam perjalanan suatu penyiasatan di bawah Akta ini atau tidak dan sama ada atau tidak secara keseluruhannya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan, oleh orang itu kepada atau dengan didengar oleh seorang pegawai diberi kuasa atau orang lain, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya dan, jika orang yang dipertuduh itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, mana-mana pernyataan sedemikian boleh digunakan semasa pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya.

(2) Tiada pernyataan di bawah subseksyen (1) boleh diterima atau digunakan —

(a) jika pembuatan pernyataan itu ternyata pada mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu yang datang daripada seorang yang berkuasa dan cukup

pada pendapat mahkamah untuk memberikan orang yang dipertuduh itu alasan yang pada pendapatnya adalah munasabah untuk menyangkakan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa faedah atau mengelakkan apa-apa durjana keduniaan berkaitan dengan prosiding terhadapnya; atau

- (b) dalam hal suatu pernyataan yang dibuat oleh orang itu selepas dia ditangkap, melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa dia telah diberi amaran dalam perkataan yang berikut atau perkataan yang serupa maksudnya:

“Menjadi kewajipan saya untuk memberi amaran kepada anda bahawa anda tidaklah diwajibkan untuk menyatakan apa-apa atau untuk menjawab apa-apa soalan, tetapi apa-apa yang anda nyatakan, sama ada dalam menjawab sesuatu soalan atau tidak, boleh diberikan sebagai keterangan.”.

(3) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang sebelum ada masa untuk memberi amaran kepadanya tidaklah menjadikan pernyataan itu tidak boleh diterima sebagai keterangan semata-mata kerana orang itu tidak diberi amaran jika dia telah diberi amaran dengan secepat yang mungkin selepas itu.

(4) Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, seseorang yang dipertuduh atas suatu kesalahan yang baginya subseksyen (1) terpakai tidaklah terikat untuk menjawab apa-apa soalan yang berhubungan dengan kes itu selepas apa-apa amaran yang disebut dalam perenggan 2(b) telah diberikan kepadanya.

Pegawai diberi kuasa hendaklah menyiapkan penyiasatan dan menyerahkannya kepada polis

158. Apabila siap penyiasatannya mengenai sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya, seorang pegawai diberi kuasa hendaklah dengan segera memberikan segala maklumat yang berhubungan dengan pelakuan kesalahan itu kepada pegawai penjaga suatu balai polis dan pegawai polis boleh menangkap seseorang yang mungkin telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya.

Kos bagi memegang kelengkapan, dsb., yang disita

159. Jika apa-apa kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen, benda atau perkara yang disita di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya dipegang dalam jagaan Kerajaan atau Suruhanjaya sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding yang berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya, kos bagi memegang benda itu dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati telah melakukan suatu kesalahan, menjadi hutang yang kena dibayar oleh orang itu kepada Kerajaan dan hendaklah didapatkan dengan sewajarnya.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

160. Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen, benda atau perkara yang disita dalam menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Halangan

161. Mana-mana orang yang —

- (a) enggan memberikan mana-mana pegawai diberi kuasa akses kepada mana-mana premis yang pegawai diberi kuasa itu berhak kepadanya di bawah Akta ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini;
- (b) menyerang, menghalang, menggalang atau melengahkan mana-mana pegawai diberi kuasa dalam membuat apa-apa kemasukan yang pegawai diberi kuasa itu berhak membuatnya di bawah Akta ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini; atau
- (c) enggan memberikan mana-mana pegawai diberi kuasa apa-apa maklumat berhubung dengan sesuatu kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya atau apa-apa maklumat lain

yang boleh dikehendaki daripadanya secara munasabah dan yang ada dalam pengetahuannya atau dalam kuasanya untuk memberikannya,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kuasa tambahan

162. Seorang pegawai diberi kuasa hendaklah, bagi maksud melaksanakan Akta ini atau perundangan subsidiarinya, mempunyai kuasa untuk melakukan semua atau mana-mana yang berikut:

- (a) menghendaki pengemukaan rekod, akaun, data berkomputer dan dokumen yang disimpan oleh pemegang lesen atau orang lain dan untuk memeriksa, meneliti dan untuk memuat turun daripadanya, membuat salinannya atau mengambil cabutan daripadanya;
- (b) menghendaki pengemukaan mana-mana dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana kes atau kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya; dan
- (c) membuat apa-apa siasatan yang perlu untuk memastikan sama ada peruntukan Akta ini atau perundangan subsidiarinya telah dipatuhi.

Bab 4

Pelbagai

Pengkompaunan kesalahan

163. (1) Menteri boleh menetapkan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Suruhanjaya, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, boleh pada bila-bila masa sebelum suatu pertuduhan dimulakan mengkompaun mana-mana kesalahan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan menerima daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum yang orang itu boleh dikenakan jika dia telah disabitkan atas kesalahan itu, dalam apa-apa masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulisnya.

(3) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau apa-apa perlanjutan masa yang boleh diberikan oleh Suruhanjaya, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat, dan apa-apa dokumen atau benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Suruhanjaya, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(5) Semua jumlah wang yang diterima di bawah subseksyen (2) hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Pendakwaan

164. Tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

165. (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya, seseorang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa yang lain bagi pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang dengan apa-apa cara atau pada apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan

kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—

- (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
- (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang boleh, di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya, dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkarannya, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja kepada ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan—

- (a) oleh pekerja orang itu dalam perjalanan pekerjaannya;
- (b) oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak orang itu; atau
- (c) oleh pekerja kepada ejen itu dalam perjalanan pekerjaannya dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu yang bertindak bagi pihak orang itu.

Maklumat atau pemberi maklumat tidak boleh dizahirkan

166. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada saksi dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah menurut Akta ini atau perundangan subsidiarinya boleh dikehendaki atau dibenarkan untuk menzahirkan nama atau alamat mana-mana pemberi maklumat atau kandungan dan jenis maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat itu diketahui.

(2) Jika suatu buku atau dokumen yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam apa-apa jua prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang menamakan atau memperihalkan mana-mana pemberi maklumat dalamnya atau yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat itu diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan supaya semua catatan sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui.

(3) Jika dalam sesuatu perbicaraan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya mahkamah, selepas menjalankan siasatan penuh tentang kes itu, berpendapat bahawa pemberi maklumat itu telah dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan penting yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya adalah benar, atau jika dalam apa-apa prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilakukan sepenuhnya antara pihak-pihak kepada prosiding itu tanpa mengetahui pemberi maklumat itu, maka adalah sah bagi mahkamah untuk menghendaki pengemukaan aduan yang asal, jika dalam bentuk bertulis, dan membenarkan sesuatu siasatan dan menghendaki penzahiran yang sepenuhnya berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

Cara penyampaian dokumen

167. (1) Penyampaian sesuatu dokumen kepada mana-mana orang hendaklah dilaksanakan—

- (a) dengan menyerahkan dokumen itu kepada orang itu atau dengan menyerahkan dokumen itu ke alamat orang itu yang terakhir diketahui;
- (b) dengan meninggalkan dokumen itu di alamat orang itu yang terakhir diketahui atau di tempat perniagaan orang itu dalam suatu sampul yang dialamatkan kepada orang itu; atau
- (c) dengan menghantar dokumen itu melalui pos berbayar dahulu yang dialamatkan kepada orang itu di alamatnya yang terakhir diketahui atau di tempat perniagaannya.

(2) Sesuatu dokumen yang dikehendaki disampaikan kepada pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni mana-mana premis hendaklah disifatkan telah dialamatkan dengan sepatutnya jika dialamatkan dengan menggunakan perihalan “pemilik”, “perbadanan pengurusan” atau “penghuni” premis itu tanpa nama atau perihalan lanjut dan boleh disampaikan dengan menyerahkan dokumen itu kepada seorang dewasa yang berada di premis itu atau, jika tiada orang sedemikian di premis itu yang dokumen itu dapat diserahkan kepadanya dengan usaha yang munasabah, dengan melekatkan dokumen di mana-mana bahagian yang mudah dilihat di premis itu.

Ketidaktepatan dalam dokumen

168. (1) Tiada kesilapan nama atau ketidaktepatan perihalan mana-mana orang, premis, pegangan, jalan atau tempat yang dinamakan atau diperihalkan dalam mana-mana dokumen yang disediakan, dikeluarkan atau disampaikan di bawah, menurut kuasa atau bagi maksud Akta ini atau perundangan subsidiarinya boleh dengan apa-apa cara menyentuh kuat kuasa Akta ini atau perundangan subsidiarinya berkenaan dengan orang atau tempat itu jika orang atau tempat itu dinyatakan dalam dokumen itu sedemikian rupa sehingga boleh dikenali pasti.

(2) Tiada prosiding yang diambil di bawah atau menurut kuasa Akta ini atau perundangan subsidiarinya boleh menjadi tidak sah kerana ketidaktepatan bentuk.

Kebertanggungjawaban pemindah hakmilik

169. (1) Tiap-tiap orang yang menjual atau memindahkan hakmilik mana-mana harta yang berkenaan dengannya belanja telah dilakukan oleh pemegang lesen atau pekhidmat dan ejennya, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada atau semasa melaksanakan apa-apa kerja yang, di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya, boleh didapatkan daripada pemilik harta itu hendaklah terus bertanggungjawab bagi pembayaran semua belanja yang kena dibayar berkenaan dengan harta itu dan bagi pelaksanaan semua obligasi lain yang dikenakan oleh Akta ini ke atas pemilik harta itu yang menjadi kena dibayar atau yang hendaklah dilaksanakan pada bila-bila masa sebelum pemindahan hakmilik itu berkuat kuasa.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh kebertanggungjawaban pembeli atau penerima pindahan untuk membayar belanja berkenaan dengan harta yang disebut dalam subseksyen (1) atau menyentuh hak pemegang lesen atau pekhidmat atau ejennya, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk mendapatkan belanja itu daripada, atau untuk menguatkuasakan mana-mana obligasi di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya terhadap, pembeli atau penerima pindahan itu.

Pengecualian kelengkapan daripada distres dan penahanan

170. Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, apabila apa-apa kelengkapan yang dipunyai oleh pemegang lesen diletakkan di

dalam atau di premis yang tidak dimiliki atau dihuni oleh pemegang lesen bagi maksud perkhidmatan bekalan air atau perkhidmatan pembetulan, kelengkapan itu tidak boleh tertakluk kepada distress atau tidak boleh diambil sebagai pelaksanaan di bawah mana-mana proses mahkamah atau dalam apa-apa prosiding kebangkrutan atau ketidaksolvenan terhadap mana-mana orang.

BAHAGIAN XII

AM

Kumpulan Wang Industri Air

171. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Industri Air” ditubuhkan dan hendaklah dikawal dan dikendalikan oleh Suruhanjaya.

(2) Kumpulan Wang Industri Air hendaklah terdiri daripada apa-apa jumlah wang yang disumbangkan oleh mana-mana pemegang lesen atau orang yang diberi kuasa di bawah Bab 2 Bahagian XIII mengikut kadar yang ditetapkan.

(3) Kumpulan Wang Industri Air hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) perlindungan dan pemuliharaan alur air dan kawasan tadahan air;
- (b) memastikan kekekalan bekalan air daripada alur air;
- (c) peningkatan kualiti air di alur air;
- (d) penyediaan perkhidmatan air dan pembetulan dalam pembangunan luar bandar; atau
- (e) apa-apa maksud lain yang ditentukan oleh Menteri.

(4) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan supaya akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang Industri Air dan laporan aktiviti yang sepatutnya berkenaan dengan Kumpulan Wang itu disimpan dan hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya disediakan bagi tahun kewangan itu—

- (a) suatu penyata akaun yang hendaklah mengandungi suatu kunci kira-kira dan akaun sumbangan dan perbelanjaan; dan
- (b) suatu pernyataan mengenai aktiviti.

(5) Suruhanjaya hendaklah dengan secepat mungkin menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan suatu salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkan supaya penyata dan laporan itu dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan

172. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan” ditubuhkan dan hendaklah dikawal dan dikendalikan oleh Suruhanjaya.

(2) Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan hendaklah terdiri daripada apa-apa jumlah wang yang disumbangkan oleh mana-mana pemaju atau orang yang membina—

- (a) bangunan dan menyambungkan bangunan itu suatu pembedung awam;
- (b) tempat rawatan kumbahan tanpa kemudahan pemprosesan enap cemar atau penjana kuasa tunggu sedia atau kedua-duanya; dan
- (c) tangki septik atau tangki septik komunal yang menghendaki suatu kemudahan pemprosesan enap cemar di luar tapak,

mengikut kadar yang ditetapkan.

(3) Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk menambah perbelanjaan modal yang dikehendaki bagi sistem pembedungan awam;
- (b) untuk melaksanakan sistem pembedungan serantau; atau
- (c) apa-apa maksud lain yang ditentukan oleh Menteri.

(4) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan supaya akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan dan laporan aktiviti yang sepatutnya berkenaan dengan Kumpulan Wang itu disimpan dan hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya disediakan bagi tahun kewangan itu—

- (a) suatu penyata akaun yang hendaklah mengandungi suatu kunci kira-kira dan akaun sumbangan dan perbelanjaan; dan

(b) suatu pernyataan mengenai aktivitiinya.

(5) Suruhanjaya hendaklah dengan secepat mungkin menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan suatu salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkan supaya penyata dan laporan itu dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

Pendaftaran perjanjian

173. (1) Perjanjian bertulis yang disebut dalam seksyen 32 and 53 hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya untuk pendaftaran.

(2) Seseorang yang ingin membuat sesuatu perjanjian yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah mengemukakan draf perjanjian bertulis yang telah dimuktamadkan itu kepada Suruhanjaya untuk pengendorsan.

(3) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa draf perjanjian yang telah dimuktamadkan yang dikemukakan kepadanya di bawah subseksyen (2) adalah selaras dengan Akta ini atau perundangan subsidiarinya, Suruhanjaya hendaklah mengendorskan draf perjanjian yang telah dimuktamadkan itu dan orang itu boleh membuat perjanjian bertulis itu atas terma yang sama dengan draf perjanjian yang diendorskan itu dan hendaklah mengemukakan perjanjian bertulis itu kepada Suruhanjaya untuk pendaftaran.

(4) Suruhanjaya hendaklah mendaftarkan apa-apa perjanjian bertulis yang dikemukakan kepadanya di bawah subseksyen (3).

(5) Jika pihak-pihak kepada suatu perjanjian bertulis yang disebut dalam subseksyen (1) memilih untuk membuat perjanjian bertulis sebelum Suruhanjaya mengendorskan perjanjian bertulis itu, pihak-pihak kepada perjanjian itu hendaklah membuat peruntukan dalam perjanjian bertulis itu yang membawa maksud bahawa perjanjian bertulis itu hanya efektif apabila Suruhanjaya mendaftarkan perjanjian bertulis itu.

(6) Suatu perjanjian bertulis yang disebut dalam subseksyen (1) hanya boleh dikuatkuasakan apabila perjanjian itu didaftarkan.

(7) Suruhanjaya hendaklah mendaftarkan perjanjian bertulis itu jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa perjanjian itu selaras dengan Akta ini atau perundangan subsidiarinya.

(8) Suruhanjaya hendaklah menyenggarakan suatu daftar mengenai semua perjanjian yang didaftarkan di bawah seksyen ini mengikut seksyen 176.

(9) Daftar itu hendaklah mengandungi—

- (a) nama pihak-pihak kepada perjanjian;
- (b) perihalan am mengenai perkara yang berkaitan dengan perjanjian; dan
- (c) tarikh perjanjian,

kecuali terma dan syarat perjanjian.

(10) Suatu salinan perjanjian bertulis itu hendaklah disimpan dengan Suruhanjaya.

Agensi perakuan

174. (1) Suruhanjaya boleh mendaftarkan agensi perakuan atau kelas agensi perakuan bagi maksud—

- (a) meluluskan pelan, spesifikasi atau reka bentuk terperinci berkenaan dengan pembinaan sistem bekalan air, sistem pemetungan, tangki septik, perpaipan pemetungan dalaman individu dan perpaipan pemetungan dalaman bersama;
- (b) memperakukan orang yang disebut dalam seksyen 50; dan
- (c) memperakukan pematuhan standard teknikal yang dibuat di bawah mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Sesuatu kelulusan oleh agensi perakuan berdaftar hendaklah disifatkan sebagai kelulusan oleh Suruhanjaya melainkan jika Suruhanjaya menyatakan sebaliknya.

Pelaporan kepada Menteri mengenai prestasi industri

175. (1) Suruhanjaya hendaklah memantau semua perkara penting yang berhubungan dengan industri perkhidmatan bekalan air dan pemetungan dan membuat laporan kepada Menteri di akhir setiap tahun kewangan Suruhanjaya.

(2) Dalam melaksanakan fungsinya di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah mengambil kira apa-apa petunjuk prestasi industri yang didapati sesuai oleh Suruhanjaya.

(3) Suruhanjaya hendaklah memantau dan melaporkan perkara yang berikut:

- (a) penguatkuasaan dan pentadbiran Akta ini dan perundangan subsidiarinya;
- (b) kadar yang terpakai bagi perkhidmatan bekalan air dan pembedaan;
- (c) kos pemegang lesen mengenai perbelanjaan modal untuk memastikan ketelusan dan kualiti;
- (d) pelaburan yang dikehendaki dalam sistem bekalan air atau sistem pembedaan bagi keperluan masa hadapan;
- (e) standard perkhidmatan dan prestasi pemegang lesen;
- (f) standard penyenggaraan aset air dan pembedaan;
- (g) standard persekitaran dan kesihatan;
- (h) kecekapan dan keberkesanan pengendalian pemegang lesen bagi maksud pembaharuan lesen;
- (i) tahap pematuhan standard;
- (j) apa-apa kekurangan dalam ruang lingkup atau penguatkuasaan Akta ini dan perundangan subsidiarinya; dan
- (k) perkara lain yang difikirkan perlu oleh Menteri.

(4) Suruhanjaya hendaklah menyiarkan laporan itu mengikut cara yang disifatkannya sesuai dengan secepat yang dapat dilaksanakan berikutan dari tarikh Suruhanjaya menyerahkan laporan itu kepada Menteri.

Daftar

176. (1) Suruhanjaya hendaklah menyenggarakan suatu daftar dalam kedua-dua bentuk fizikal dan elektronik mengenai semua perkara yang dikehendaki didaftarkan di bawah Akta ini dan perundangan subsidiarinya.

(2) Seseorang boleh, apabila apa-apa fi yang dinyatakan oleh Suruhanjaya dibayar—

- (a) memeriksa daftar itu; dan
- (b) membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, daftar.

(3) Jika seseorang meminta supaya suatu salinan diberikan dalam bentuk elektronik, Suruhanjaya boleh memberikan maklumat yang berkaitan itu—

- (a) dengan menggunakan peranti pemprosesan data; atau
- (b) melalui penghantaran elektronik.

Arahan oleh Suruhanjaya

177. (1) Suruhanjaya boleh dari semasa ke semasa mengeluarkan arahan secara bertulis kepada mana-mana orang, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini, mengenai pematuhan atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat lesen, termasuk untuk meremedikan pelanggaran syarat lesen atau peruntukan Akta ini atau perundangan subsidiarinya.

(2) Sebelum membuat suatu arahan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah mengeluarkan notis bertulis kepada orang itu dengan menyatakan jenis pematuhan yang dikehendaki.

(3) Orang itu hendaklah diberi peluang untuk didengar atau boleh mengemukakan suatu penghujahan bertulis mengenai sebab bagi tingkah laku atau aktivitinya dalam tempoh masa yang munasabah yang dinyatakan dalam notis itu.

(4) Selepas tamat tempoh notis yang dinyatakan dalam subseksyen (3), Suruhanjaya hendaklah menimbangkan apa-apa sebab yang diberikan oleh orang itu sebelum membuat suatu keputusan berhubung dengan tingkah laku atau aktiviti yang berkenaan orang itu.

(5) Selepas menimbangkan dengan sewajarnya apa-apa sebab yang telah diberikan oleh orang itu, Suruhanjaya boleh mengeluarkan suatu arahan menurut subseksyen (1) yang menghendaki orang itu supaya mengambil tindakan yang diarahkan sebagaimana yang dinyatakan dengan tujuan untuk memastikan bahawa orang itu tidak melanggar atau tidak terus melanggar mana-mana syarat lesen atau mana-mana peruntukan Akta ini atau perundangan subsidiarinya.

(6) Suruhanjaya hendaklah memberikan orang itu notis bertulis mengenai arahnya dengan secepat yang dapat dilaksanakan. Arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya hendaklah dipatuhi.

(7) Sesuatu arahan yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah Bab ini hendaklah didaftarkan dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(8) Arahan itu hendaklah berkuat kuasa dari tarikh pendaftaran atau apa-apa tarikh terkemudian yang dinyatakan oleh Suruhanjaya dalam arahan itu.

(9) Arahan itu hendaklah tamat tempohnya pada apa-apa tarikh yang dinyatakan oleh Suruhanjaya dalam surat cara bertulis itu atau jika tiada tarikh dinyatakan, arahan itu hendaklah terus berkuat kuasa sehinggalah arahan itu dibatalkan.

(10) Suruhanjaya boleh mengubah atau membatalkan sesuatu arahan dan tatacara yang dinyatakan dalam subseksyen (2), (3), (4), (5), (6), (7), (8) dan (9) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* berkenaan dengan apa-apa pengubahan atau pembatalan sesuatu arahan.

(11) Seseorang yang tidak mematuhi arahan Suruhanjaya di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(12) Suruhanjaya hendaklah menyenggarakan suatu daftar mengenai semua arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, termasuklah apa-apa pengubahan atau pembatalan sesuatu arahan mengikut seksyen 176.

Penentuan oleh Suruhanjaya

178. (1) Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, menentukan apa-apa perkara yang dinyatakan dalam Akta ini sebagai tertakluk kepada penentuan Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh menjalankan suatu rundingan awam sebelum membuat sesuatu penentuan, sama ada—

(a) sebagai respons kepada suatu permintaan bertulis daripada seseorang; atau

(b) atas inisiatifnya sendiri.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Suruhanjaya hendaklah menjalankan suatu rundingan awam terlebih dahulu sebelum membuat suatu penentuan jika diarahkan oleh Menteri.

(4) Tatacara yang terpakai bagi suatu siasatan awam di bawah seksyen 78, 79, 80, 81, 82 dan 83 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi rundingan awam dalam subseksyen (2) atau (3).

(5) Suatu rundingan awam hendaklah dijalankan mengikut cara yang selaras dengan peruntukan Akta ini.

(6) Dalam tempoh tiga bulan dari berakhirnya rundingan awam, Suruhanjaya hendaklah menentukan perkara itu.

(7) Suatu penentuan yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini hendaklah didaftarkan dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(8) Suatu penentuan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh pendaftaran atau apa-apa tarikh terkemudian yang dinyatakan oleh Suruhanjaya dalam penentuan itu.

(9) Penentuan itu hendaklah tamat tempoh pada apa-apa tarikh yang dinyatakan oleh Suruhanjaya atau jika tiada tarikh dinyatakan, penentuan itu hendaklah berkuat kuasa sehinggalah penentuan itu dibatalkan.

(10) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Suruhanjaya boleh mengubah atau membatalkan sesuatu penentuan, sebagai respons kepada suatu permintaan bertulis atau atas inisiatifnya sendiri dan tatacara yang dihuraikan dalam seksyen ini berkenaan dengan pembuatan sesuatu penentuan hendaklah terpakai *mutatis mutandis* berkenaan dengan apa-apa pengubahan atau pembatalan penentuan itu.

(11) Suruhanjaya hendaklah menyenggarakan suatu daftar mengenai semua penentuan yang dibuat oleh Suruhanjaya, termasuklah apa-apa pengubahan atau pembatalan sesuatu penentuan, mengikut seksyen 176.

Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan

179. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan pengeluaran lesen individu dan pendaftaran lesen kelas yang diberikan di bawah Akta ini, termasuklah kelayakan orang yang memohon untuk lesen, fi lesen bagi jenis lesen yang berlainan dan aktiviti berlesen, tempoh lesen, bentuk lesen, syarat standard lesen, fi pembaharuan dan caj pemprosesan yang lain;

- (b) menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan penyerahan kewajipan dan fungsi pemegang lesen perkhidmatan yang sedia ada kepada pemegang lesen perkhidmatan yang baru;
- (c) menetapkan apa-apa perkara yang berhubungan dengan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pebetungan termasuk kadar sumbangan;
- (d) menetapkan apa-apa perkara yang berhubungan dengan Kumpulan Wang Industri Air termasuk kadar sumbangan;
- (e) menetapkan caj atau kadar bagi sumbangan modal yang boleh dikenakan oleh pemegang lesen bagi maksud menyambungkan suatu premis atau pembangunan ke sistem bekalan air pemegang lesen;
- (f) menetapkan bentuk pemberitahuan, notis dan perintah yang hendak dibuat di bawah Akta ini;
- (g) menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun dan borang yang hendak digunakan dan kaedah dan tatacara bagi pengkompaunan kesalahan;
- (h) menetapkan fi dan caj yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini;
- (i) menetapkan apa-apa perkara yang baginya Akta ini membuat peruntukan nyata supaya dibuat melalui peraturan-peraturan;
- (j) menetapkan semua perkara lain yang perlu atau suai manfaat ditetapkan bagi menguatkuasakan Akta ini atau bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan yang diakibatkan oleh berkuat kuasanya Akta ini atau mana-mana peruntukannya.

Kuasa Suruhanjaya untuk membuat kaedah-kaedah

180. Suruhanjaya boleh membuat apa-apa kaedah bagi semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) memperuntukkan standard teknikal dan prestasi yang berikut:
 - (i) standard dan spesifikasi minimum yang hendak digunakan dalam mereka bentuk, membina, memasang, melindungi, mengendalikan dan menyenggarakan apa-apa sistem bekalan air atau sistem pebetungan;

- (ii) pemasangan meter dan submeter atau sistem pemantauan berkenaan dengan penyambungan, pemotongan, penggunaan, penyenggaraan, pengesahan, pengujian dan pentauliahan meter dan submeter atau sistem pemantauan dan berkenaan dengan apa-apa perkara yang berkaitan;
 - (iii) kelayakan minimum yang kena dimiliki oleh orang sebelum orang itu boleh dibenarkan membina, memasang, menguji, mentauliahkan, mengendalikan, menyenggarakan atau menguruskan apa-apa sistem bekalan air atau sistem pembedungan atau sebahagian sistem itu;
 - (iv) standard prestasi dan penerimapakaian petunjuk prestasi utama bagi sistem bekalan air dan sistem pembedungan;
 - (v) spesifikasi berkaitan prestasi bagi pembangunan infrastruktur yang hendak diusahakan oleh pemegang lesen kemudahan atau mana-mana orang lain;
 - (vi) retikulasi dalaman termasuk perpaipan dalaman dan penuras air;
 - (vii) penstandardan kelengkapan, peranti dan bahan yang digunakan bagi sistem bekalan air dan sistem pembedungan dan bagi maksud menyediakan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedungan;
- (b) bentuk dan kandungan mana-mana perjanjian yang berikut:
- (i) perjanjian pajakan yang disebut dalam seksyen 32;
 - (ii) perjanjian antara pengguna dengan pemegang lesen pengagihan air bagi pembekalan air di bawah seksyen 52;
 - (iii) perjanjian untuk membekalkan air secara pukal antara pemegang-pemegang lesen perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan bekalan air di bawah seksyen 53; dan
 - (iv) perjanjian bagi penyediaan perkhidmatan pembedungan yang dikontrakkan antara pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni mana-mana premis dengan pemegang lesen perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan pembedungan di bawah seksyen 67;

- (c) semua perkara yang berhubungan dengan standard pengguna di bawah Akta ini;
- (d) kecekapan pengebilan dan pengutipan hasil yang dihasilkan daripada penyediaan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedahan;
- (e) lat tempoh dan cara yang mengikutnya pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni yang bertanggungjawab bagi suatu sistem pembedahan persendirian atau tangki septik hendak menyebabkan supaya tangki septiknya dinyahenap cemar dan, dalam hal suatu sistem pembedahan persendirian, diservis atau disenggarakan;
- (f) lat tempoh, masa dan cara yang mengikutnya mana-mana sistem bekalan air atau sistem pembedahan hendak diperiksa, notis yang hendak diberikan, jika ada, berhubungan dengan audit atau pemeriksaan dan persediaan yang dikehendaki dibuat oleh pemegang lesen atau pengurusannya bagi audit atau pemeriksaan;
- (g) semua perkara yang berhubungan dengan pengeluaran permit yang diberikan di bawah Akta ini, termasuklah tatacara bagi permohonan, fi, bentuk, syarat dan tempoh permit itu;
- (h) cara menyimpan rekod di bawah seksyen 136;
- (i) semua perkara yang berhubungan dengan pemberian maklumat oleh pemegang lesen kepada Suruhanjaya dan tahap perincian, lat tempoh, cara dan bentuk yang mengikutnya maklumat itu hendak diberikan;
- (j) semua perkara yang berhubungan dengan jenis pembangunan yang disebut dalam seksyen 46 dan 47;
- (k) semua perkara yang berhubungan dengan keadaan selamat dan keselamatan sistem bekalan air dan sistem pembedahan;
- (l) semua perkara yang berhubungan dengan perumusan dan pelaksanaan pelan keselamatan air dan pembedahan;
- (m) semua perkara yang berhubungan dengan pendaftaran orang yang membekalkan pemasangan, peranti atau kelengkapan yang berhubungan dengan sistem bekalan air, sistem pembedahan, tangki septik, perpaipan pembedahan dalaman individu atau perpaipan pembedahan dalaman bersama;

- (n) tatacara dan cara yang mengikutnya pelan dan spesifikasi berkenaan dengan apa-apa sistem bekalan air dan sistem pembetungan yang dicadangkan hendak dikemukakan dan diluluskan di bawah Akta ini, kewajipan dan tanggungjawab agensi perakuan, pemegang lesen, pemaju dan orang yang berkenaan yang lain dalam proses kelulusan itu termasuk kelulusan bagi reka bentuk dan spesifikasi yang terperinci, obligasi pemeriksaan dan penelesen fi;
- (o) semua perkara yang berhubungan dengan pencegahan terhadap pembaziran, penggunaan yang tidak wajar, salah guna, pencemaran air dan untuk memperuntukkan bagi penggunaan yang sewajarnya lengkapan air untuk memastikan keselamatan orang awam;
- (p) apa-apa perkara lain yang baginya Akta ini membuat peruntukan nyata supaya kaedah-kaedah dibuat oleh Suruhanjaya.

Penalti bagi perundangan subsidiari

181. Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 179 dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 180 atau mana-mana perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini boleh memperuntukkan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar dengan peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau perundangan subsidiari lain itu sebagai suatu kesalahan dan boleh memperuntukkan bagi penalti denda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau tempoh pemenjaraan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kuasa Menteri untuk meminda Jadual

182. Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* meminda Jadual.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

183. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Suruhanjaya atau terhadap mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Suruhanjaya berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya atas sifat yang sedemikian.

Perlindungan pegawai dan orang lain

184. Suruhanjaya, mana-mana pekerja atau ejen Suruhanjaya, agensi perakuan, pegawai diberi kuasa atau mana-mana orang lain tidak boleh dibawa guaman terhadapnya dalam mana-mana mahkamah bagi kerugian atau ganti rugi kerana atau disebabkan oleh, atau berkenaan dengan, apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan atau diperintahkan supaya dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya secara suci hati dan dalam perjalanan yang dicadangkan akan apa-apa kuasa atau pelepasan yang dicadangkan akan apa-apa tugas yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini.

BAHAGIAN XIII**PERUNTUKAN PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN****Bab 1***Pemansuhan dan kecualian***Pemansuhan**

185. (1) Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 [*Akta 508*], yang disebut “perundangan yang dimansuhkan” dalam Bahagian ini, dimansuhkan berkenaan dengan pemakaiannya bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

(2) Mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah perundangan yang dimansuhkan hendaklah, setakat yang perundangan subsidiari itu selaras dengan Akta ini, terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau digantikan oleh mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini, dan hendaklah bagi segala maksud disifatkan telah dibuat di bawah Akta ini.

(3) Menteri boleh, bilamana didapatinya perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian sama ada bagi maksud menghapuskan kesulitan atau berbangkit daripada terlulusnya Akta ini, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat apa-apa ubah suaian kepada mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah perundangan yang dimansuhkan sebagaimana yang difikirkannya patut.

Kecualian

186. Tertakluk kepada Bab 2 Bahagian ini, apa-apa pendaftaran, suruhan, tindakan, perintah, arahan, kelulusan atau keputusan yang

dilakukan, dibuat atau diberikan sebelum tarikh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan—

(a) sistem bekalan air atau sistem pembedungan; dan

(b) perkhidmatan bekalan air atau perkhidmatan pembedungan,

yang selaras dengan Akta ini hendaklah disifatkan telah dilakukan, dibuat atau diberikan di bawah Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya berhubungan dengan mereka yang tertakluk kepadanya sehingga dipinda atau dibatalkan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya atau sehingga tarikh tamat tempoh pendaftaran, suruhan, tindakan, perintah, arahan atau keputusan itu.

Penerusan hak, tanggungan, dsb., yang lain di bawah perundangan yang dimansuhkan

187. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, perundangan yang dimansuhkan atau apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini tidak boleh menyentuh mana-mana orang yang boleh didakwa atau dihukum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah perundangan yang dimansuhkan itu sebelum tarikh Akta ini berkuat kuasa, atau mana-mana prosiding yang dibawa atau hukuman yang dijatuhkan sebelum hari itu berkenaan dengan kesalahan sedemikian.

Bab 2

Peruntukan peralihan bagi pengendali yang sedia ada

Perkhidmatan bekalan air yang sedia ada

188. (1) Semua agensi, jabatan, lembaga air atau pihak berkuasa air Negeri yang, sebelum Akta ini mula berkuat kuasa, diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk—

(a) memiliki suatu sistem bekalan air; atau

(b) menyediakan perkhidmatan bekalan air melalui suatu sistem bekalan air,

hendaklah terus diberi kuasa di bawah Akta ini untuk memiliki atau menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang disebut terdahulu selama tempoh satu tahun dari tarikh ditetapkan atau

apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya jika agensi, jabatan, lembaga air atau pihak berkuasa air Negeri itu berdaftar dengan Suruhanjaya dalam tempoh tiga bulan atau apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya selepas tarikh ditetapkan.

(2) Pemberikuasaan yang diberikan kepada agensi, jabatan, lembaga air atau pihak berkuasa air Negeri di bawah subseksyen (1) hendaklah luput jika mereka tidak berdaftar dengan Suruhanjaya dalam tempoh tiga bulan atau tempoh lanjut selepas tarikh ditetapkan.

(3) Agensi, jabatan, lembaga air atau pihak berkuasa air Negeri boleh pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh pemberikuasaan itu memohon untuk suatu lesen di bawah Akta ini untuk terus—

- (a) memiliki suatu sistem bekalan air; atau
- (b) menyediakan perkhidmatan bekalan air melalui suatu sistem bekalan air,

selepas tamatnya tempoh pemberikuasaan itu.

Perkhidmatan pembedungan yang sedia ada

189. (1) Semua pihak berkuasa tempatan yang, sebelum Akta ini mula berkuat kuasa, diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk—

- (a) memiliki suatu sistem pembedungan; atau
- (b) menyediakan perkhidmatan pembedungan,

hendaklah terus diberi kuasa di bawah Akta ini untuk memiliki atau menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang disebut terdahulu selama tempoh satu tahun dari tarikh ditetapkan atau apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya jika pihak berkuasa tempatan itu berdaftar dengan Suruhanjaya dalam tempoh tiga bulan atau apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya selepas tarikh ditetapkan.

(2) Pemberikuasaan yang diberikan kepada pihak berkuasa tempatan di bawah subseksyen (1) hendaklah luput jika mereka tidak berdaftar dengan Suruhanjaya dalam tempoh tiga bulan atau tempoh lanjut selepas tarikh ditetapkan.

(3) Pihak berkuasa tempatan boleh pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh pemberikuasaan itu memohon untuk suatu lesen di bawah Akta ini untuk terus—

- (a) memiliki suatu sistem pembedungan; atau
- (b) menyediakan perkhidmatan pembedungan,

selepas tamatnya tempoh pemberikuasaan itu.

Lesen atau permit yang sedia ada

190. (1) Suatu lesen atau permit yang diberikan atau dikeluarkan—

- (a) di bawah perundangan yang dimansuhkan; atau
- (b) di bawah enakmen bekalan air Negeri yang berkenaan,

hendaklah terus diberi kuasa di bawah Akta ini dan hendaklah berkesan selama tempoh tiga bulan selepas tarikh ditetapkan atau apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya jika lesen atau permit itu didaftarkan dengan Suruhanjaya dalam tempoh atau tempoh lanjut itu.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai melanjutkan tempoh atau jangka masa sesuatu lesen atau permit yang dinyatakan dalam subseksyen (1) melampaui tarikh tamat tempohnya.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), suatu lesen atau permit yang didaftarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah terus berkuat kuasa di bawah Akta ini sehinggalah—

- (a) tamat tempohnya; atau
- (b) bagi suatu tempoh dua tahun atau apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya selepas tarikh ditetapkan,

mana-mana yang lebih awal, melainkan jika pemegang lesen atau permit berdaftar itu telah diberikan suatu lesen atau permit di bawah Akta ini.

(4) Pemberikuasaan yang diberikan kepada seseorang yang memegang suatu lesen atau permit di bawah subseksyen (1) hendaklah luput jika dia tidak berdaftar dengan Suruhanjaya dalam tempoh tiga bulan atau tempoh lanjut itu selepas tarikh ditetapkan.

Perjanjian yang ditentukan dalam Jadual

191. (1) Seseorang yang disenaraikan sebagai orang diberi kuasa dalam ruang (1) Jadual hendaklah hanya diberi kuasa untuk menjalankan perkhidmatan dan aktiviti yang ditentukan dalam perjanjian dan perjanjian tambahan yang dinyatakan berseparahan dengan namanya dalam ruang (2) Jadual selama tempoh tiga bulan dari tarikh ditetapkan atau apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya melainkan jika orang itu menyerahkan suatu salinan perjanjian dan perjanjian tambahan yang diperakui benar itu kepada Suruhanjaya dalam tempoh atau tempoh lanjut itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), orang yang diberi kuasa yang menyerahkan suatu salinan perjanjian atau perjanjian tambahan yang diperakui benar kepada Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) hendaklah terus diberi kuasa di bawah seksyen ini sehingga tamat tempoh dua tahun atau apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya selepas tarikh ditetapkan.

(3) Pemberikuasaan yang diberikan kepada orang yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) hendaklah luput jika mereka tidak berdaftar dengan Suruhanjaya dalam tempoh tiga bulan atau tempoh lanjut selepas tarikh ditetapkan.

(4) Orang yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) hendaklah dengan secepat mungkin selepas menyerahkan perjanjian dan perjanjian tambahannya, tetapi dalam apa-apa hal tidak lewat daripada tiga bulan selepas tarikh penyerahan itu, memulakan rundingan semula perjanjian dan perjanjian tambahannya dengan Persekutuan dan pihak lain kepada perjanjian dan perjanjian tambahan itu supaya dapat menangani apa-apa isu kepentingan negara yang berbangkit daripada mula berkuat kuasanya Akta ini.

(5) Penentuan mengenai apa yang terjumlah dalam isu kepentingan negara yang berbangkit daripada mula berkuat kuasanya Akta ini hendaklah dibuat oleh Menteri dan penentuan sedemikian adalah muktamad dan mengikat semua orang dan tidak boleh dicabar, dirayukan, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(6) Apabila perjanjian atau perjanjian tambahan yang dirunding semula dimuktamadkan dengan pindaan, jika ada, Suruhanjaya hendaklah mendaftarkan perjanjian yang dipinda itu walau apa pun seksyen 173.

(7) Walau apa pun peruntukan Akta ini, mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau apa-apa rukun undang-undang atau kontrak, kegagalan seseorang yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) untuk memulakan rundingan semula perjanjian dan perjanjian tambahannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (4) hendaklah menjadi suatu alasan bagi pemberikuisaan yang disebut dalam subseksyen (1) dibatalkan atau bagi suatu lesen di bawah Akta ini tidak diberikan kepada orang itu.

(8) Jika sesuatu pemberikuisaan telah dibatalkan di bawah subseksyen (7) atau jika lesen tidak diberikan atas alasan yang dinyatakan dalam subseksyen (7), Kerajaan Persekutuan, Menteri atau Suruhanjaya tidaklah bertanggung—

(a) untuk membayar apa-apa pampasan kepada; dan

(b) bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau yang ditanggung oleh,

orang yang terjejas oleh pembatalan pemberikuisaan itu atau keengganan untuk memberikan lesen itu.

(9) Jika pemberikuisaan seseorang telah dibatalkan di bawah subseksyen (7) atau orang itu tidak diberikan lesen atas alasan yang dinyatakan dalam subseksyen (7), Menteri hendaklah menjalankan kuasanya di bawah seksyen 114 dan semua peruntukan yang berhubungan dengan seksyen 114 hendaklah terpakai dengan sewajarnya.

Pernyataan hasrat untuk berpindah kepada lesen

192. (1) Dalam tempoh satu tahun atau apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya dari tarikh ditetapkan—

(a) pemegang sesuatu lesen sedia ada berdaftar; atau

(b) seseorang yang diberi kuasa di bawah seksyen 191,

hendaklah menghantar suatu notis bertulis kepada Suruhanjaya yang menyatakan hasratnya sama ada dia bercadang memohon untuk suatu lesen di bawah Akta ini sebagai ganti lesen atau pemberikuisaan sedia ada berdaftar itu.

(2) Hendaklah dilampirkan pada notis yang dinyatakan dalam subseksyen (1)—

- (a) dalam hal jika orang itu bercadang memohon untuk suatu lesen di bawah Akta ini sebagai ganti lesen atau pemberikuasaan sedia ada berdaftarnya, suatu permohonan untuk lesen di bawah Akta ini; atau
- (b) dalam hal jika orang itu tidak bercadang memohon untuk suatu lesen di bawah Akta ini, suatu permohonan untuk pemberikuasaan bertulis di bawah Akta ini.

(3) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi pemegang suatu lesen sedia ada berdaftar yang aktivitiya menghendaki suatu lesen kelas atau permit di bawah Akta ini.

(4) Pemegang suatu lesen sedia ada berdaftar yang aktivitiya menghendaki suatu lesen kelas atau permit di bawah Akta ini boleh mendaftar untuk suatu lesen kelas atau memohon untuk suatu permit di bawah Akta ini, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada atau sebelum tamat tempoh lesen atau perमितnya yang sedia ada atau tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1), mengikut mana-mana yang lebih awal.

(5) Suruhanjaya boleh mengeluarkan suatu pemberikuasaan bertulis kepada seorang pemohon tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dan pemberikuasaan bertulis yang diberikan kepada seorang pemohon di bawah subseksyen ini hendaklah hanya bagi tempoh permulaan perjanjiannya yang ditentukan dalam Jadual atau sehingga ditamatkan perjanjian itu dengan lebih awal.

(6) Jika orang yang diberi kuasa di bawah seksyen 191 ialah juga pemegang suatu lesen sedia ada berdaftar, orang yang diberi kuasa itu tidak dikehendaki untuk menyatakan hasratnya tentang sama ada dia bercadang memohon untuk suatu lesen di bawah Akta ini sebagai ganti lesen sedia ada berdaftar itu. Pernyataan hasrat orang yang diberi kuasa itu berkenaan dengan pemberikuasaannya yang diberikan di bawah seksyen 191 hendaklah disifatkan sebagai sama seperti bagi lesen sedia ada berdaftarnya.

(7) Suruhanjaya boleh membatalkan sesuatu pemberikuasaan bertulis atau mengubah suai, mengubah atau membatalkan syarat-syarat sesuatu pemberikuasaan bertulis atau mengenakan syarat-syarat lanjut ke atas sesuatu pemberikuasaan bertulis.

(8) Tatacara yang dinyatakan dalam—

- (a) seksyen 11; dan
- (b) seksyen 13,

hendaklah terpakai *mutatis mutandis* berkenaan dengan mana-mana pengubahsuaian, perubahan atau pembatalan syarat-syarat sesuatu pemberikuasaan bertulis, pengenaan syarat-syarat lanjut ke atas sesuatu pemberikuasaan bertulis dan pembatalan sesuatu pemberikuasaan bertulis.

(9) Menteri boleh menetapkan kriteria untuk memohon suatu lesen sebagai ganti suatu lesen dan pemberikuasaan sedia ada berdaftar serta syarat-syarat yang dikehendaki dipenuhi oleh—

- (a) pemegang sesuatu lesen sedia ada berdaftar; atau
- (b) seseorang yang diberi kuasa di bawah seksyen 191.

Taraf lesen dan pemberikuasaan sedia ada berdaftar

193. Walau apa pun terma-terma lesen sedia ada berdaftar dan perjanjian yang ditentukan dalam Jadual, seseorang yang mempunyai—

- (a) lesen sedia ada berdaftar;
- (b) pemberikuasaan di bawah seksyen 188, 189 dan 191; atau
- (c) pemberikuasaan bertulis di bawah seksyen 192,

hendaklah bagi maksud Akta ini mematuhi kewajipan dan obligasi pemegang lesen di bawah Akta ini termasuk obligasi untuk memenuhi standard kualiti minimum di bawah seksyen 41 dan untuk menyumbang kepada Kumpulan Wang Industri Air dan mematuhi kuasa Menteri dan Suruhanjaya di bawah Akta ini seolah-olah orang itu ialah pemegang suatu lesen yang mempunyai ruang lingkup yang serupa di bawah Akta ini dan perundangan subsidiarinya tetapi tidaklah berhak kepada apa-apa faedah baru yang diberikan di bawah Akta ini termasuk hak pemegang lesen perkhidmatan di bawah seksyen 32.

JADUAL
[Seksyen 191]

PERJANJIAN

<i>Ruang (1)</i> <i>Orang yang diberi kuasa</i>	<i>Ruang (2)</i> <i>Perjanjian dan Perjanjian Tambahan</i>
1. Air Utara Indah Sdn Bhd	Perjanjian Penswastaaan bertarikh 22 November 1990 Perjanjian Konsesi Tambahan bertarikh 26 November 1998 Perjanjian Konsesi Tambahan bertarikh 14 September 2000
2. <i>[dipotong oleh P.U. (A) 431/2007]</i>	
3. Equiventures Sdn Bhd	Perjanjian Penswastaaan yang juga Perjanjian Konsesi bertarikh 28 Jun 1992
4. Indah Water Konsortium Sdn Bhd	Perjanjian Konsesi bertarikh 9 Disember 1993
5. Innovest-Lyonnaise Sdn Bhd	Perjanjian Konsesi bertarikh 5 Oktober 1989 Perjanjian Konsesi Tambahan bertarikh 21 Februari 1992
6. Kelantan Water (Malaysia) Sdn Bhd	Perjanjian Konsesi bertarikh 26 Februari 1995
7. Konsortium Abass Sdn Bhd	Perjanjian Penswastaaan yang juga Perjanjian Konsesi bertarikh 9 Disember 2000 Perjanjian Penswastaaan yang juga Perjanjian Konsesi Tambahan bertarikh 10 Februari 2001
8. Metropolitan Utilities Sdn Bhd	Perjanjian Konsesi bertarikh 28 Mac 1989 Perjanjian Konsesi Tambahan bertarikh 18 September 1997 Perjanjian Konsesi Tambahan bertarikh 12 Ogos 2003 Perjanjian bagi Pembekalan Air yang telah Dirawat bertarikh 19 Ogos 1994

<i>Ruang (1)</i> <i>Orang yang diberi kuasa</i>	<i>Ruang (2)</i> <i>Perjanjian dan Perjanjian Tambahan</i>
9. Puncak Niaga (M) Sdn Bhd	Perjanjian Penswastaaan yang juga Perjanjian Konsesi bertarikh 22 September 1994 Perjanjian Pembinaan yang juga Perjanjian Pengendalian bertarikh 22 Mac 1995 Perjanjian Pembinaan yang juga Perjanjian Pengendalian Tambahan bertarikh 6 September 1997 Perjanjian Pembinaan yang juga Perjanjian Pengendalian Tambahan bertarikh 9 April 1999
10. Southern Water Corporation Sdn Bhd	Perjanjian Konsesi bertarikh 31 Mei 1994
11. Syarikat Air Johor Sdn Bhd Lambang Optima Sdn Bhd SAJ Holdings Sdn Bhd	Perjanjian Konsesi bertarikh 20 April 1999 Perjanjian Konsesi Tambahan bertarikh 8 Mei 2002
12. Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd	Perjanjian Pengkorporatan bertarikh 1 Julai 1999 Perjanjian Pengkorporatan Tambahan bertarikh 3 Mac 2004
13. Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd	Perjanjian Konsesi bertarikh 15 Disember 2004
14. Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd	Perjanjian Penswastaaan bertarikh 24 Januari 2000 Perjanjian Pengendalian dan Penyenggaraan bertarikh 24 Januari 2000
15. Taliworks (Langkawi) Sdn Bhd	Perjanjian Penswastaaan Bekalan Air Langkawi bertarikh 7 Oktober 1995

